KAFIRkah Aku?



AMANAT

"Saudara-Saudara sekalian, percayalah, kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang BN, bukan kerana nama BN. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita ada-lah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk H indu, kita tidak payah masuk Budha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku".

C.N AL-AFGHANI

PENAWAR TERBAIK ADA, DI SEBALIK KEPAHITAN

"Ya Allah, limpahkanlah rahmat dan kesejahteraan ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan dengan limpah rahmat tersebut, akan teruraikah segala kekusutan, akan lenyap segala dukacita, akan terselamatlah kami daripada segala dosa, akan terkawallah segala penyelewengan dan terlaksanalah segala hajat kami"

PAHIT ITU PENAWAR

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Salam selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Insan pilihan sebagai kekasih Allah. Semoga dirahmati baginda dan ahli keluarga serta sahabat baginda.

Penghujung Disember 2011 Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin telah melahirkan dukacita kerana masih wujudnya isu dua imam di negeri baginda. Rungutan itu telah menarik perhatian MB Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad bin Said yang menyalahkan Pas dalam isu tersebut. Ketua Ulama Pas Pusat, Ustaz Harun Taib memberi komen bahawa isu dua imam dan kafir mengkafir itu telah lama Pas tinggal. Maksudnya memang Pas pernah pelopori isu tersebut.

Generasi remaja hari ini pasti tidak sedar apa sebenarnya berlaku di sebalik isu yang disentuh oleh Sultan Terengganu. Justeru itu, saya rasa terpanggil untuk memaparkan kisah sebenar di sebalik isu tersebut. Pendedahan ini bukan untuk mencari populariti, membuat fitnah, menjatuhkan imej mana-mana pihak atau pun mencemarkan ulama dalam parti Pas. Semua ini semata-mata untuk bahan renungan bersama demi menyelamatkan agama, negara dan bangsa. Juga sebagai satu panduan dalam memecahkan minda masyarakat yang inginkan kebenaran, keadilan dan kesejahteraan sebelum membuat keputusan dalam PRU 13 ini.

Berfaktakan pengalaman, juga contoh-contoh isu semasa yang akan didedahkan kelak, diharapkan pembaca dapat menerimanya sebagai satu pandangan buat perbincangan. Saya tidak memaksa untuk pembaca menerima apa yang saya dedahkan. Jika ianya kebetulan benar, sama-sama kita ambil manfaat. Jika terbukti saya membuat kesilapan, moga sedia ada yang membetulkannya. Saya mewakafkan diri untuk mencari titik kebenaran dan perpaduan ummah. Biarlah kita sama-sama seiring bersama orang-orang yang diberi petunjuk oleh Allah. Sesuai dengan apa yang saban hari kita membaca dan berdoa kepada Allah pada akhir surah Fatihah,

'Bimbinglah kami ke jalan yang lurus. Iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang yang dimurkai, dan bukan pula jalan orang yang sesat.'

Pendedahan tentang keresahan ini sebenarnya mewakili ribuan lagi ahli-ahli Pas yang kurang senang dengan perkembangan politik tanah air sekarang. Ribuan ahli Pas sedang bingung dengan perubahan sikap pimpinan mereka. Bagaimanapun, ada sesuatu yang menghalang mereka dari membuat teguran. Majoriti ahli Pas berpegang kepada daripada mendatangkan mudarat yang besar, biarlah kekal mudarat yang kecil. Oleh itu diam, tutup mulut. Kalau bising-bising dekat luar, jadilah nasib seperti Dato' Dr. Hasan Ali yang dihumban keluar dari tingkap Pas.

Kita tidak tahu, entah berapa tahun Dato' Dr. Hasan Ali bergelut dengan masalah ini semasa berada dalam Pas. Agaknya telah habis usaha beliau, tidak ada pilihan lagi selain bertindak seperti apa yang telah berlaku. Mungkin dalam isu ini ada hikmahnya untuk ummah. Sekurang-kurangnya masyarakat dapat tahu bahawa di bawah air yang tenang dalam kolam Pas itu sebenarnya ada buaya, ada parasit. Semuanya makhluk perosak. Bukan sahaja pada Pas, malah pada Islam itu sendiri.

Apabila saya membuat report polis berhubung penyelewengan Tabung Mangsa Memali, ramai orang-orang Pas menyerang saya. Kononnya saya cuba menjatuhkan maruah parti, sedangkan isu itu boleh selesai cara dalaman. Itu komen mereka, pada hal mereka ini tidak tahu, betapa saya telah cuba selesaikan isu ini secara jemaah. Bermula dari kawasan, negeri dan pusat. Bertahun masa yang saya ambil, tetapi yang menjadi dalangnya seorang yang berkuasa di kawasan, negeri dan sangat rapat dengan pimpinan pusat, terutama presiden ketika itu. Akibatnya saya dipecat dari Pas.

Dengan terbitnya buku ini, rasanya sekali lagi saya akan diserang oleh pimpinan dan ahli Pas. Pasti saya dituduh kurang ajar terhadap ulama, lawan ulama dan cuba merosakkan perjuangan Islam yang dibawa oleh Pas. Suka saya tegaskan, menentang ulama sebagai pewaris nabi, bukan cita-cita saya. Hanya sekadar mengingatkan dan menegur kepincangan yang ada. Berdosa seorang makmum yang tidak menegur imam yang batal solatnya kerana terdapat najis cicak di tapak kaki imam itu. Najis itu terlalu kecil dan berada di bawah telapak kaki, tentunya si imam tidak sedar yang dirinya bernajis. Menjadi tugas makmum yang melihat najis itu membuat teguran. Saya menulis ini bukan atas platform mana-mana parti, tetapi atas platform Islam.

Maka harapan saya, agar Allah menerima ini sebagai satu ganjaran baik untuk semua pihak. Inilah sahaja satu cara yang masih ada bagi saya untuk sama-sama mengajak pembaca dalam membuka minda dalam mengutamakan Islam, bukan pimpinan. Kita semua tahu, Rasulullah pernah menyebut, jika anaknya Fatimah melakukan jenayah, tetap dihukumnya walaupun Fatimah itu puteri kesayangan baginda. Peringatan-peringatan begini sering disebut oleh ulama Pas dalam kuliah mereka sebelum ini dalam usaha memantapkan akidah ahli. Saya sedar teguran atau pandangan ini, agak berat untuk diterima oleh ahli Pas. Saya juga sedar tindakan ini amat mencabar, terlalu amat pahit tetapi terpaksa juga ditelan kerana di situ tersembunyi penawar yang mujarab.

DALAM SINARAN BULAN PURNAMA

Saya menyertai Pas awal 1985 ketika masih berkhidmat sebagai seorang guru. Walaupun belum lagi aktif, tetapi mula mengenali agak rapat dengan pimpinan Pas Kedah ketika itu, kerana saya berusaha menubuhkan badan penyokong Pas terdiri dari penjawat awam yang dikenali sebagai JPPP @ J3P (Jawatankuasa Pegawai Penyokong Pas). Saya adalah setiausahanya. Bila menyertai Pas, saya mulai membiasakan diri dengan memakai serban, seperti kebanyakan ahli-ahli Pas yang lain. Ramai di kalangan guru-guru yang cenderung pada Pas memakai serban. Pengetua dan PPD tak dapat buat apa-apa, sekadar keluar pekeliling etika berpakaian bagi guru.

Boleh kata, suara kami guru-guru yang sokong Pas didengari. Apa sahaja ko-kurikulum yang tidak sesuai dengan syariat, kami tentang atau boikot. Aktiviti sukan juga kami yang meletakkan garis panduan latihan. Pelajar lelaki dengan perempuan tak boleh bercampur dalam apa-apa latihan dan pelajar perempuan wajib menutup aurat. Kami juga berjaya membentuk usrah di kalangan pelajar. Pelajar dan waris secara jelas mengetahui kami dari parti mana. Bercakap tentang Pas dan Umno dalam kelas dan bilik guru telah lumrah bagi kami.

Pada tahun 1986 saya terpilih menjadi Ketua Pemuda dalam mesyuarat agung Pemuda Pas Kawasan Padang Terap. Sejak itulah saya benar-benar menumpukan perhatian kepada aktiviti Pas. Seluruh kehidupan saya berada dalam sinaran Bulan Purnama. Terlibat secara serius apa juga program anjuran sama ada dari Pas kawasan, negeri mahupun pusat.

Semangat pengorbanan terhadap parti dipupuk semahu-mahunya. Saya sanggup meninggalkan tugas untuk menghadiri program parti. Kerjaya sudah menjadi nombor dua dalam hidup masa itu. Semangat ini semakin berkobar-kobar lagi bila berlakunya peristiwa rampasan tanah milik Pas Kedah di Batu 14, Pokok Sena pada awal 1987 oleh Kerajaan Negeri Kedah yang ketika itu MBnya Datuk Paduka Osman Arof. Setelah berkali-kali rundingan antara kedua pihak tidak berhasil, maka Pas bertegas mempertahan tanah tersebut.

Sistem kawalan sepanjang masa yang melibatkan kawasan-kawasan seluruh Kedah di atur. Ahli-ahli Pas yang berdekatan telah jadikan muasasah itu sebagai rumahtangga mereka. Setengahnya berpesan pada isteri yang mereka turun dari rumah dengan niat untuk mati syahid di muasasah itu. Dewan Pemuda Pas kawasan Padang Terap ditugaskan menjaga keselamatan kerana tapak muasasah berada dalam kawasan parlimen Padang Terap (sekarang di bawah kawasan parlimen Pokok Sena). Selaku Ketua Pemuda kawasan, saya dilantik sebagai ketua keselamatan Muasasah, termasuk keselamatan pimpinan yang hadir di situ.

Ogos 1988, saya ambil keputusan berhenti mengajar tanpa maklum pada jabatan pendidikan hingga sekarang. Saya tidak pernah menyesal dengan keputusan ketika itu. Bila isteri merungut, saya katakan yang saya terpaksa berkorban untuk parti yang berjuang kerana Islam. Saya katakan juga kalau tidak kita, siapa lagi yang akan berjuang menegakkan hukum Allah. Keputusan saya adalah muktamad.

Sepanjang bersama Pas, saya telah melalui beberapa proses pembinaan jati diri ahli. Ketika itu penekanannya menjurus kepada kekuatan akidah. Sesuai dengan itu, terbentuklah tema-tema pada muktamar Pas seperti 'Menggempur Pemikiran Assobiyyah', 'Meroboh Rangkaian Penindas' dan 'Bertindak Menentang Kezaliman'. Apa juga program ke arah motivasi dan ceramah ketika itu, menghuraikan sedalam-dalamnya maksud assobiyyah, taghut, munafik dan juga kezaliman. Ayat-ayat Quran dan hadis yang di ketengahkan juga semuanya berkait rapat dengan isu itu.

Pimpinan Pas masa itu mahu ahlinya benar-benar bersih akidah. Bukan sahaja membuang fikiran assobiyyah dan sekularisme, malah juga membuang fitrah pertubuhan Islam lain seperti Abim, Al-Arqam, Tabligh, Jim, Hamim, Berjasa dan lain-lain yang tak sehaluan dengan Pas. Pas benar-benar bersendirian dalam arena dakwah dan berpolitik. Pas langsung tidak dapat menerima DAP waktu itu. Seperti kunyit dengan kapur atau kucing dengan anjing.

Ketegasan Pas ini menyebabkan beberapa isu kontroversi berlaku antara Umno dan Pas. Masyarakat ketika itu dengan mudah dapat membezakan antara orang Pas dan Umno. Pimpinan dan ahli Pas seolah-olah mewajibkan diri untuk memakai serban. Paling kurang pun kupiah putih. Begitu juga dengan janggut, yang ada seurat dua pun simpan juga, jangan nak cari yang berdagu licin. Kebanyakan pula memilih serban warna hitam dan merah. Lambang peperangan dan keberanian.

Sewaktu menjadi perwakilan Pas Kawasan Padang Terap dalam muktamar tahun 1987, saya mengenakan pakaian serba hitam sepanjang 3 hari bersidang. Dari serban hingga ke kasut semuanya hitam. Sementara semua perwakilan Dewan Pemuda Pas Terengganu pula, mengenakan serban Palestin warna merah yang di ketuai Ustaz Abu Bakar Abdullah. Majoriti perwakilan dan pimpinan Pas berserban, tak seorang pun yang berani memakai kupiah hitam, apa lagi tanpa kupiah.

Perbahasan para perwakilan pula sungguh bersemangat, pernah berlaku mesyuarat berlangsung hingga jam 2 pagi. Waktu itu sedang panas dengan isu kristianisasi. Usul ini dibahas dengan penuh panjang lebar. Pembahas utama adalah Mohamad Sabu yang berlawan hujah dengan Khalid Samad. Kedua-duanya mempunyai penyokong yang sangat hebat berhujah. Waktu itu, hal-hal berkaitan akidah, amat sensitif bagi pemuda Pas. Sanggup mati bila-bila masa. Perkataan jihad dan syahid meniti setiap bibir perwakilan yang berbahas. Menghentam Umno dan media yang pro pemerintah sudah lumrah. Setiap muktamar ada sahaja usul boikot media pro pemerintah.

Pimpinan Pas atau ahli sama sekali tidak akan berani memakai baju batik, baju berlengan pendek hatta kot sekali pun. Ada tok guru dan ustaz yang memberi fatwa, memakai tali leher boleh rosak akidah, kerana simpulan bahagian atasnya berbentuk salib. Topi keledar dianggap haram, kerana menyamai orang kafir. Banyak jugalah kes saman hingga bawa ke mahkamah berkaitan isu topi keledar ini.

Tidak keterlaluanlah kalau dikatakan waktu itu, masing-masing sanggup berkorban apa sahaja demi kawan atau istilahnya 'orang kita'. Lingkungan orang kita ini hanyalah terdiri dari ahli Pas. Walaupun ahli keluarga, tetapi masih Umno tidak diiktiraf sebagai orang kita. Lebih dahsyat lagi hingga ada yang memutuskan hubungan keluarga. Pendirian ini diambil sebenarnya bukanlah mengikut nafsu, tetapi ada dalil-dalil yang disampaikan oleh pimpinan Pas.

Selalu ditekankan oleh penceramah dan tok guru Pas, antaranya tentang hukum kafir kepada pemerintah yang tidak melaksanakan perundangan Islam, sebaliknya mengamalkan undang-undang 'Lord Reid'. Begitu juga dengan mengambil atau memilih orang bukan Islam sebagai pemimpin. Juga haram di sisi Islam. Antara ayat yang di jadikan dalil adalah, Surah al-Nisa' ayat 144,

'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Adakah kamu hendak mengadakan alasan yang terang nyata bagi Allah untuk (menyeksa) kamu'.

Surah al-Maidah ayat 44,

'Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah di turunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang yang kafir'.

Surah at-Taubah awal ayat 29,

'Perangilah orang yang tidak beriman pada Allah dan tidak beriman pada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang di haramkan oleh Allah dan RasulNya.'

Demikian juga dengan kepimpinan Islam. Pas mempertikaikan apabila Umno meletakkan calon wanita dalam pilihanraya. Hadis Imam Bukhari dijadikan dalil,

'Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada kaum wanita.'

Selain dari Umno, pihak polis juga menjadi sasaran kebencian ahli Pas. Sebab itu, kalau ada program ceramah Pas dan ada pula sekatan polis, lebih ramailah yang datang. Dengan niat ingin bertembung dengan pihak polis yang setengahnya menganggap anggota polis ini sebagai 'talibarut atau anjing kerajaan BN/Umno'. Menanam rasa benci ahli Pas dengan sistem kehakiman negara juga sudah lumrah ketika itu. Apa juga keputusan hakim yang tidak memihak pada mereka, akan dikecam Umno sebagai dalang.

ISLAM… HUDUD…ISLAM

Justeru itu, ketegasan dalam isu akidah yang dibawa oleh Pas di awal era kepimpinan ulama, amat memberi kesan pada ahli. Ketaksuban pada parti dan pimpinan waktu itu, bukan lagi lakonan. Sehingga lahirnya mujahid-mujahid yang sanggup berkorban nyawa seperti dalam peristiwa Lubuk Merbau, tragedi Memali, isu perobohan Institut Berakan di Kuala Terengganu dan rampasan tapak muasasah di Kedah. Semua ini berlaku kerana tebalnya sifat kasih sayang ahli terhadap parti dan pimpinan.

Ahli-ahli Pas sanggup lakukan apa sahaja dengan hasrat ingin melihat Pas memerintah negara ini, menggantikan pemerintahan sekular yang dibawa oleh Umno. Pendek kata, mereka sanggup mati kerana Pas. Hendak lihat Pas menang besar kerana mahu sama ada Ustaz Fadzil atau Hj Hadi menjadi PM. Mereka yakin jika mati berjuang dalam Pas, akan dapat syahid, walau mati jatuh pokok ketika memasang bendera Pas sekali pun. Apa lagi bila difatwakan oleh setengah ulama Pas bahawa undi Pas itu boleh masuk syurga. Jika masih bertolak ansur dengan Umno, selagi itulah ruang ke syurga masih tertutup.

Inilah yang kami faham dan difahamkan semasa awal kepimpinan ulama. Dengan kefahaman inilah saya dan kawan-kawan lain penjawat kerajaan sanggup meninggalkan jawatan. Jawatan itu dianggap sebagai penghalang perjuangan dalam parti. Masing-masing dengan ikhlas berkorban mewujudkan sebuah kerajaan Islam yang syumul atau sempurna. Seringkali disebut oleh pemimpin Pas, andainya Pas dapat memerintah negara pada jam 12 tengah malam, maka undang-undang Islam akan terlaksana pada jam 12.01 minit. Terhapuslah di situ undang-undang Lord Reid. Sokongan padu pada Pas diberikan atas dasar ini, yakni mahu lihat hukum hudud itu terlaksana. Selagi hudud tidak terlaksana, ertinya perjuangan Pas masih gagal. Bagaikan makanan tidak bergaram, minuman tak bergula.

Pimpinan Pas juga mengatakan bahawa Umno gagal melaksanakan hudud kerana takut kepada orang bukan Islam. Umno dikatakan bimbang hilang undi masyarakat bukan Islam. Pimpinan Pas juga tidak menerima alasan dari mantan PM Malaysia sejak Tunku Rahman hingga Tun Dr. Mahathir, yang mereka sukar laksana hudud sebab Malaysia negara majmuk. Hujah PM ini ditolak dengan alasan bahawa ketika Kota Madinah di perintah oleh nabi dulu pun, masyarakatnya majmuk. Selain Islam ada Yahudi dan Kristian. Tetapi tidak melantik orang-orang kafir ini sebagai pemimpin kerajaan Islam. Alasan PM ketika itu dianggap sebagai takut kepada manusia, bukannya takut pada Allah. Lalu akidah PM dan ahli Umno disebut sebagai tidak betul. Atas alasan ini, mengundi Umno adalah haram.

Juga dijanjikan bila Pas berkuasa pemimpin-pemimpin kerajaan Pas sama ada PM, MB, KM, Exco dan pegawai kanan kerajaan, akan hidup secara sederhana.Tidak ada kereta mewah, rumah mewah, perabot mewah kalau boleh biar duduk atas lantai sahaja. Hingga

ada yang kata kalau boleh mereka akan pergi ke pejabat dengan basikal, kononnya nak ikut negara Cina. Mereka akan jadikan diri sebagai hamba kepada rakyat bukannya menghambakan rakyat. Pemerintahan Khalifah Omar Abdul Aziz akan dijadikan model. Kezuhudan Ayatullah Khomenei akan dijadikan ikutan.

Demi menyelamatkan akidah orang-orang Melayu Umno, demi menyelamatkan rakyat dari kezaliman BN /Umno, demi menyelamatkan wang rakyat dari kerakusan pimpinan BN/Umno, demi menyelamatkan masa depan agama Islam dan bangsa Melayu, seperti yang dikata, saya dan sebilangan rakan-rakan mengambil keputusan berhenti dari penjawat awam. Kami nak bergerak laju, agar negara Islam di bawah pentadbiran Pas segera terbentuk. Bertambah kuat azam kami untuk berjuang demi agama, demi bangsa dan rakyat tanpa ragu-ragu lagi, kerana habuan yang akan kami perolehi kelak adalah syurga. Apa akan berlaku pada masa depan kami dan anak isteri dengan kehilangan pekerjaan adalah tidak penting, tawakal sahaja. Allah Maha Mengetahui.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, apa juga halangan pasti akan ditempuh. Kata orang 'membujur lalu, melintang patah'. Siapa juga yang menjadi penghalang akan ditentang. Bukan sekadar sahabat handai, saudara mara atau jiran, malah ibu bapa sekali pun yang menghalang tidak akan diendahkan. Ini bukanlah kehendak Pas, tetapi kehendak Islam. Begitulah kata pemimpin Pas dengan mengemukakan dalil-dalil seperti dalam ayat 24 pada surah at-Taubah bermaksud,

Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azabnya); kerana Allah tidak akan beri petunjuk kepada orang yang fasik (derhaka).'

Atas kefahaman ini, atas pegangan ini, atas prinsip ini dan atas perjuangan ini untuk apa lagi kami hendak menentang arahan parti. Tidak ada sebab lagi untuk kami mempertikaikan setiap janji pimpinan. Sebagai ahli yang ikhlas dalam perjuangan, tetap wala' pada parti, wala' pada pimpinan, biarpun siapa sahaja pimpinan itu. Matlamat jatuhkan BN/Umno yang sekular perlu diutamakan, pemerintahan Islam harus disegerakan. Pada minda ahli ketika itu hanyalah 'Islam, hudud … Islam hudud…hudud dan hudud.'

TAFSIRAN BARU

Pengaruh, keberanian yang ada pada anggota Pas ketika itu, membuatkan ia disegani. Hinggakan apa juga aktiviti yang hendak dilakukan oleh pihak tertentu terpaksa berhati-hati bimbang tindakbalas dari ahli Pas. Ekspo atau karnival yang hendak diadakan, mesti sesuai dengan selera Pas. Jika ada unsur-unsur judi atau kemungkaran, Pas akan protes melalui demonstrasi dan lain-lain.

Ada negeri yang langsung tidak boleh anjurkan ekspo sama sekali, seperti Terengganu. Kalau diadakan juga, satu demonstrasi keras akan berlaku. Kerapnya akan diketuai oleh Ustaz Abu Bakar Chik. Di Alor Setar, Kedah, ekspo tahun 1988 beberapa buah kereta pengunjung ekspo dibakar. Selepas itu, bertahun juga tidak ada ekspo. Antara pertunjukan dalam ekspo yang jadi sasaran ulama Pas adalah 'rumah hantu'. Dikatakan khurafat.

Begitu juga dengan filem atau drama di pawagam dan tv, hatta iklan sekali pun, mesti bersopan. Artis lelaki tak boleh berambut panjang, adegan bercium, berpeluk dan berbual ringan atas katil juga tak boleh. Apa lagi pakaian menjolok mata, mendedahkan walau sedikit dari anggota yang sensitif. Demikian juga dengan jalan ceritanya, cerita-cerita tahyul atau mempersendakan agama tidak akan dibiarkan. Tayangan gusti di kalangan peserta wanita dilarang sama sekali. Juga pertandingan ratu cantik dikalangan wanita Islam turut ditentang.

Kehebatan dan kegemilangan begitu kini sudah tidak wujud lagi, kenapa? Inilah persoalannya yang hendak dibincangkan. Kenapa boleh keadaan ini berlaku, sedangkan pemimpin-pemimpin yang tegas seperti Hj. Hadi, masih ada. Malah lebih berkuasa selaku seorang presiden parti. Tidak lain, semua ini berpunca dari mengejar madhiah atau pun cinta dunia. Gila kuasa, gila pangkat dan gila kumpulkan harta. Parti sudah menjadi batu loncatan dalam mencapai matlamat ini. Apakah ianya benar?

Apa yang sedang berlaku di Kedah sekarang merupakan simbolik terjemahan kepada pendekatan baru Pas, iaitu 'mengulamakan intelek dan mengintelekkan ulama'. Kalau dulu, orang yang tidak memakai kupiah atau berbaju batik, rasa segan ke majlis Pas, sekarang sudah terbalik. Orang yang berserban dan kupiah pula tersipu-sipu masuk ke majlis Pas. Tidak ada lagi istilah sunnah dan pahala bila berserban dan jubah. Di kalangan pimpinan Pas pusat, boleh di hitung dengan jari siapa yang memakai serban. Lebih ramai yang apa-apa pun tak pakai, kosong. Istilah orang Kedah kata 'dogiang'.

Sikap begini merupakan sikap majoriti pimpinan Pas sekarang. Amalan budaya 20 tahun yang lalu, kini dianggap terlalu remeh, jumud dan buang masa untuk dibincang. Masyarakat hari ini sudah terlalu terbuka, maka Pas perlu rasional dalam semua hal. Keutamaan sekarang adalah bergerak menuju ke Putrajaya. Dalam mencapai matlamat itu, pedulikan dulu apa juga yang ada di kiri kanan lebuhraya ke Putrajaya. Jika ada

sesuatu hukum, prinsip dan kaedah yang menghalang, andai perlu tafsir semula, elok juga dipertimbangkan ke arah itu.

Layakkah jika ada yang hendak menuduh Pas sekarang lebih kepada 'matlamat menghalalkan cara'. Pas ada Mursyidul Am, Pas ada Majlis Syura dan Pas ada Dewan Ulama di pusat, negeri serta kawasan. Beribu orang para ulama dalam Pas, apakah mereka ini tidak faham hukum. Demikianlah antara hujah yang sering dikemukakan oleh orang Pas, dalam menangkis tohmahan terhadap para ulamanya.

Tetapi, mereka ini lupa bahawa para ulama dalam Pas, bukanlah insan yang maksum. Bebas dari sebarang dosa. Mungkin mereka tidak melakukan dosa, tetapi dengan membiarkan orang-orang penting dalam parti melakukan dosa, itu juga sama dengan berdosa, dalam istilah lain 'syubahat'. Mereka juga sering beri kuliah, mengingatkan sesiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah cegah dengan tangan, kalau tak mampu cegah dengan tangan hendaklah cegah dengan mulut, kalau tak mampu juga bencilah dengan hati. Saya yakin, dengan apa yang dilihat, ulama-ulama Pas ini mengambil pendekatan ketiga, iaitu benci dengan hati terhadap kemungkaran sesama mereka.

Berlandaskan ilmu masing-masing, mustahil mereka tidak benci dengan senator yang telah pecah amanah wang tabung Mangsa Memali, tentu juga benci dengan MB Kedah yang tak buang patung burung helang, turut benci dengan judi dan arak di Kedah, mungkin juga benci kepada Lembaga Pengarah Kohilal seperti Ali Maidin, Ismath, Sheikh Bakar dan lain-lain lagi. Puluhan juta wang caruman ahli entah ke mana.

Kemenangan Pas Kelantan sekurang-kurangnya telah membuka mata segelintir pemimpin Pas di peringkat pusat, negeri mahupun kawasan. Mereka juga berpeluang hidup mewah setelah bergelar YB Pas. Ada yang hanya beberapa bulan jadi YB telah menukar kereta baru, rumah baru dan tinggal di hotel mewah semasa hadir mesyuarat di parlimen. Tak kurang juga yang menambah isteri baru yang lebih muda, lebih cantik. Tak cukup dalam negara, pergi cari di luar negara. Istilah kata, mulai lupa daratan, cacing telah naik ke mata. Kenapa sanggup berhutang dengan bank untuk membeli kereta baru atau rumah baru. Di mana istilah riba yang pernah dipersoalkan dulu?

Tun Dr. Mahathir satu ketika pernah mencadangkan supaya tafsir al-Quran oleh ulama lalu dikaji semula supaya sesuai dengan keadaan semasa berdasarkan pandangan ulama terkini. Walaupun pada dasarnya pimpinan Pas menentang cadangan itu, nampaknya secara diam-diam mereka mendahului ulama Umno. Kalau dulu ulama Pas kata bercampur pemerintahan dengan orang kafir haram, sekarang mereka pula memilih DAP sebagai kawan. Kononnya ada maslahah, ada tujuan dan matlamat. Semata-mata berpakat untuk jatuhkan BN/Umno. Selepas itu, kalau nak bergaduh sesama anggota pakatan, tak menjadi hal lagi.

Dalam persidangan DUN Kedah pada 2 Ogos 2010, MB yang juga seorang ulama Pas menjelaskan bahawa pihaknya belum mengasingkan lagi sumber kewangan Kerajaan Negeri yang halal dan haram. Jadi, wang hasil premis judi, arak, lesen anjing digaul semangkuk dengan hasil wang halal. Dulu, pimpinan Pas berbuih mulut, kering tekak dan busuk peluh berceramah atas isu ini. Mendesak kerajaan BN/Umno pimpinan Tun Dr. Mahathir mengasingkan sumber kewangan halal dan haram.

Lesen anjing naik mendadak



Tahun lalu hanya RM5 dikenakan bagi setiap lesen dikeluarkan.

KULIM - Pemilik anjing di sekitar Kulim menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kenaikan lesen binatang pemeliharaan itu secara mendadak yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK).

Dari tinjauan dibuat mendapati, kenaikan sepulugh kali ganda itu mengakibatkan kebanyakan pemilik enggan memperbaharui lesen mereka.

Pemilik anjing, Tan Swee Wah, 35, berkatam sebelum ini Jabatan Haiwan hanya mengenakan RM5 bagi menghidupkan lesen binatang peliharaannya itu setiap tahun.

Menurutnya, bagaimanapun setelah MPKK mengambil alih, lesen dinaikkan kepada RM50 setahun bagi setiap ekor anjing yang dipelihara.

"Kami hairan bagaimana kenaikan mendadak seumpama ini boleh berlaku. Bayangkan dari RM5 ke RM50. Setiap rumah selalunya akan mempunyai sepasang anjing jantan dan betina. Ini memaksa kami membayar lesen hampir RM100 setahun. Kami dimaklumkan hanya dua ekor anjing sahaja yang dibenarkan untuk dipelihara dalam setiap rumah.

"Sekiranya anjing itu beranak, takkan kami hendak bunuh anaknya. Saya meminta MPKK untuk meneliti semula arahan dikeluarkan. Ia seharusnya dikaji semula keberkesanannya," katanya.

Sementara itu, jurucakap MPKK berkata, kenaikan lesen anjing dibuat untuk menyelenggarakan dan menyelesaikan masalah anjing liar.

"MPKK terpaksa menanggung kos menangkap dan melupuskan anjing liar. Dengan kenaikan tarif lesen anjing, sekurangnya ia dapat menampung perbelanjaan perubatan dan kakitangan bertugas untuk menangkap semua anjing berkeliaran tanpa lesen," katanya.

Pimpinan Pas pernah mempertikaikan kerajaan BN/Umno memberi wang sumber haram pada umat Islam untuk bangunkan masjid, surau, dewan orang ramai, sumbangan kebajikan pada fakir miskin dan lain- lain usaha kebajikan. Mengapa setelah 2 tahun lebih berkuasa MB Pas yang lebih faham Islam dari Umno, melakukan kerja-kerja yang sama seperti kerajaan BN/Umno dulu. Bertambah pelik apabila ramai ulama Pas pusat dan negeri memuji MB Kedah kononnya pandai memerintah, seorang yang toleran. Biar pun judi, arak, pusat hiburan dan bermacam maksiat makin berleluasa.

Belum sedia asingkan hasil sumber sah, judi

ALOR SETAR – Kerajaan Negeri belum bersedia mengasingkan hasil dan perolehan daripada hasil judi dan hasil sumber yang sah bagi tujuan perbelanjaan dan pembangunan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan mengasingkan punca hasil dari sumber judi dan arak daripada punca-punca hasil yang sah pada masa akan datang.

"Sehingga kini, anggaran jumlah Perolehan dan Hasil Kerajaan Negeri mengikut unjuran bagi tahun 2010 ialah sebanyak RM496,085,253.00, merangkumi hasil cukai (RM281,314,403.00), hasil bukan cukai (RM60,951,470.00), dan terimaan bukan hasil (RM153,819,380.00).

"Manakala anggaran perolehan hasil bagi tahun 2011 pula sebanyak RM520,966,869.65, termasuklah hasil cukai (RM295,380,123.15), hasil bukan cukai (RM63,999,043.50), dan terimaan bukan hasil (RM161,587,703.00)," katanya yang menjawab pertanyaan bertulis Datuk Syed Sobri Syed Hashim (BN- Kuala Nerang).

Politik kuasai Melayu

POLITIK menguasai orang Melayu, tegahan agama dinodai, janji dimungkiri, caci fitnah dibenar, syurga dijanji tanpa amalan hanya memangkah. Menyelamat umat terpesong diperlecehkan, pengundi hantu diutamakan, kerana politik tegahan ALLAH dihalalkan. **-BERCELARU**

Mengulas isu halal haram ini mengingatkan kita pada satu kisah bagaimana seorang murid yang ingin mendapat fatwa dari tok gurunya tentang haram halal ikan yang diperolehi semasa memancing. Oleh kerana jenis ikan itu tak pernah ditemui sebelum ini dan besarnya juga agak luar biasa, timbullah keraguannya. Tanpa menunjukkan ikan, dia merujuk hal itu pada gurunya. Bila gurunya memfatwakan ikan begitu tidak boleh di makan, lalu murid itu berkata, 'sayang sekali kerana kalau boleh dimakan, saya bercadang kepala ikan itu akan diberi pada tuan guru'.

Mendengar keluhan itu, gurunya menyuruh dibawa ikan untuk dilihatnya terlebih dahulu. Sebaik sahaja ikan itu berada di hadapannya, terus guru tersebut berkata yang ikan itu boleh dimakan. Dapatlah dia bahagian kepala ikan hasil dari fatwa barunya itu. Kisah ini dulunya sering disebut oleh ulama Pas dengan ditujukan ulama itu kepada ulama Umno. Oleh kerana ada habuan (kepala ikan), fatwanya telah berubah dari tidak boleh kepada boleh. Dengan perkembangan pemerintahan Pas di Kedah, apakah mereka juga telah mendapat kepala ikan seperti tuan guru dalam kisah di atas.

Kita boleh lihat sendiri, bagaimana contoh-contoh lain yang telah dan sedang berlaku di hadapan kita yang dianggap oleh banyak pihak sebagai tafsiran baru oleh pimpinan Pas. Membimbangkan lagi apabila telah ada suara dari pimpinan Pas untuk mengizinkan orang bukan Islam jadi Timbalan Perdana Menteri. Lebih teruk lagi ada yang mencadangkan orang bukan Islam dibenarkan memegang jawatan utama dalam Pas.

PAS MACAM UMNO ?

Pas sering menuding jari pada Umno kononnya tak buat itu dan ini, tak hapus itu dan ini. Tetapi setelah berkuasa seperti di Kedah, MB Pas pun tak sanggup hapus judi, tempat hiburan dan minuman keras. Pusat karokae tumbuh bagai cendawan, bukan sahaja dibandar besar, pekan kecil pun telah wujud. Siapa pengunjungnya kalau tidak remaja Melayu. Pemerintah BN/Umno keluarkan lesen judi, kita tuduh berbagai. Umpamanya berkaitan isu judi bola sepak dunia tahun 2010.

Kita menyeru ratusan ribu umat Islam untuk himpunan bagi membantah kerajaan pusat keluarkan lesen judi bola piala dunia. Banner di gantung merata tempat dan masjid menunjukkan protes sikap pemerintah. Tidakkah terfikir tempoh perlawanan bola sepak itu hanya satu bulan, sedangkan lesen judi di Kedah bertahun tempoh hayatnya, tetapi tidak diharamkan. Tidak ada pula piket orang Pas bantah MB mereka. Apakah kerana ianya di perintah oleh Pas, automatik judi itu jadi halal?

Setiap Adun, Ahli Parlimen, Senator, Menteri Besar, Exco dan pegawai kanan Kerajaan Negeri juga Ahli Majlis Daerah yang di kuasai Pas, sedia maklum yang mereka berada di kedudukan sekarang atas tiket parti Islam. Bukan menang atas tiket calon bebas atau atas batang tubuh masing-masing. Sebelum menang, tentu ada pada benak hati masing-masing untuk menjadi wakil rakyat terbaik mungkin.

Sebagai wakil rakyat kepada sebuah parti yang berjuang semata-mata untuk Islam. Maka, satu sen dari wang elaun sebagai tok wakil itu, jika dibazirkan, disalahgunakan untuk kepentingan yang melampau, ianya satu dosa. Apa lagi, bila wang itu ada kaitan dengan hak rakyat. Pastinya tidak wajar untuk mengambil kesempatan mengaut atau mengumpul kekayaan setelah bergelar YB. Waktu itu mungkin tak terbayang lagi untuk hidup mewah dengan kereta baru, rumah baru, isteri baru dan segalanya baru.

Sewaktu berkempen pilihanraya jadual program calon siang dan malam cukup padat. Hingga tidur pun sehari dua tiga jam sahaja demi bekerja keras untuk memenangkan parti. Dalam tempoh berkempen itu, kalau ada majlis kenduri dalam DUN atau kawasan Parlimen, lebih dari sepuluh tempat, tetap akan dihadiri. Letih lesu, panas badan, selsema atau demam sikit-sikit itu hal kecil sahaja. Apa yang penting, hadir majlis, tunjuk muka pada pengundi. Ceramah paling kurang sebelah malam tiga empat tempat. Esok pagi kuliah subuh, lepas itu lawatan ke pasar besar, pasar tani, majlis bersama rakyat. Petang pula majlis bersama pengundi, majlis bersama kaum Cina, India dan lain-lain. Malam, lepas maghrib jamuan makan bersama rakyat atau pengundi, kemudian ceramah.

Begitulah padatnya program. Rumah, bilik tidur, isteri dan anak-anak diketepikan buat sementara. Habis duit, habis masa, habis tenaga, meninggalkan kerja, meninggalkan kuliah, tempat tidur pun tak peduli sangat sama ada panas atau banyak nyamuk, tanpa

tilam bantal pun tak apa. Letih hingga tertidur dalam kereta juga tak mengapa. Semua ini tak menjadi hal. Pokoknya, mesti berkorban untuk parti, untuk Islam yang diperjuangkan Pas. Tidak pernah ada cita-cita untuk khianat pada parti setelah bergelar YB.

Sekarang apakah wujud YB Pas yang mengkhianati Islam ini? Ya kalau pun wujud, tetapi mereka bijak mencipta alasan, hingga ahli terpesona. Contoh, bila MB Kedah menukar kereta Mercedes baru bernilai sejuta, ada ahli Pas mengatakan MB memang patut guna kereta mewah untuk kesihatan diri, lebih selesa dan juga cepat bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Tak kanlah MB nak pakai kereta bernilai 30 ribu ringgit. No point. Tetapi mereka lupa, sewaktu MB dan YB Umno pakai kereta begini, pimpinan Pas kecam dengan mengatakan itu pembaziran wang rakyat.

Setelah hidup dalam keadaan mewah, telah pandai mencari ruang bisnes, projek dan lain-lain, mulalah menyibukkan diri dengan hal peribadi, hal keluarga dan perniagaan. Rakyat yang bagi undi tak hirau lagi, setengahnya jenguk muka pun tidak. Pengundi telah dianggap sebagai menyusahkan. Sudah terasa seperti menjadi pegawai pejabat zakat atau pegawai pejabat kebajikan. Jadi tumpuan untuk rakyat mengadu, tempat belia atau NGO minta derma. Dia yang dipilih oleh rakyat, sudah tidak selesa lagi bertemu rakyat. Inilah yang sedang berlaku.

Ada yang lebih dahsyat lagi sehingga sanggup ponteng mesyuarat parlimen. Kalau pergi pun sekadar mendaftar diri untuk tuntut elaun mesyuarat. Lepas itu, tinggal dewan. Ke mana? Ana sibuk, ana ada kuliah, ana ada mesyuarat, ada itu dan ini. Lupa pula dia satu ketika sebelum jadi YB, menghentam YB BN/Umno kerana tak turun padang di DUN atau parlimen masing-masing. Marah pada YB BN/Umno kerana ponteng mesyuarat di Dewan Rakyat atau Dewan Negara, kononnya makan elaun buta, tidak amanah dan sebagainya.

Saya tidak perlu menyebut orang-orang ini, sebab mereka berada di tengah-tengah masyarakat. Mereka ada di tengah-tengah kelompok atau perkampungan orang Pas. Siapa sahaja boleh lihat sendiri bagaimana kehidupan mereka sebelum dan selepas jadi YB. Kalau dulu hanya kereta sederhana, beberapa bulan jadi YB tukar kepada estima, kemudian tukar lagi kepada Alphard.

Kita akan terasa pelik lagi menghairankan jika ada YB BN/Umno hidup serba kekurangan, tetapi adalah amat terlebih pelik lagi mengejutkan jika YB dalam Pas tiba-tiba hidup dalam serba mewah di atas tiket perjuangan Islam. Sedangkan sebelum jadi YB, mereka ini berada dalam kategori orang yang layak terima BR1M ehsan dari PM, Datuk Seri Najib.



Bila ditanya kenapa pimpinan Pas berkereta mewah, dijawab mereka 'Tak boleh kufur nikmat'. Ke atas pimpinan Umno pula mereka kata, bazir duit rakyat'

Pas boleh berubah, tetapi Islam tetap tidak berubah. Saya tidak sanggup melihat ahli-ahli Pas dipermainkan selamanya oleh pimpinan yang tamak haloba. Islam bukan lagi matlamat, tetapi kuasa mendahului segala-galanya. Oleh kerana bukan Islam antara penentu kemenangan untuk berkuasa, maka mereka dipandang lebih mulia dari tuntutan Islam. Kepentingan kuasa memerintah lebih diutamakan dari mempertahankan akidah dan maruah Islam. Lakukan segala-galanya untuk rakyat menyokong Pas, bukannya menyokong Islam. Hingga ada pemimpin yang langsung tidak sensitif lagi dengan setiap ucapannya. Ada yang berani mengemukakan cadangan untuk membolehkan orang bukan Islam jadi Timbalan Presiden Pas. Ada pula yang berani berkata yang akidah itu isu kecil berbanding isu lebih besar iaitu isu pengundi hantu.

Andainya dulu pimpinan Pas kata Umno melakukan apa sahaja untuk capai cita-cita politik, sekarang mereka guna pendekatan yang sama. Hingga tergamak pimpinan Pas kawasan masuk ke gerai jual babi untuk memberi ampau. Apakah cara ini tidak melampau? Menjatuhkan maruah Islam dengan cara sebegitu hina mengemis undi. Janganlah masyarakat dikelirukan dengan berbagai strategi kepentingan politik. Kalau hari ini pejuang agama sanggup mendekati hingga ke meja penjual babi, sepuluh tahun lagi ada yang akan sampai ke meja hidangan babi akhirnya sepuluh tahun kemudian akan ada yang sanggup jamah sup tulang babi. Ia akan memberi alasan yang Allah melarang makan daging, bukannya tulang. Ini bukan lagi gurauan, tetapi sesuatu yang serius perlu difikirkan. Sekarang pun telah berlaku di negeri selatan tanah air, bagaimana dalam majlis makan malam pembangkang, telah pun ada sudut makan halal dan yang tidak halal.



SERAH LIMAU DI PASAR MERSING

AKHBAR *Sinchew* semalam menyiarkan gambar Ketua Pas Kawasan Mersing, Roslan Mamat sedang menyerahkan buah limau Mandarin kepada penjual daging babi di pasar Mersing.

Beliau bersama-sama pemimpin DAP dan PKR memberikan sumbangan itu sempena Tahun Baru Cina.

Roslan dalam akhbar itu dilaporkan berkata: "Makan daging babi bagi orang Cina adalah budaya dan ia mesti dihormati. Ajaran Islam tidak menghalang orang bukan Islam daripada makan daging babi."

"Hanya UMNO dan MCA akan tuduh Pas tidak benarkan orang Cina makan babi. Di Kelantan, babi dijual secara terbuka kepada bukan Islam, tidak seperti di negeri BN babi dijual di gerai yang diasingkan."

■ ROSLAN Mamat menyerahkan buah limau Mandarin kepada penjual daging babi di Pasar Mersing, baru-baru ini.

Kalau hari ini mendekati meja jual daging babi, apakah mustahil 10 tahun lagi ke meja hidangan babi dan 10 tahun kemudian sanggup menjamah sup tulang babi dengan alasan Allah hanya haramkan daging, bukannya tulang babi?. Bagaimana dengan arak dibawah dan bendera PAS diatas?.





Pesuruhjaya Pas Melaka Full
18 hours ago via Mobile

[admin] Sedang berada di Majlis Makan Malam Pakatan Rakyat di Paya Mengkuang, Masjid Tanah. Lebih 1,000 yang hadir terdiri daripada pelbagai bangsa. Tahniah orang Masjid Tanah! — with Milo Kosong Koww, Penerangan Pas Melaka, Penerangan Amk Melaka, Dap Rocket, Rakyat Di Hati Kami, Komunikasi Pkrmelaka, Muhamad Aizat, Haji Yuhaizad Abdullah, Pas Serkam Darat, GEng Pas Bkt Bruang, Pas Kawasan Alor Gajah and Pas Alor Gajah at Kampung Baru Paya Mengkuang.

Like · Comment · Share

Putera Kinabalu and 29 others like this.

3 shares



Casey Value Wajar pas beritahu bahawa kalau PR perintah melaka orang paya mengkuang dapat ternak semula babi. Pasti 99% undi dari cina dan india di melaka undi pas.pkr. Dap. Dapat sahut cabaran ini - pas
17 hours ago · Like




Mat Kilau Dan kalau tak silap dari KM Rahim lagi nak hapuskan ternakan babi dipaya

Saya pernah menulis sebuah buku bertajuk Kelantan Sesejuk Wajah Tuan Guru. Banyak yang saya puji pentadbirannya hasil dari tinjauan yang dibuat. Terutama ketegasan dalam aurat, judi, arak, pelacuran dan pembangunan rohani. Saya menulis dengan rela hati hanya bertujuan ingin sama-sama menaikkan imej negeri pemerintahan Islam. Hampir setahun selepas menerbitkan buku itu, saya berkunjung lagi ke Kelantan dan amat terkejut dengan apa yang berlaku. Bercanggah langsung dengan yang saya tulis.

Saya bersama keluarga menginap di motel sebelahan Pejabat Pas Kota Bharu. Bilik airnya berkongsi dengan penghuni bilik lain. Ketika melintas ke bilik air saya terlihat sebuah bilik yang pintunya dibuka luas. Dalam bilik itu terdapat beberapa pasangan remaja (mungkin pelajar kolej) yang kelihatan seperti sedang berbincang hal pelajaran. Si perempuannya tak menutup aurat.

Bila pulang ke kampung, baki beberapa ratus buku Kelantan Sesejuk Wajah Tuan Guru, saya terus bakar. Malu saya dengan Allah. Lalu terkenang seorang pembaca anak Kelantan yang bermastautin di KL. Dia mengirim surat yang agak panjang lebar menegur saya. Dari namanya yang bermula dengan 'datuk', juga berpuluh lagi datuk-datuk dari Kelantan yang disenaraikannya dalam surat itu, mungkin beliau seorang korporat yang berjaya. Saya ingin minta maaf padanya, tetapi tiada maklumat lagi. Moga beliau dapat buku ini.



Sungguh perihal khabarnya Jibril kepada Muhammad yang bersaksikan Umar tentang perihal Islam, Iman dan Ihsan, adalah suatu yang mendalam penelitian dan maksudnya. Kemudian disulam pula dengan perihal bila? dan apakah tanda-tanda akan kiamat itu?. Maka apa yang terkandung dalam pengajaran itu, adalah kaedahnya. Kaedah untuk di praktikkan dalam segala hal dalam kehidupan ini.

Saya sedar, tok guru lebih tahu semua ini bercanggah dengan syariat. Nalurinya pun tentu memberontak, tetapi beliau seolah-olah tunduk kepada pihak-pihak tertentu. Apakah semua ini ada udang disebalik batu, kalau ia, siapa dalangnya? Mungkin mereka yang jadi penasihat MB, para exco atau setiausaha beliau merupakan punca segala masalah ini. Apakah mereka ini antara parasit yang disebutkan oleh Dato' Dr. Hasan Ali. Hairannya, tidak ada suara dari mana-mana pemimpin Pas, termasuk dewan pemuda menegur isu ini. Kenapa masing-masing menutup mulut? Segala-galanya menjadi tandatanya pada masyarakat yang rindukan ketelusan dari pemimpin Islam.

AMANAT TUAN GURU HJ HADI AWANG

Saya telah melalui segala tarbiah bersama Pas sepanjang 1985 hingga 1999. Bergiat dari cawangan, kawasan, negeri dan pemuda pusat. Berbagai pengalaman pahit manis yang telah dilalui bersama. Pernah makan dan tidur dengan ramai pimpinan peringkat pusat ketika itu. Sikap dan tingkah laku mereka banyak yang saya tahu. Kalau ditanya siapa guru dan pimpinan Pas yang dikagumi, pasti saya akan katakan Allahyarham Ustaz Fadzil Nor. Dia ada kewibawaan tersendiri sebagai pemimpin. Cukup berbaloi belajar ilmu tafsir dengannya.

Jika ditanya siapa pula idola dalam perjuangan ke arah jihad, pasti saya menjawab Ustaz Hj Hadi atau orang Terengganu gelar 'Ayah Chik'. Banyak ungkapan-ungkapan dalam ceramahnya yang saya hafal dan jadikannya amalan. Begitu juga dengan Abu Bakar Chik yang sering membakar semangat. Dalam satu ucapan awal tahun 1980an, di Johor Bharu, Ustaz Hj Hadi ada menyebut,

'Kita letakkan calon Pas untuk bertanding di Johor Bharu ini, bukanlah semata-mata untuk mencapai kemenangan. Kalau kita nak menang, kita tidak akan letak calon di sini, kerana kita sedar, bahawa di Johor Bharu ini, adalah kubu Umno yang tidak mungkin kita boleh menang. Tetapi, kenapa kita letakkan calon Pas di sini? Tidak lain adalah untuk menyelamatkan akidah saudara kita. Telah menjadi tanggungjawab kita, perjuangan kita untuk menyelamatkan akidah saudara kita, walau pun hanya ada seorang pengundi Pas di sini, kita perlu selamatkan akidahnya. InsyaAllah, inilah peranan kita, peranan Parti Islam SeMalaysia, PAS.'

Apakah maksud menyelamatkan akidah saudara kita dalam petikan ucapan di atas? Secara mudah, maksudnya agar jangan ada orang Islam mengundi BN/Umno, kerana akidah mereka tidak betul. Dengan mengundi Pas, akidah seseorang itu selamat dari menjadi kafir. Ucapan-ucapan beginilah yang menyebabkan saya dan orang seperti saya taksub terhadap Pas. Apa pun yang dibuat oleh pimpinan Pas betul belaka. Sebaliknya segala tindak-tanduk Umno adalah jahat, kerana mereka bakal penghuni neraka. Begitulah yang kami faham.

Pegangan-pegangan begini menjadikan kami fobia. Takut sungguh dengan Umno. Sembelihan lembu kerbau, ayam itik oleh Umno tak akan disentuh. Seperti makan bangkai. Kalau buat kenduri aqiqah atau korban anak, saudara kandung yang Umno tak akan dijemput, risau apabila mereka makan ibadat aqiqah atau korban itu terbatal, tidak jadi kenduri, hanya jamuan biasa sahaja. Saya tidak solat Jumaat di khariah sendiri, sebab imamnya Umno. Bimbang solat Jumaat tidak sah kerana berimamkan orang Umno yang sesat akidah.

Ketika inilah berlakunya isu solat dua imam yang amat serius, terutamanya di Terengganu. Sesetengah tempat seperti di Kedah, ada guru dan pelajar pondok yang langsung tidak solat Jumaat bertahun-tahun, kerana imam di masjid itu orang Umno. Banyak juga kes-kes yang dibawa ke mahkamah terutama di Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perak.

Ketegangan antara ahli Pas dan Umno ketika itu sangat kronik. Bila-bila sahaja boleh bergaduh hingga membunuh sekali pun. Seperti yang disebut sebelum ini, kemuncak dari perselisihan ini, berlakunya peristiwa berdarah di Felda Lubuk Merbau, Kedah pada tahun 1984. Seorang petugas Pas mati dalam pergaduhan antara penyokong Pas dengan penyokong Umno. Diikuti pula dengan peristiwa Memali pada 19 November 1985. Atas kefahaman jika mati ketika berjuang pertahankan Pas adalah mati syahid, maka jasad 13 daripada 14 orang mangsa yang gugur dalam peristiwa Memali itu, tidak disolat dan tidak dimandikan.

Ustaz Hj Hadi antara pimpinan Pas pertama mengeluarkan fatwa mereka yang mati itu syahid. Setelah itu, seluruh ahli Pas sehingga hari ini yakin penuh Ustaz Ibrahim Libya dan 13 pengikutnya syahid. Lalu jenazah mereka diuruskan sebagaimana orang yang mati syahid. Pada 29 Disember 1985, ketika ceramah di Kg. Raja, Besut Ustaz Hj Hadi menjelaskan,

'Bahawa 14 orang sahabat kita yang dibunuh itu adalah syahid dan kita kebumikan mereka sebagai syuhada, sebagai orang yang mati syahid dan dikafankan dengan pakaiannya yang masih berdarah, dikebumikan dengan keadaan tidak disembahyangkan. Darah mereka dalam keadaan hidup dan inilah keyakinan kita bahawa mereka adalah syahid'

Ketegangan ini berlaku setelah ahli-ahli Pas berpegang kepada Amanat Tuan Guru Hj Hadi Awang yang disebutnya dalam ceramah pada 7 April 1981 di Kg Banggol Peradong, Kuala Terengganu. Kandungannya itu berbunyi,

'Saudara-saudara sekalian, percayalah kita menentang Umno bukan kerana namanya Umno. Kita menentang BN, bukan kerana nama BN. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad. Dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tak payah masuk Kristian, kita tak payah masuk Hindu, kita tak payah masuk Budha, tapi kita menjadi kafir dengan mengatakan 'politik suku, agama suku'.

Kesan dari amanat ini yang tersebar luas ke seluruh negara, berlakulah isu-isu seperti di atas. Bertambah serius ianya berlaku di Terengganu. Pada Jun hingga Julai 1982, solat sunat terawih diadakan secara dua imam. Satu kumpulan solat terawih oleh pengikut Pas dan satu lagi oleh pengikut Umno dalam masjid yang sama. Isu ini berlaku di khariah Kg Gong Pasir, Besut, Terengganu.

Selain itu berlaku pula isu solat Jumaat bergilir di 39 mukim di Terengganu. Selepas pengikut Umno tunaikan Jumaat, orang Pas pula akan tunaikan solat Jumaat. Keadaan begini berlanjutan sehingga tahun 1999 apabila Pas menawan Terengganu. Itu pun hanya masjid-masjid yang berjaya di kuasai oleh orang Pas. Hingga ke hari ini dikatakan masih terdapat 11 buah masjid mengamalkan solat dua puak ini. Di masjid yang tidak dikuasai oleh orang Pas, mereka mendirikan masjid lain yang tidak jauh dari masjid asal.

Yakin dengan rezeki di tangan Allah dan perjuangan Pas itu benar kerana Islam, saya langsung tidak takut untuk berhenti kerja. Kata-kata Ustaz Hj Hadi penambah semangat untuk terjun sepenuh masa membantu Pas, demi Islam yang hendak ditegakkan. Antara ceramah yang penuh semangat disampaikan oleh Ustaz Hj Hadi,

'Islam kita adalah penyerahan sepenuhnya tanpa kait dengan syarat. Jika nak miskin miskinlah, nak kaya kayalah. Nak mati, matilah, nak senang senanglah, nak susah susahlah, semuanya Islam. Bukan macam arab badwi dulu, kalau Rasulullah boleh bagi keluar air dari tengah padang pasir baru nak kepada Islam'

Kepada anda, khasnya pembaca remaja tidak akan faham secara khusus maksud petikan di atas. Bagi kami bekas ahli atau masih ahli yang pernah melalui tarbiah Pas, mendengar ceramah Pas, mengaji dengan ulama Pas satu masa dulu sangat memahami, bahawa pemerintah BN/Umno inilah yang dimaksudkan taghut dalam konteks negara Malaysia. Sebabnya Umno berkawan dengan orang bukan Islam, Umno mengamalkan judi, Umno membina kilang arak, pantai negeri Umno penuh dengan maksiat, aurat dan pergaulan bebas, wanita Umno tidak menutup aurat, Umno tidak melaksanakan hudud dan Umno masih setia dengan perlembagaan Lord Reid.

Ahli-ahli Pas juga dibekalkan dengan risalah berkaitan akidah yang hampir ada di setiap rumah. Antara perkara-perkara yang digariskan yang boleh membatalkan syahadah adalah,

Bertawakal atau bergantung kepada selain Allah

Membuat undang-undang menurut kemahuan manusia, bukan mengikut kehendak atau ketentuan Allah

Mentaati selain dari Allah tanpa keredhaanNya

Menjalankan hukum selain daripada hukum Allah atau tidak menggunakan hukum Allah sebagai rujukan semua masalah

Menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan mengharam apa yang dihalalNya

Mengangkat orang kafir atau munafik sebagai pemimpin dan tidak menyintai orang-orang Islam dan orang-orang mukmin

Rasa takut dan lemah dalam menegakkan tauhid dan rasa senang dan terbuka dalam menyatakan syirik

Tidak mengkafirkan orang yang kafir

Itulah antara dakwaan yang digunakan oleh ulama atau pimpinan Pas lebih 30 tahun lalu dalam isu mengkafirkan orang Umno. Sekarang, ramai pula yang sedang bertanya,

Halalkah judi dan arak di Kedah yang ditadbir oleh kerajaan Pas.

Siapa yang orang Pas bagi undi sehingga mereka berkuasa di Pulau Pinang. Adakah DAP itu muslim?

Pas boleh berkawan dengan DAP sedangkan dulunya mengkafirkan Umno kerana berkawan dengan MCA dan MIC

Pas juga takut hilang undi orang Cina dan India hingga tidak berani haram judi dan arak di Kedah. Takkah menampakkan Pas makin lemah dan menghalalkan apa yang haram.

Jumhur ulama sepakat patung yang penuh sifat itu haram, bagaimana ulama Pas boleh tutup mulut dan pejam mata isu patung helang di Langkawi. Takkah ini juga termasuk dalam menghalalkan yang haram.

Kalau suara wanita itu dianggap aurat hingga Kelantan haramkan peserta tilawatul al-Quran bagi wanitanya, bagaimana pula muslimat Pas boleh menyanyikan lagu-lagu tertentu semasa rayu undi di pusat pembuangan undi, termasuk juga dalam himpunan sokong Anwar di depan mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 9 Januari 2012

Kalau BN/Umno guna perlembagaan Lord Reid dikatakan taghut, bagaimana pula kerajaan Pas Kedah yang masih mengekalkan cara pemerintahan BN/Umno dulu, tidakkah kerajaan Pas Kedah juga taghut? …dan banyak lagi persoalan yang pimpinan Pas perlu jawab.

KESAN AMANAT

Amanat Tuan Guru Hj Hadi ini sangat mempengaruhi jiwa pejuang-pejuang Pas. Boleh kata majoriti ulama Pas turut bersetuju dengan amanat tersebut, sebab itu ianya sangat subur dalam jiwa orang Pas. Sangat sedikit ulama Pas yang kurang bersetuju, tetapi suara mereka tidak laku hingga terpaksa bersikap diam diri, tak dapat melawan arus.

Seperti yang telah diceritakan, kesan amanat ini cukup besar. Akibat dari memandang kafir terhadap orang Umno, menyebabkan berlakunya perpecahan umat Islam Melayu yang serius di negara kita. Barah ini masih hidup subur dalam masyarakat sampai sekarang. Saya tidak terkecuali dalam melalui detik-detik yang memilukan ini.

Ketaksuban yang tinggi dengan amanat tersebut menjadikan saya terlalu ego dengan siapa sahaja orang Umno termasuk keluarga sendiri. Sesiapa sahaja yang tidak bersetuju dengan Pas, termasuk pertubuhan Islam lainnya, saya anggap mereka tidak betul, dengan rasa tidak berdosa saya sanggup berselisih faham dengan bapa. Pernah memboikot seperti tidak bercakap, tidak bersalam dan tidak menziarahinya sewaktu beliau tinggal di perkampungan ABIM di Derang, Bukit Pinang, Kedah. Bapa saya memang seorang yang setia dengan ABIM hingga akhir hayat.

Demikian juga sikap saya yang langsung tidak pedulikan ibu bapa mertua, kerana mereka penyokong Umno. Mati mereka pun tidak saya ziarah. Kalau dengan ibu bapa pun begitu, apa lagi dengan yang lainnya. Kemuncak dari sikap saya ini, pernah saya sebut secara terus terang pada abang kandung sendiri yang antara dia dan saya putus tali persaudaraan. Mengapa? Semata-mata dia Umno dan menjadi Pengerusi JKKK di kampungnya.

Satu malam saya mengiringi Hj Mohamad Sabu berceramah di Cuping, Perlis. Sebelum ceramah bermula ada desas desus mengatakan orang Umno akan sabotaj program itu. Saya dengar mereka menyebut nama Pengerusi JKKK, yang saya yakin itu adalah abang kandung saya. Setelah dapat tahu kedudukannya yang tak jauh dari tempat ceramah itu, saya menemuinya untuk mendapat kepastian.

Dia menjelaskan yang pihaknya tidak kisah soal ceramah, cuma yang mereka terkilan adalah rumah diadakan ceramah itu tidak sesuai. Menurutnya, Pas mahu bercakap tentang perjuangan Islam, sedangkan tuan rumah lokasi ceramah itu merupakan individu yang akhlaknya sangat buruk. Orang kampung tahu segala perbuatannya yang terlibat dengan berbagai skandal. Ini yang membuatkan mereka hendak protes.

Abang kandung saya telah pun bersedia dengan pembesar suara dalam keretanya. Sebaik ceramah Pas bermula, dia juga akan turut berceramah di situ. Akhirnya, timbul sedikit ketegangan saya dengan dia, hinggalah saya lafazkan perkataan putus persaudaraan dengannya. Saya dapat rasakan yang dia sangat terkejut dengan sikap saya dan kata-

katanya masih saya ingat hingga ke hari ini, 'tak kan sampai macam tu kut'. Mungkin kecewa dengan saya, dia tidak jadi protes ceramah Pas malam tu.

Sejak itu, memang saya tidak ambil peduli dengannya. Kalau dia pulang berhari raya di kampung, saya akan menjauh diri dari bertegur sapa dengannya. Pernah satu ketika saya mengadakan kenduri korban di kampung, abang saya pulang tanpa diundang, saya berpesan pada ibu, jangan jamu lauk daging korban pada abang saya, bimbang ibadat korban menjadi sia-sia kerana dimakan oleh orang Umno. Begitulah sikap saya dengan keluarga sendiri. Bayangkanlah betapa kerasnya hati saya ketika itu.

Waktu ini tidak ada istilah menderhakai ibu bapa bagi orang Pas. Rata-rata ahli Pas yang bersikap demikian, merujuk kepada ayat 24 dalam surah at-Taubah seperti yang tercatat sebelum ini. Umno menentang hukum Allah, elok sangat pengikutnya diboikot. Orang-orang Umno dilihat lebih hina dari orang-orang bukan Islam. Ahli Pas seperti saya akan memilih untuk masuk membeli barang keperluan di kedai orang bukan Islam, daripada memasuki kedai milik orang Umno jika tidak ada kedai milik orang Pas. Peniaga daging daripada orang Umno juga dilihat seperti peniaga daging babi. Jangankan nak makan, hampir pun tidak. Begitulah sikap kami.

Berpegang kuat dengan ideologi ini, saya pernah mengenepikan acara doa di hadapan Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Osman Aroff. Isu ini berlaku sewaktu saya mengajar di SMK Tajar, Alor Setar. Pihak sekolah menjemput MB untuk merasmikan sekolah. Peringkat awalnya, saya tidak diberi apa-apa tugas. Pengetua kurang senang sebab saya berserban. Memang pun saya juga tak berminat untuk menyumbangkan tenaga, saya benci dengan pemimpin Umno. Tiga hari sebelum majlis, pengetua memanggil saya, merayu agar saya setuju menjadi pengerusi majlis. Saya menolak dengan berbagai alasan, minta dia beri pada guru lain.

Katanya, guru yang ditugaskan bukan sahaja tarik diri, malah sedang demam kerana tak berani berdepan dengan MB. Pengetua itu telah memujuk beberapa guru lain, semua menolak dengan alasan yang sama. Menurutnya, dia yakin dengan saya, katanya orang Pas berani, lagi pun dia tahu saya menjadi naqib usrah di beberapa cawangan Pas sekitar sekolah itu. Setelah dia terlalu mendesak, saya setuju dengan bersyarat. Pada saya dengan syarat itu pasti dia tak akan terima. Pertama, saya minta kendalikan program hanya seorang diri, tanpa gandingan dengan sesiapa terutama guru perempuan.

Syarat kedua, saya mahu berada dalam bilik khas, tanpa dilihat oleh hadirin. Saya kira dia akan menolak syarat ini, rupanya tidak. Mungkin padanya bagus juga, kerana saya pakai serban, tentu tak elok bila MB Umno lihat pengerusi majlis berserban. Sampai harinya setelah diserahkan aturcara majlis serta skrip ucapan, saya masuk ke bilik yang disediakan. Memang saya seorang diri dalam bilik itu tanpa dapat melihat para hadirin, seperti DJ RTM. Bila dapat isyarat saya memulakan majlis seperti yang ditetapkan.

Mengikut aturcara majlis, selepas ucapan MB dan penyampaian cenderahati, adalah bacaan doa penutup majlis. Oleh kerana aturcara ada pada saya dan saya berkuasa, maka dengan sengaja saya batalkan agenda bacaan doa yang patutnya dibaca oleh wakil jabatan agama negeri. Selepas upacara penyampaian cenderahati, saya terus menjemput pengetua mengiringi MB ke tempat jamuan. Tidak ada doa penutup.

Beberapa hari kemudian, pengetua memanggil saya atas isu tersebut. Saya mengaku memang sengaja tinggal agenda berdoa, dengan alasan majlis begitu tidak layak berdoa. Majlis itu bercampur lelaki perempuan, ramai wanita yang tak menutup aurat dan MB orang Umno yang menentang hukum Allah. Kalau doa pun tak ada keberkatan, tak diterima Allah.

Kenapa saya bersikap begitu, kerana memang saya diajar begitu oleh ustaz dan tok guru dalam Pas. Jadi perbuatan itu saya rasa tidak salah dengan apa yang saya faham berdasarkan kuliah-kuliah yang pernah diikuti. Ini bukanlah sikap saya seorang, malah juga kepada majoriti orang-orang Pas ketika itu. Masih ramai yang bersikap begini sehingga sekarang tidak berdoa untuk sultan dan tidak mengaminkan doa imam Umno.

Amanat Tuan Guru Hj Hadi dan ucapannya di Johor Bharu itu benar-benar memberi kesan dalam kehidupan saya. Ditambah pula dengan kata-kata Tuan Guru Nik Aziz bahawa undi Pas boleh masuk syurga dan haram mengundi Umno. Tafsiran-tafsiran beginilah yang menguatkan saya sentiasa bertekad untuk terus menentang Umno hingga ke titisan darah terakhir, kerana yakin mati berlawan dengan puak-puak Umno adalah mati syahid. Demikianlah pendirian saya ketika itu. Orang Pas tidak mengamalkan istilah 'jumpa keling dan ular', 'pukul keling dulu', tetapi dikatakan 'jumpa keling, Umno dan ular', pukul Umno dulu. Maksudnya Umno lebih bahaya dari ular.

Hasil provokasi, tekanan dan dorongan yang kuat dari ceramah, kuliah serta kertas kerja oleh pimpinan Pas masa itu, menyebabkan saya rasa terlalu lambat untuk Pas menguasai negara melalui sistem pilihanraya. Hidup seperti penuh dengan dosa selagi negara Islam tidak wujud, selagi hukum hudud tidak terlaksana. Dengan keazaman yang tinggi dalam mencapai cita-cita Pas memerintah negara, saya merancang untuk merampas kuasa walau dengan apa cara sekali pun. Apa yang penting, pemerintahan Islam mesti segera terlaksana di negara Malaysia ini. Rasa takut untuk ditangkap, dipenjara atau dibunuh tidak wujud lagi dalam diri saya. Saya berpegang kepada kata-kata veteran Pas yang kami panggilnya Pak Mat Jawa dari Jitra. Katanya, ' Berani pun mati, takut pun mati. Oleh itu lebih baik jadi seorang pemberani'.

Saya amat mendendami PM ketika itu, kerana Tun Dr. Mahathir pernah menghina undang-undang hudud. Juga kerana Tun bertanggungjawab terhadap pembunuhan orang kampung dalam tragedi Memali. Hingga ada perancangan membunuh sahaja PM atau mana-mana pimpinan Umno, juga orang kafir yang terang-terang anti Islam. Kami

mengawasi pergerakan PM, kalau boleh mahu cipta sejarah seperti di Mesir. Presiden Jamal Nasir ditembak mati kerana dianggap pemimpin yang zalim terhadap gerakan Islam di sana.

Allah lebih mengetahui, Tun Dr. Mahathir terselamat apabila agenda kami dapat dihidu oleh Bukit Aman. Beberapa orang dari kami ditahan bawah ISA pada penghujung 1988. Saya terlepas sebab ketika itu berada di medan jihad bumi Afghanistan.

WARKAH BUAT DATUK SERI HJ HADI

Assalamualaikum wr wb,

Datuk Seri,

Terlebih dahulu saya memohon maaf kerana terpaksa menyebut Datuk Seri, walaupun pada hakikatnya saya tidak gembira dengan sebutan itu. Saya lebih senang panggil tok guru atau ustaz sahaja seperti dulu-dulu. Tetapi bimbang pula kelak ada yang menuduh saya biadab, kerana tidak menghormati gelaran itu. Jadi, izinlah saya menyebut nama Datuk Seri, kerana saya dapat rasakan hati kecil Datuk Seri sendiri kurang senang dengan gelaran tersebut.

Sebelum pergi lebih jauh untuk melontar sesuatu dari lubuk hati ini, suka saya katakan, bahawa tidaklah semudah ini untuk diukirkan lembaran buat Datuk Seri. Telah berbelas buah buku saya tulis, tetapi tidaklah serumit yang ini. Jiwa saya amat tertekan, takut akan dituduh bersikap kurang ajar terhadap ulama. Nescaya orang-orang Pas tidak dapat menerima tindakan saya mengeluarkan buku ini. Mungkin akan ada antara mereka yang menghalalkan darah saya. Saya sedar hal ini boleh membahayakan diri.

Seperti mana saya mengeluarkan buku Air Mata Di Bumi Memali, ramai juga ahli Pas termasuk kawan-kawan yang menuduh saya sengaja hendak memburukkan Pas, menjadi talibarut Umno dengan mendapat upah lumayan hasil tulis buku sebegini. Itulah fitnah besar yang sering menimpa saya bila membuat teguran terbuka pada pimpinan Pas. Apalagi dalam buku ini saya secara terus menegur kepimpinan Datuk Seri.

Ahli-ahli Pas termasuk beberapa orang kawan saya merungut, sudah bertahun mereka bertungkus lumus bekerja untuk kemenangan Pas. Mereka rasa sudah terlalu letih, lesu mengharungi perjuangan ini. Bagi mereka, sudah terlalu hampir untuk menawan Putrajaya, tiba-tiba harapan itu terhalang dengan tindakan saya. Mungkin sekali lagi saya akan dicap sebagai pengkhianat kepada Pas.

Tujuan saya tidak lain, semata-mata menyelamatkan ummah yang sedang hanyut dibawa gelombang hijau, biru, merah dan kuning. Atas nawaitu ini, saya terpaksa membelakangkan segala tohmahan. Lontarkan rasa takut terhadap makhluk dan menelan segala kepahitan. Arus yang dibawa oleh gelombang hijau ini, nampaknya begitu besar. Bagaikan tsunami yang melanda semua tumbuhan dan bangunan di tepi pantai. Saya tampil di suasana begini untuk berteriak, agar insan yang di tepi pantai segera menyelamatkan diri ke tempat yang lebih tinggi. Kembali ke landasan perjuangan sebenar berpandukan al-Quran dan Sunnah.

Untuk itu, terlebih dulu saya mohon maaf pada Datuk Seri, pimpinan Pas semua peringkat dan juga ahli Pas seluruhnya, di samping memohon restu dari yang Maha Esa. Allah lihat semua apa yang saya buat, juga apa yang saya catat. Di waktu yang sama, saya juga sedar bahawa segala tindakan saya turut dicatat oleh malaikat. Saya sudah tidak ada platform lain untuk meluahkan rasa hati, melainkan inilah pendekatan yang ada. Biar rakyat umum, umat Islam dan bangsa Melayu menjadi saksi bahawa telah ada suara yang menegur kepimpinan Pas sekarang. Jangan pula anak cucu akan datang menyalahkan kita kerana membiarkan Pas hanyut bersama gelombang hijau.

Mungkin ada yang bertanya, kenapa dalam keadaan terlalu hampir dengan PRU 13, buku ini saya keluarkan. Memang saya ingin mendapat perhatian dari banyak pihak, terutama pimpinan Pas dan juga para pengundi. Saya mempunyai masej yang sangat penting untuk menyelamatkan agama, negara dan bangsa. Pada saya, Pas belum boleh diberi kepercayaan menerajui pemerintahan negara berdasarkan beberapa perkara. Biarlah rakyat dan ahli Pas Kedah tertipu, tapi jangan pula seluruh rakyat Malaysia turut terpedaya. Slogan Kerajaan Kebajikan, Kedah Sejahtera dan Serambi Mekah masih jauh tersasar.

Pimpinan Pas harus sedar yang rumah tempat kita berteduh sekarang masih bocor atau istilah orang Kedah sebut 'tiris'. Jadi, untuk apa kita mengajak orang ramai datang berteduh dari hujan di dalam rumah kita yang masih bocor? Kita janji yang rumah kita selamat, sejahtera dan penuh selesa, tapi bila dimasuki penuh dengan air. Pemerintah BN/ Umno disebut sebagai tidak telus, berlaku ketirisan di sana sini, tapi kita tidak melihat pula ketirisan yang sedang berlaku di rumah kita seperti di Kedah khasnya.

Datuk Seri,

Dalam ceramah, kuliah juga manifesto Pas, banyak menjanjikan untuk kesejahteraan ummah, tetapi banyak pula yang tidak ditunaikan. Merata tempat di Kelantan dan Kedah, rakyat menjerit minta perhatian, tetapi mereka masih dipinggirkan berbanding nasib pemain bola sepak. Kalau dulu kita marah pada kerajaan BN/Umno merampas tanah rakyat dan meroboh gerai-gerai peniaga kecil, sekarang bila berkuasa kita juga lupa jalan perundingan yang pernah disarankan. Sedangkan mereka itulah antara pengundi yang ingin mengecapi nikmat perubahan di bawah kerajaan Islam seperti yang telah dijanjikan untuk mereka.

Sepatutnya dengan kurniaan dua buah negeri oleh Allah kepada Pas, sudah cukup buat Pas meyakinkan rakyat, bahawa Pas adalah satu-satunya parti terbaik. Pimpinan Pas tidak perlu bersusah payah berkempen pada masyarakat tentang pemerintahan Islam. Tidak mustahil rakyat pula yang akan berkempen bagi pihak Pas kerana apa yang dibawa oleh Pas Kelantan dan Kedah itu sesuatu yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat seluruhnya. Akan berlakulah di situ Pas mengotakan apa yang dijanji, bukannya seperti yang

diwar-warkan dalam media dan internet sekarang, bahawa Pas cakap tak serupa bikin. Datuk Seri sendiri suatu masa dulu pernah sebut yang Umno cakap tak serupa bikin (harap rujuk kembali ucapan Datuk Seri dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 27 November 1984).

Apabila tercetusnya isu tok guru dengan menantunya di Kelantan, berlaku pula perbalahan antara exco dan MB di Kedah, masyarakat sudah boleh menilai sejauh mana kemampuan Pas memerintah. Pas gagal membuktikan yang para pemimpin di negeri yang dikuasai itu melaksanakan amanah secara telus. Datuk Seri lebih tahu, kenapa kepimpinan Datuk Seri ditolak oleh rakyat Terengganu dalam PRU 11 yang lalu. Faktor utama kerana ketidaktelusan mentadbir dan masalah dalaman parti sendiri. Bukan masalah rakyat tolak Islam.

Datuk Seri,

Beberapa bulan selepas Pas menawan Kedah pada Mac 2008, hati saya sentiasa memberontak melihat kepada beberapa perubahan sikap yang ada pada kebanyakan pimpinan Pas. Ada juga rakan yang mengajak berjumpa Datuk Seri di Rusila, tetapi saya rasa tidak perlu kerana tidak mendatangkan apa-apa faedah. Sebab saya sangat faham apa yang berlaku ini, bukan kehendak Datuk Seri, tetapi ada dalang disebalik. Puncanya Datuk Seri tidak mampu menghadapi orang-orang ini, mereka yang menguasai parti.

Beribu lagi ahli-ahli Pas yang tertekan dengan perubahan ini, mungkin tidak tergamak untuk bertindak seperti saya. Mereka masih lagi berhemah kerana bimbang dengan tohmahan. Apa lagi jika mereka berada di tengah-tengah kelompok Pas yang fanatik kepada pimpinan. Mereka bimbang dengan nasib diri dan keluarga, akan dipulau oleh orang-orang Pas. Sebagaimana mereka begitu jugalah dengan saya, dengan bergenangkan air mata saya gagahkan juga untuk menyampaikan rasa hati ini sebelum saya atau Datuk Seri kembali ke rahmatullah.

Saya sedar yang Datuk Seri merupakan individu yang sangat disegani, dihormati dan disanjungi oleh seluruh ahli Pas, juga gerakan Islam luar negara. Masih beribu ahli Pas yang sanggup mempertaruhkan nyawa pertahankan maruah Datuk Seri. Ini saya dapat lihat dalam demonstrasi Bersih 2.0 pada 9 Julai 2011. Apabila Datuk Seri ditahan oleh pihak berkuasa, ada kenyataan dari pihak tertentu supaya Datuk Seri dibebaskan segera, jika tidak seluruh balai polis di Terengganu akan jadi sasaran mereka. Sedangkan pimpinan lain yang ditahan termasuk Timbalan Presiden, Mohamad Sabu tidak ada pula pembelaan begitu rupa. Kalaulah dengan pihak polis pun begitu, apalah ada dengan saya yang kerdil ini.

Bagaimanapun, saya yang masih berpegang kepada ajaran Datuk Seri supaya kita takut hanya kepada Allah, dan perlu berkata benar walaupun pahit, maka saya cuba

memberanikan diri dengan matlamat untuk kebaikan ummah. Malah saya terlalu yakin, sebagai pemimpin Islam, Datuk Seri tentu memiliki roh kepimpinan para sahabat. Tentu Datuk Seri masih ingat antara peringatan yang acapkali pernah disampaikan kepada kami akan ciri-ciri kepimpinan Islam yang baik, seperti mana yang pernah diucapkan oleh Khalifah Saidina Abu Bakar As-Siddiq,

"Wahai saudara-saudara semua, aku telah dilantik menjadi pemimpin kamu, dan aku bukanlah orang yang paling baik dari kalangan kamu. Sekiranya aku berbuat baik, maka tolonglah aku, sekiranya aku menyeleweng maka perbetulkanlah aku. Bercakap benar ini amanah dan berdusta itu khianat. Orang yang kuat di sisi kamu adalah lemah di sisiku kerana aku akan mengambil semula daripadanya hak yang diambil secara tidak benar. Orang yang lemah dikalangan kamu adalah kuat di sisiku kerana aku akan mengembalikan hak yang dirampas daripadanya. Tidak meninggalkan jihad oleh sesuatu kaum, melainkan Allah akan menimpakan ke atas mereka kemusnahan dan kehinaan. Taatlah kepada aku selagi aku taat kepada Allah dan rasulNya. Sekiranya aku tidak taat pada Allah dan rasulNya maka jangan lagi kamu taat pada aku"

Berpandukan ucapan ini, sekiranya isu penganiayaan terhadap anak yatim dan balu Memali berlaku dalam pemerintahan Khalifah Abu Bakar, nescaya hak anak yatim dan balu akan kembali ke tangan mereka. Malangnya Saidina Abu Bakar sudah tidak ada, Khalifah Omar Abd. Aziz juga sudah tiada, yang berkuasa dalam isu tabung Memali sekarang adalah Datuk Seri selaku Presiden Pas. Hingga bilakah isu ini akan dibiarkan menjadi barah dalam Pas?

Ucapan Khalifah Abu Bakar itu pernah dibentangkan oleh Datuk Seri sempena satu seminar Dasar Kepimpinan Dalam Islam pada Disember 1999. Datuk Seri juga berkata, itulah ucapan yang wajib kita mengambil iktibar daripadanya sebagai rakyat dan oleh mereka yang dilantik sebagai pemimpin. Datuk Seri mengakhiri ucapan dengan membaca ayat 41 surah Al-Hajj yang bermaksud,

"Dan Allah akan menolong orang yang menolong agamaNya, sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa. Iaitu orang-orang yang jika kami beri kekuasaan memerintah di bumi, mereka mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menyuruh perkara baik dan mencegah perkara mungkar, dan ingatlah bagi Allah kesudahan segala sesuatu".

Siapa pun yang mendalami ayat ini, terutama para ulama seperti Datuk Seri pasti memahami secara jelas bagaimana janji Allah pada pejuang agamanya. Kerana itu Allah memenangkan Kelantan dan Kedah untuk menguji pemerintahan Pas. Malangnya, Pas gagal dalam mencapai pemerintahan seperti yang sepatutnya. Tak perlulah untuk saya perincikan lagi di sini satu persatu. Cukup dengan contoh patung penyu yang Datuk Seri musnahkan sebaik berkuasa di Terengganu pada 1999 dengan alasan ianya haram di sisi

Islam, tetapi patung burung helang masih kekal di Pulau Langkawi di bawah kerajaan Kedah.

Secara terang, satu contoh itu sahaja telah menunjukkan percanggahan dengan ayat di atas. Selaku Presiden, Datuk Seri berhak menegur MB Kedah dalam isu ini, juga lain-lain isu seperti pusat judi, karokae, arak dan seumpamanya. Kenapa Datuk Seri melihat semua ini dengan tenang, tidak rasa berdosa membiarkan MB Kedah melakukan apa sahaja kehendaknya, walau melanggar hukum. Kalaulah betul seperti apa yang saya dengar bahawa Datuk Seri memberi amaran kepada penentang MB Kedah dengan berkata 'jangan ada sesiapa yang cuba mengorek kapal yang sedang dikemudi oleh Ustaz Azizan', maka amat malang sekali.

Begitu juga amat bercanggah dengan apa yang Datuk Seri sebutkan dalam Kenyataan Datuk Seri dalam akhbar Sinar Harian pada 6 Mac 2012 dalam bertajuk **' Pas Tidak Ganjak Dalam Soal Halal Haram'.** (sila rujuk lampiran)

Antara lain Datuk Seri menyatakan dalam Umno tidak ada peraturan boleh memecat ahli yang mengerjakan maksiat kerana sifat kebangsaannya sahaja mengatasi sifat Islamnya. Dalam hal ini, mungkin Datuk Seri lupa tentang isu pemecatan DSAI oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun 1998. Saya tidak mahu bincang isu kononnya ada konspirasi terhadap DSAI oleh pimpinan Umno. Cuma untuk membuktikan tuduhan Datuk Seri terhadap sikap Umno itu dalam isu pemecatan ahlinya adalah tersasar. Oleh kerana yang dipecat itu Timbalan Perdana Menteri, banyak pihak terutama pembangkang terkejut, lalu memihak pada DSAI atas dasar politik.

Sedangkan semua pimpinan Pas tahu isu yang sering dibawa oleh Hj Mohamad Sabu berkaitan DSAI sebelum beliau dipecat. Dalam ceramahnya, Hj Mohamad Sabu sering mengatakan DSAI membuka kilang kunyit, kadang-kadang disebutnya Anwar Al-Juburi. Datuk Seri dan seluruh pimpinan Pas faham maksud disebalik ini. Apabila DSAI dibela dengan begitu rupa, maka seharusnya tindakan pada Mohamad Sabu perlu dikenakan, kerana menabur fitnah kepada DSAI. Apabila Mohamad Sabu tidak diambil tindakan, ertinya memang benar tuduhannya pada DSAI. Sekiranya DSAI melakukan perbuatan keji seperti yang dimaksudkan oleh Mohamad Sabu itu, kenapa pula seluruh pimpinan Pas menyalahkan Tun Dr. Mahathir memecat DSAI?

Datuk Seri juga dalam kenyataan itu menyebut bahawa Pas tidak teragak-agak memecat siapa sahaja ahli yang melakukan kerja haram. Termasuk pernah pecat ahli parlimen yang terlibat dalam tarian. Tahniah atas ketegasan ini. Datuk Seri, pimpinan Pas dan seluruh ustaz-ustaz Pas sering menegaskan, bahawa berjabat tangan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim itu hukumnya adalah haram, oleh itu saya ingin mendapat penjelasan, apakah tindakan Datuk Seri dan Dewan Muslimat Pas Pusat terhadap sikap Exco Muslimat dalam kerajaan Pas Kedah, Datuk Siti Aishah bt Ghazali

yang telah bersalaman dan mencium tangan lelaki bukan muhrim pada 28 Februari 2012 yang lalu seperti yang disiarkan oleh tv. Begitu juga dengan segelintir pimpinan Pas dan Ahli Parlimen Pas yang berjabat salam dengan pelajar-pelajar universiti berlainan jantina yang berkhemah di Dataran Merdeka protes isu PTPTN.

Andainya isu ini tidak dapat diselesaikan seperti janji Datuk Seri itu, maka saya harap selepas ini jangan ada lagi suara pimpinan Pas atau ahli yang menyalahkan Rosmah tidak bertudung. Hinggakan PM diseret dalam isu ini dengan dakwaan tidak layak jadi PM sebab isteri tak bertudung. Sedangkan kita lupa, Nuh kekal sebagai Nabi dalam keadaan isteri dan anak-anaknya derhaka pada perintah Allah dan Allah tidak menggugurkan Nuh sebagai nabi atas dosa anak isterinya.

Itulah kadang-kadang kita lupa dengan apa yang berlaku dalam rumah tangga sendiri, kerana terlalu menyibuk dengan rumahtangga orang lain. Seperti mana yang pernah dilakarkan oleh kartunis Rossem, keadaan pemerintahan Kelantan zaman BN dengan zaman Pas sekarang ini. Mesej yang hendak disampaikannya, bahawa Kelantan dulu penuh dengan judi, arak dan maksiat, sekarang waktu Pas memerintah semua itu telah tiada lagi, bersih dari segala maksiat. Pada hal, di waktu yang sama Rossem terlupa tentang satu lagi negeri yang dikuasai Pas, iaitu Kedah yang masih penuh dengan maksiat. Beginilah juga kekeliruan yang sengaja tidak peka oleh pimpinan dan ahli Pas akibat terlalu ghairah dan taksub dengan diri sendiri.



Bagaimana dengan Kedah yang masih penuh dengan arak dan judi? Bukan sahaja Rossem terlepas pandang isu ini, pimpinan Pas sendiri bersikap 'kuman di seberang nampak, gajah di depan tidak nampak'

Kalau Datuk Seri peka dengan apa yang berlaku di Kedah, saya yakin Datuk Seri tidak akan menyebut dalam kenyataan itu,

"Pelaksanaan Islamnya (Umno) juga tidak istiqamah, contohnya dalam kawalan terhadap arak dan judi pula secara berlesen yang tidak ada sempadan kukuh bagi penganut Islam,….."

Kalau Kedah yang dikuasai oleh Pas, tidak mampu melaksanakan kehendak syariat, kenapa pula dipertikaikan terhadap negeri yang dikuasai oleh BN/Umno, sedangkan mereka tidak pernah berjanji pada rakyat mahu menghapuskan perkara tersebut, sebagaimana janjinya Pas. Lebih menghairankan lagi, apabila Dato' Dr. Hasan Ali selaku exco berkaitan cuba menyentuh isu arak di Selangor, dia diserang bukan sahaja oleh DAP, malah pimpinan Pas negeri dan pusat. Beliau diserang kiri kanan lalu diterajang keluar dari tingkap Pas.

Datuk Seri,

Sebelum ini saya juga amat teruja dengan ketegasan Datuk Seri mempertahankan prinsip perjuangan ketika berdepan dengan pimpinan Umno, terutama mantan PM, Tun Dr. Mahathir. Apa juga alasan yang diberikan oleh Tun ketika itu, langsung tidak dapat diterima oleh Datuk Seri, terutamanya berkaitan dengan hudud. Tetapi, apabila ada pihak persoalkan tentang hudud ketika Datuk Seri jadi MB di Terengganu (1999 -2004), Datuk Seri menjawab bahawa hudud itu hanyalah sekadar 0.0001 sahaja dari al-Quran, jadi tak perlu dibincangkan dulu, masih ada agenda lebih penting.

Bagaimana boleh berlaku begitu, sedangkan satu ketika kami ahli Pas sanggup mati kerana menuntut pelaksanaan hudud. Kami berjuang, berkorban untuk kemenangan Islam kerana mahu lihat orang yang mencuri dipotong tangan, mahu melihat orang yang berzina direjam, mahu melihat orang yang membunuh dibunuh, mahu melihat orang yang meliwat dihukum, mahu melihat orang yang mencipta dan sebar fitnah juga dihukum dan mahu melihat orang yang minum arak disebat.

Juga terlebih ingin sangat untuk kami melihat seorang ulama yang tegas, berani dan amanah memimpin negara ini. Siapa lagi kalau tidak Datuk Seri. Tidak ada seorang pun ahli Pas sebelum 2008 mahu PM selain Datuk Seri andainya PR menguasai Putrajaya pada PRU 12 dulu. Ahli-ahli Pas berkorban semata-mata menjurus kepada cita-cita itu. Bagaimanapun, cita-cita yang menggunung ini berkecai apabila Datuk Seri selaku Presiden Pas turut bersetuju untuk memilih DSAI sebagai PM jika PR menguasai Putrajaya dalam PRU 12 yang lalu. Hal ini diakui oleh Lim Guan Eng KM Pulau Pinang, ketika sesi debat dengan Chua Soi Lek, Presiden MCA pada 8 Julai 2012 yang lalu.

Datuk Seri sendiri sedar yang Allah mahu buminya diperintah oleh bukan sahaja orang muslim beriman, tetapi juga berilmu. Dan ilmu itu, semestinyalah ilmu dunia dan akhirat. Kalau ditanya kepada seluruh rakyat, siapa yang layak memikul amanah Allah ini antara Datuk Seri dengan DSAI, pasti rakyat akan memilih Datuk Seri. Tetapi, kenapakah Datuk Seri bersama AJK Pas Pusat sanggup menghancurkan harapan ahli Pas dan juga kehendak majoriti rakyat dan yang lebih penting amanah dari Allah. Ada yang berkata, dengan menjanjikan DSAI sebagai PM, rakyat lebih yakin atas pengalamannya sebagai TPM sebelum ini. Apakah Datuk Seri turut bersetuju dengan pandangan ini?

Pada saya, hujah ini adalah alasan basi dan menunjukkan betapa akidah kita semakin longgar sejak bersama Pakatan Rakyat. Secara tidak sedar, kita menafikan kekuasaan Allah. Sedangkan satu ketika Datuk Seri memberi ingatan pada kami, jika kita menolong agama Allah, maka Allah akan menolong kita. Jika digenggam dengan erat ingatan ini, kenapa kemampuan DSAI diletakkan lebih tinggi dari kemampuan Allah. Di mana tauhid kita hendak letakkan?

Sepertilah satu masa dulu pimpinan Pas pertikai usaha Tun Dr. Mahathir hendak buka kilang kereta. Alasannya, belum mampu kerana nak buat kilang jarum pun belum bersedia. Akhirnya lihatlah hari ini, kereta buatan Malaysia sudah melangkaui sempadan. Terbaru muncul pula Proton Preve. Mungkin Tun jahil, tapi dia ada keyakinan diri yang akhirnya Allah membantu beliau. Apakah Allah tidak boleh memilih seorang pimpinan terbaik bagi negara ini dikalangan ratusan barisan pimpinan Pas, jika PR menguasai Putrajaya?

Datuk Seri,

Banyak juga pimpinan Pas memberi alasan, MB Kedah terpaksa bersikap agak rasional, liberal dan mendahului kepentingan orang bukan Islam. Mereka ini belum faham tentang Islam dan perlu difahamkan terlebih dahulu. Dulu, apabila Tun Dr. Mahathir memberi alasan begini, Datuk Seri dan juga pimpinan tertinggi Pas kata, itu alasan memancing undi. Takut pada orang bukan Islam tidak mengundi Umno/BN. Alasan ini tidak selari dengan syariat. Hingga ada yang mengkafirkan Tun dan ahli Umno atas alasan ini.

Tentu Datuk Seri sedar yang alasan oleh MB Pas di Kedah sekarang ini, merupakan alasan untuk menjaga hati orang bukan Islam yang bertentangan dengan matlamat asal Pas. Seperti dalam ucapan Datuk Seri satu ketika dengan tegas pernah mengatakan,

'Kita rela kalah kerana melaksanakan Islam. Kita rela ditolak oleh rakyat kerana melaksana suruhan Allah. Apalah maknanya sebuah pemerintahan tanpa mendapat redhanya Allah.'

Dalam menyentuh bab hudud, Ahli Parlimen Pas Dr. Zulkifli turut memberi alasan yang sama dengan MB Kedah. Orang bukan Islam perlu diberi penjelasan, difahamkan

terlebih dahulu. Kenyataannya disokong pula oleh Naib Presiden Pas, Salehudin Ayub. Kalau inilah pegangan mereka dan direstui oleh Datuk Seri, samalah pendangan ini dengan pandangan Tun. Kalau Tun pernah dikafirkan atas alasan ini, bagaimana pula dengan pimpinan atau ahli Pas yang bersetuju dengan Dr. Zulkifli itu.

Pas Kedah juga dilihat seolah sudah tidak yakin dengan janji Allah seperti ayat dalam surah al-Hajj di atas. Apakah selepas PRU 13 ini, Allah tidak berkuasa lagi mengekalkan pemerintahan Pas di Kedah. Sehingga lebih bergantung harap sepenuhnya kepada orang-orang bukan Islam, undi mereka dilihat lebih berkuasa dari Maha Pencipta, lalu kepentingan mereka lebih diutamakan. Tidak malukah Datuk Seri mengetahui MB Kedah anaktirikan 12 sekolah agama rakyat atau pondok. Di waktu yang sama beliau memperuntukkan ratusan ribu ringgit untuk sekolah Cina dan India bagi melangsaikan bil tunggakan air dan lektrik. Juga membiayai lebih 2 juta ringgit untuk perpustakaan sekolah yang ada kaitan dengan istana. Di manakah nilai agama yang diperjuangkan selama ini?

Sumbangan RM60,000 untuk sekolah Cina

ALOR SETAR: Kerajaan negeri telah memberi peruntukan sejumlah RM60,000 kepada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) persendirian di negeri ini.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Azizan Abdul Razak berkata peruntukan tersebut adalah bagi meringankan beban yang ditanggung oleh sekolah tersebut sekali gus membuktikan kerajaan sentiasa memberi bantuan tanpa mengira batasan kaum.

"Jika sebelum ini kerajaan negeri hanya berikan sebanyak RM50,000 kepada sekolah-sekolah jenis ini tapi pada tahun ini kita akan berikan sebanyak RM60,000.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis penyerahan sumbangan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Keat Hwa dan Sinh Minh di Wisma Darul Aman, 21 Disember lalu.

"Dan mungkin di tahun yang akan datang, jika kita banyak duit kita akan tambah lagi peruntukan.

"Kita ada dua jenis sekolah, pertama sekolah kerajaan dan yang kedua sekolah jenis persendirian. Sekolah persendirian bagi orang Melayu ada sekolah agama dan bagi orang Cina pula ada sekolah jenis Cina," katanya

Ustaz Azizan menjelaskan bahawa sekolah-sekolah agama juga menghadapi masalah yang sama seperti sekolah-sekolah persendirian lain.

Oleh yang demikian, menjadi peranan kerajaan negeri untuk membantu sekolah-sekolah tersebut mengikut keadaan kewangan semasa kerajaan negeri, katanya.

Sementara itu, beliau juga terkejut apabila mendapat tahu masih ada sekolah-sekolah yang tidak berorentasikan perniagaan membayar cukai, sedangkan mereka hanya perlu membayar token sebanyak RM10.00 setahun.

Namun begitu, bagi sekolah-sekolah yang berorentasikan perniagaan perlu membayar cukai seperti biasa, katanya.

Dalam majlis tersebut tiga buah sekolah persendirian mendapat bantauan antaranya SJKC Sinh Minh di Alor Setar dan Sungai Petani serta sebuah sekolah SJKC Keat Hwa Alor Setar.

Sebelum ini, kerajaan negeri telah membantu melunaskan tunggakan bil elektrik kepada 69 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Kedah yang manaUstaz Azizan Abdul Razak telah menyerahkan RM150,000.00 kepada Persatuan Lembaga Pengelola SJKC Kedah untuk tujuan tersebut.

Kalau dirujuk dalam akhbar Fitrah 11 September 2011 bertajuk 'Rakyat Sering Terpengaruh Bangsa Yang Menjajah', Datuk Seri ada menulis,

"Kemerdekaan dalam makna yang lengkap, mengandungi ibadat dan cara hidup seluruhnya. Bukan sahaja menentang syirik yang bersifat ibadat, bahkan termasuk syirik kepada peraturan ciptaan manusia dalam perkara yang tidak diizin oleh Allah kerana di luar kemampuan akal manusia".

Bermaksud di sebalik kenyataan itu Datuk Seri beranggapan mana-mana pemerintahan yang tidak mengikut peraturan Allah itu sebagai syirik kepada ciptaan manusia, jadi bagaimana pula kedudukan kerajaan Pas Kedah yang masih mengekalkan lesen judi, jualan arak, pusat karokae dan mengekalkan patung burung helang di Langkawi serta banyak lagi berbagai aktiviti yang bercanggah dengan peraturan Allah? Oleh kerana tidak ada bezanya dengan kerajaan BN/Umno yang Datuk Seri kata syirik, ertinya pemerintah Pas di Kedah juga turut bergelumang dalam kesyirikan ini.

Lihat sahaja isu empat buah pusat hiburan terbesar yang diluluskan oleh kerajaan Kedah baru-baru ini di Bandaraya Alor Setar. Apabila ada pihak protes, MB menjawab bahawa rakyat Kedah perlukan hiburan. MB juga menjawab penguatkuasa sering membuat pantauan. Bagaimana ianya dipantau, sekiranya iklan arak terpampang di premis itu. Lokasinya pula berada di kawasan berpendudukkan orang Islam. Setiap malam ramai remaja Islam yang melibatkan diri di sana. Hinggakan pada malam Isra' Mikra' baru-baru ini 27 Jun 2012 pun pusat itu dibuka.

APA SUDAH JADI

Pusat hiburan baru terbesar dibuka di Alor Setar

"Turut dikesan iklan arak terpampang di beberapa premis, malah ada dakwaan wujud pusat hiburan yang menyediakan tarian mengghairahkan dengan penampilan wanita seksi. Saya bimbang anak muda Melayu terpengaruh dengan iklan sebegitu"
- Timbalan Yang Dipertua Pas Alor Setar, Zulkifli Yahya U4

VIEW

Kini Dibuka 12/6/2012

Grand Opening 30.6.2012

Dance with DJ Liz Candy

Top Female DJ from France

Pusat snuker dekat masjid

Didakwa beroperasi dari 10 pagi hingga 2 pagi esok hari





Pusat karaoke dan snuker yang beroperasi di atas bangunan sebuah stesen minyak.

ROSNANI SAAD & NURUL FATIHAH SULAINI

ALOR SETAR - Lokasi sebuah pusat karaoke dan snukan persoalan kerana ia dilihat beroperasi tanpa mengambil kira sensitiviti orang Islam.

Pusat berkenaan terletak hingga 2 pagi keesokannya.

Pengerusi Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Pendang, Shaharol Niza Omar berkata, ia sering nya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Shaharol Niza, yang juga Bendahari kehormat Majlis Belia Kedah, berkata, walaukan siasatan MAYC mendapati majoriti pengunjung ke pusat karaoke dan snuker itu terdiri daripada remaja dan belia berbangsa Melayu.

Wajarkah perkara-perkara begini wujud dalam sebuah negeri pemerintahan Islam?

Datuk Seri memberi ceramah agama pada malam itu, sebaliknya rakyat Kedah diizinkan melakukan maksiat di malam yang bersejarah itu. Pusat hiburan dan karokae juga dibenarkan beroperasi pada malam Jumaat. Jika ada karnival dan fun fair di Kedah, malam Jumaat turut beroperasi. Sedangkan ketika BN/Umno berkuasa dulu, malam Jumaat semua pusat hiburan tutup. Malangnya, sudah nasib Umno bagaikan kucing kurap di jalanan, langsung tidak ada kebaikan di sisi Pas. Pas sahaja yang terbaik.

Isu yang paling menyedihkan buat umat Islam Kedah sekarang adalah berkaitan Madrasah Salihiah yang mahu diroboh oleh Kerajaan Pas Kedah. Pernah satu ketika ahli Pas diperintah buat demo terhadap langkah kerajaan BN/Umno hendak meroboh sekolah agama rakyat, surau, bangunan Pasti atau apa-apa sahaja usaha kerajaan BN/Umno hendak mengambil tanah orang Islam untuk projek pembangunan. Ahli-ahli Pas juga diarah turun membantu jemaah di Masjid Kg. Rawa, Pulau Pinang satu ketika, kerana ada krisis dengan penganut Hindu. Memang kita bersedia untuk mati demi pertahankan hak orang Islam dari terlepas ke tangan orang bukan Islam.

Anehnya, dalam isu Madrasah Salihiah ini, selaku pemerintah Islam sanggup pula menyerahkan hak milik orang Islam kepada orang bukan Islam, atas dasar pembangunan. MB Kedah dan exco terlibat cuba menyembuyikan fakta sebenar dalam isu madrasah ini. Mungkin Datuk Seri dan pimpinan Pas pusat tidak mengetahui apa yang berlaku disebalik fatwa kedua Datuk Mufti Kedah yang bersetuju madrasah itu

diroboh, sedangkan fatwa pertama tidak membenarkannya. Saya dimaklumkan oleh pihak tertentu, bahawa Datuk Mufti dipaksa untuk mengeluarkan fatwa kedua yang tidak diperkenankan oleh Sultan Kedah.

Datuk Seri,

Kenapa isu ini tidak dipandang serius oleh Pas Pusat. Setahu saya tidak ada mana-mana pihak dari Pas kawasan, negeri dan pusat turun berbincang dengan AJK Madrasah itu? Sepatutnya adakan perbincangan ke arah bagaimana nak menyelamatkan madrasah itu dari diroboh, bukannya menghantar notis kepada AJK kosongkan bangunan untuk diroboh. Apa yang dibimbangkan, pemaju yang diserahkan projek Aman Sentral itu ada kaitan dengan gerakan Kristian Pulau Pinang. Tidak terfikirkah kemungkinan ini merupakan perancangan halus dari pihak berkenaan yang tidak suka melihat perkembangan Islam. Surau ini berpotensi maju apabila beroperasinya projek Aman Sentral.

Kalau benarlah madrasah itu mahu dirobohkan oleh kerajaan Pas Kedah semata-mata menjaga kepentingan dan keselesaan hidup penghuni bukan Islam yang akan tinggal di kondominium berhampiran, amat dukacitalah nasib umat Islam seterusnya. Akan tercatat dalam sejarah kerajaan Kedah bahawa di masa pemerintahan Pas, sebuah madrasah diroboh di tapak tanah wakaf khusus untuk ibadat, hak milik orang Islam dan diserah kepada orang bukan Islam. Apalagi di bawahnya kelak akan dijadikan karokae serta tempat pembentungan najis. Nauzubillah. Lupakah semua dengan peringatan Allah dalam ayat 27, surah al-Anfal,

"Hai orang-orang beriman jangan kamu khianat pada Allah dan Rasul dan jangan pula khianat terhadap barang-barang yang diamanahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahui."

Adakah ayat ini semata-mata diturunkan untuk peringatan pada orang Umno, manakala orang Pas, kerajaan Pas boleh lakukan apa sahaja seperti kebal dari dosa. Dalam isu ini pimpinan Pas semua membisu, termasuk Datuk Seri, kenapa? Di mana laungan 'Allah hu rob buna' selama ini?

Sebab itu, apabila pincang atau sumbangnya lenggang-lengguk dengan irama dan paluan gendang, maka hancurlah masa depan Pas. Bila Pas hancur, lalu Islam turut tercemar. Jadi, rasanya tidak keterlaluan kalau saya sarankan agar Datuk Seri fikirkan semula penggunaan perkataan Islam pada tubuh Pas. Bergerak sahajalah atas Parti Kebajikan. Dengan itu, Islam tidak turut terpalit dengan fitnah akibat ketelanjuran dan akhlak kurang baik pimpinan atau ahli Pas. Biarlah Islam itu menjadi hak mutlak kepada seluruh umat Islam tanpa mengira parti, pertubuhan, bangsa atau sebagainya.

Datuk Seri,

Saya bukanlah hendak mendedahkan apa yang telah dilakukan sekadar bahan bacaan biasa sahaja, tetapi untuk menjelaskan keadaan sebenar kesan dari 'Amanat Hj Hadi', juga tarbiah yang kami terima dari Pas. Dengan amanat dan ceramah keras dari Datuk Seri membuatkan saya derhaka kepada ibubapa, menyebabkan saya putuskan hubungan keluarga dengan saudara kandung, menyebabkan saya hingga merancang untuk membunuh PM dan pimpinan Umno. Demikianlah dahsyatnya akibat dari amanat Datuk Seri itu. Amanat itu telah mendatangkan malapetaka yang besar terhadap umat Islam di negara ini. Perpecahan yang tidak dapat dicantumkan lagi.

Segala perubahan yang berlaku dalam melayari perjuangan Pas sekarang ini, benar-benar mengecewakan. Semakin hari semakin saya tidak mengerti. Setelah Datuk Seri mengeluarkan kenyataan untuk memberi peluang orang bukan Islam menjadi calon Pas, Datuk Seri juga tidak menolak untuk menerima para artis sebagai calon. Lebih mengelirukan.

Pas mentarbiah ahli bermula dari Pasti (umur 4 tahun), kemudian SRI (umur 7 tahun) dan terus ke SMIDU (umur 12 tahun). Dari situ bergerak ke kolej (umur 17 tahun) tajaan Pas seperti di Muasasah Darululum, Pokok Sena, Kedah. Akhirnya, mereka ini melanjutkan pelajaran ke negara Timur Tengah dalam berbagai bidang. Dengan harapan sebahagian besar dari mereka akan pulang menjadi pelapis kepimpinan kepada Pas. Mereka inilah bakal-bakal calon Pas yang diharap akan mentadbir kerajaan Pas. Mereka ini ditanam dengan keimanan yang tinggi agar mencontohi kepimpinan nabi atau para sahabat. Mereka akan menjadi model kepimpinan Islam yang syumul dan diyakini rakyat.

Apakah orang bukan Islam, para artis, ahli sukan yang tidak pernah melalui tarbiah Pas dapat mencapai matlamat Pas sebagai pemimpin ummah. Isu beberapa ahli PKR dan DAP melompat parti sehingga PR hilang negeri Perak, seharusnya menjadi iktibar dalam pemilihan calon yang benar-benar amanah dan takut pada Allah. Kalau beginilah caranya, saya yakin selepas ini akan ramai lagi artis isytihar diri bersama Pas. Selepas itu mereka akan ditatang ke seluruh negara yang akhirnya kehidupan material mereka bertambah baik berbanding kekal sebagai artis. Keadaan mereka kelak akan mengulangi masalah dalaman Pas seperti berlaku kepada calon-calon bidan terjun.

Kebanyakan dari calon ini yang berjaya menjadi YB, tidak dapat sesuaikan diri dan lebih kepada membina kepentingan diri dari memikirkan hal parti. Terjadi begini kerana mereka tidak pernah melalui proses pentarbiahan dari Pas. Calon-calon bidan terjun terutama yang baru pencen sebagai penjawat awam, pula ada nama sebagai bekas pengarah itu dan ini, lebih membawa masalah dari menyelesaikan masalah. Mereka sekadar boleh menang sebagai calon, tetapi tidak dapat memenangi hati ahli dan masyarakat.

Datuk Seri,

Selain dari itu, saya juga lihat betapa pimpinan Pas semakin mengamalkan kronisma. Contoh yang paling ketara, apabila saya mendedahkan isu tabung Mangsa Memali dalam buku bertajuk Air Mata di Bumi Memali. Selaku Presiden Parti Islam, apabila ada isu yang begitu seharusnya Datuk Seri semestinya orang pertama meneliti pendedahan yang melibatkan kezaliman terhadap balu dan anak yatim Memali. Tertuduh patutnya disiasat, tugasnya dalam parti harus digantung sementara waktu. Tetapi tidak berlaku begitu, dengan angkuh pihak Datuk Seri membenarkan Yusuf Husin menyambung lagi khidmatnya sebagai senator walaupun dirinya telah ditelanjangkan. Datuk Seri perlu sedar, keangkuhan itu bukan kepada saya dan masyarakat yang inginkan keadilan, tetapi keangkuhan pimpinan Pas, sebenarnya angkuh terhadap peraturan Allah.

Apabila isu begini berlaku pada pimpinan Umno, gegar dunia ini dibuatnya oleh pimpinan Pas. Contohnya isu Datuk Seri Shahrizat berkaitan wang NFC. Kalaulah betul berlaku salahguna wang oleh Shahrizat, wang itu adalah hak kerajaan kepada rakyat. Berbeza pula dengan wang tabung Mangsa Memali yang dikutip dari ahli Pas seluruh negara, yang dijanjikan untuk membiayai anak yatim dan balu Memali. Kita menuduh pemerintah zalim kerana membunuh bapa atau suami mereka, sayangnya kita yang faham Islam ini mengulangi kezaliman terhadap anak isteri mereka. Kenapa pimpinan Pas tidak pernah terasa yang selama ini menzalimi keluarga mangsa Memali?

Apakah tidak rasa hina apabila kita gunakan isu kematian suami atau bapa mereka untuk meraih simpati mengumpul wang berjuta untuk kepentingan parti dan individu tertentu dalam parti? Apakah orang yang memperalatkan balu dan anak yatim itu lebih mulia dari Datuk Seri Shahrizat? Lebih penyayang, lebih adil dari Tun Dr. Mahathir? Di manakah ketelusan Datuk Seri dan juga para ulama Pas dalam hal ini. Lupakah kepada kuliah Datuk Seri yang pernah mengatakan antara sifat assobiyyah itu adalah mempertahankan salahlaku kroni, dan nabi tidak mengaku umat kepada sesiapa yang mengamalkan assobiyyah.

Anggapan saya, bila didedahkan isu tabung Mangsa Memali itu, akan memberi keinsafan dan pengajaran pada pimpinan Pas, rupanya tidak. Saya dipecat dari Pas kerana mempertahankan hak balu dan anak yatim. Namun, saya tidak malu atau menyesal dengan apa yang berlaku. Apa yang saya malu, adalah sikap kepimpinan parti Islam dalam menangani isu yang amat serius ini. Sehingga terlepas pandang amaran Allah dalam surah al-Ma'un ayat 1 dan 2,

"Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama? # Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim terhadap anak-anak yatim."

Begitu juga peringatan Allah dalam surah an-Nisa' ayat 2,

"Berikanlah kepada anak-anak yatim hartanya dan janganlah kamu tukarkan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka bersama harta kamu. Sesungguhnya memakan harta anak yatim itu satu dosa yang besar."

Bagaimana pimpinan Pas hendak berhadapan dengan mereka yang terbunuh itu di Padang Mahsyar kelak, kerana anak isteri mereka dizalimi. Hinggakan seorang dari balu meninggal dunia dengan penuh aib, tidak tergamak saya hendak dedahkan di sini. Majoriti anak-anak yatim sekarang ini hidup dalam keadaan tidak selesa, akibat kehidupan mereka yang tidak terurus sebelumnya. Nasib mereka tidak sebaik anak-anak pimpinan Pas dan anak-anak orang yang diamanahkan mengurus tabung Mangsa Memali. Yusuf Husin sebagai orang yang diamanahkan urus Tabung Memali, hidupnya semakin hari semakin selesa. Rumah makin cantik, kereta pun mewah dan tanah juga mampu beli.



Antara anak-anak yatim Memali ini telah pun dewasa dan berumah tangga. Tahukah bagaimana setengah dari mereka yang sedang dihimpit kesusahan.

Datuk Seri,

Saya amat bersetuju hasrat Datuk Seri ingin berundur dari parti. Semoga jendalu-jendalu yang menumpang ditubuh Datuk Seri itu, turut rebah ke bumi. Bagaimanapun, sebelum Datuk Seri mengundur diri, saya mohon satu perkara yang harus Datuk Seri selesaikan, iaitu berkaitan dengan amanat Datuk Seri. Saya kira telah beribu orang ahli Pas yang berpegang bahawa Umno itu kafir, telah pun meninggal dunia. Semasa hidup mungkin mereka ini telah derhaka pada ibu bapa yang Umno, telah berdosa pada saudara kandung yang Umno, begitu juga dosa terhadap jiran atau orang kampung yang Umno, berdosa pada rakan sekerja yang Umno dan dosa terhadap seluruh orang Umno yang dikafirkan.

Bagaimana keadaan mereka ini di alam mahsyar kelak untuk berdepan dengan orang-orang yang dikafirkan itu. Apakah mereka akan jadi muflis, kerana segala pahala amal ibadat mereka terpaksa diberi pada ibu bapa, saudara mara, jiran tetangga dan kawan sekerja yang dituduh kafir. Mampukah orang-orang ini untuk menanggung pula dosa-dosa yang dilakukan oleh mereka yang dituduh kafir itu. Titik-tolaknya sekarang, siapakah yang membuatkan mereka ini berdosa?

Betul seperti kata Ketua Dewan Ulama Pas Pusat, Ustaz Harun Taib hujung Disember 2011, memang Pas telah lama tinggalkan isu kafir mengkafir ini. Masalahnya sekarang, kesan doktrin terhadap ahli masih kukuh terpahat di dada kami. Bukanlah sebegitu mudah untuk melupakannya seratus peratus, kerana ini persoalan akidah yang dipenghujungnya adalah syurga atau neraka. Hingga sekarang jiwa saya masih memberontak di persimpangan sama ada Umno itu sesat akidah atau sebaliknya. Pada hakikatnya saya telah rela untuk jadi makmum pada imam Umno, saya boleh makan sembelihan orang Umno, tetapi hati saya tidak khusyuk, mulut saya berat menerima suapan. Hingga ada ketikanya menitis air mata mengenangkan isu ini.

Walaupun saya dipecat dari Pas tetapi jiwa ini masih takut untuk menyertai Umno. Apa lagi bila teringat kata-kata Tuan Guru Nik Aziz, mengundi Umno itu boleh masuk neraka. Kalau mengundi Umno sahaja boleh masuk neraka, apa lagi menjadi ahli dan berjuang bersama Umno. Jika benar sebagai yang disebut oleh Ketua Dewan Ulama Pas Pusat yang Pas telah lama tinggal isu kafir mengkafir itu, maka **Datuk Seri harus tarik balik amanat tersebut dan isytihar secara terbuka bahawa Umno tidak kafir di sisi Islam**. Semua ahli diminta berbaik dan menghormati orang Umno dalam kehidupan bermasyarakat. Tidak salah untuk mengamalkan ideologi politik masing-masing dalam keadaan aman damai.

Dengan ini juga memudahkan lagi kami yang dalam delima ini berlepas diri dari ikatan amanat tersebut. Memudahkan kami memohon maaf kepada saudara kandung dan ahli keluarga, jiran tetangga, orang kampung, rakan sekerja juga pimpinan Umno yang

pernah dikafirkan satu masa dulu. Selagi mana Datuk Seri tidak mahu mengisytiharkan begitu, selagi itulah persoalan yang sering menghantui **'kafirkah aku jika bersama Umno, kafirkah aku setelah dipecat dari Pas'** tetap mencengkam saya. Datuk Seri harus bertanggungjawab di atas keresahan ini, bebaskanlah kami dari ikatan amanat Datuk Seri itu.

Jangan lagi berulang seperti apa yang berlaku baru-baru ini. Sungguh pun Ustaz Harun Taib kata isu kafir mengkafir telah lama berlalu, hakikatnya masih ada ahli yang utuh memegangnya. Kes terbaru 10 Julai 2012 perceraian warga emas antara Yahaya Ibrahim 78 tahun dengan isterinya Hasenah Che Ahmad 61 tahun di Chetok, Pasir Mas, Kelantan. Isteri yang seorang ustazah tak dapat diterima kerana tak mahu menyertai Pas.

MUKA 4 · UTUSAN MALAYSIA

Dalam Negeri

Isteri tidak sokong Pas dianggap sesat akhirnya dicerai

PASIR MAS 11 Julai – Usia perkahwinan yang menjangkau 14 tahun sepatutnya menjadikan hubungan kasih sayang antara suami isteri semakin erat.

Namun hanya disebabkan perbezaan fahaman politik, perasaan cinta yang terjalin hilang sekelip mata sehingga si suami sanggup menceraikan insan yang menjadi sebahagian daripada hidupnya.

Itulah nasib yang menimpa Che Hasnah Che Ahmad, 61, seorang guru agama di Kampung Chabang Tiga, Chetok, Pasir Mas, apabila suaminya, Yahaya Ibrahim, 78, menganggapnya sebagai sesat kerana tidak menyokong Pas dan menceraikannya dengan talak satu di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas di sini hari ini.

Che Hasnah ketika ditemui di luar mahkamah mendakwa, semenjak berkahwin, suaminya pernah beberapa kali mengajaknya menyertai Pas namun dia tetap dengan



RAUT wajah Yahaya Ibrahim, keluar dari mahkamah selepas menceraikan isterinya, Che Hasnah Che Ahmad (kanan) dengan talak satu kerana tidak sefahaman tentang parti politik yang disertainya di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

pendiriannya menyokong Barisan Nasional (BN).

Tahap kesabaran suaminya 'meletup' apabila dia menghadiri ceramah bekas Naib Presiden Pas, Datuk Dr. Hasan Ali di Tanah Merah pada 11 Jun lalu.

"Masa mula-mula kahwin, suami saya kata tidak kisahlah sokong parti mana pun sebab itu hak masing-masing namun sejak akhir-akhir ini dia semakin taksub sehingga mengatakan saya sesat dan memaksa saya untuk bersamanya.

"Bagaimanapun saya tetap dengan pendirian saya menyokong BN dan akhirnya dia memfailkan penceraian di mahkamah pada 24 Jun lalu kerana terlalu marah dengan tindakan saya hadir di sebuah ceramah di Tanah Merah sebelum itu.

"Saya sendiri tidak tahu ia ceramah oleh pemimpin itu kerana hanya mengikuti kawan saya dan kami pergi pun sebab tertarik dengan hadiah cabutan bertuah dan saya juga ada minta kebenarannya untuk pergi ke situ," dakwanya yang mengajar al-Quran kepada lebih 100 pelajar di rumahnya setiap

Amanat Hj Hadi walaupun telah 30 tahun berlalu, tetapi masih meninggalkan kesan buruk terhadap masyarakat

Kami tidak kisah kalau pimpinan dan ahli Pas meninggalkan jubah dan serban kerana lebih senang berbaju batik dan kot dengan bertali leher, kerana itu tidak menjejaskan akidah. Persoalannya, memahami yang dulunya pemerintah ini sekular, taghut dan kafir, adalah sesuatu yang amat berat di sisi agama. Tidak semudah itu untuk dilupakan begitu sahaja, kerana seperti yang dikatakan penghujung dari isu ini adalah syurga atau neraka. Tidak ada pilihan ketiga, tidak ada istilah 'penghuni antara syurga dan neraka'.

Sebelum Kedah dikuasai oleh Pas, saya sungguh yakin bahawa Pas satu-satunya parti politik yang benar-benar ikhlas berjuang kerana dan untuk Islam. Tidak ada tolak ansur dalam hal yang berkaitan halal dan haram. Bekas Pesuruhjaya Pas Perak, dalam satu rencananya pada tahun 1980 (rujuk buku Islam Memanggil karangan Hj Baharudin Abd Latif), menyebut bahawa Nabi Muhamad SAW tidak pernah menunggu sehingga seluruh orang Muslim diberi latihan, bersedia dan memahami setiap ajaran Islam, untuk menubuhkan negara Islam.

Ertinya, alasan pimpinan Pas Kedah dan sebahagian besar pimpinan Pas Pusat untuk mengekal judi, arak dan pusat hiburan di Kedah sebagai menjaga sensitiviti pengundi

bukan Islam, adalah sesuatu yang bercanggah dengan apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW.

Apa lagi untuk menunggu masyarakat Islam faham semua perundangan Islam.

Datuk Seri,

Saya juga ingin penjelasan kenapa Datuk Seri dan ulama Pas tidak mahu menerima cabaran dari Tuan Guru Abdullah Sa'amah, pengasas Pondok Geting, Tumpat untuk berdebat isu yang berkaitan akidah ini? Kalau ramai pimpinan PR mendesak PM berdebat dengan DSAI atas isu kenegaraan, kenapa isu akidah yang lebih penting ditolak. Orang-orang seperti saya dan generasi muda perlu tahu dengan lebih terperinci berkaitan politik Islam yang ada hubungkait dengan akidah. Orang ramai hendak tahu lebih jelas, apakah benar undi Pas itu boleh masuk syurga, kerana baru-baru ini Mursyidul Am Pas menegaskan yang Pas akan tetap gunakan isu undi Pas masuk syurga dalam kempen PRU 13 nanti.



AHAD 26 FEBRUARI 2012

Pas sudah rosak

MUKADIMAH

NAMA Abdullah Sa'amah akhir-akhir ini menjadi tumpuan gara-gara keberanian beliau menegur kepimpinan Pas termasuk Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang acapkali mengeluarkan kenyataan mengelirukan umat Islam.

Pengasas Pondok Geting, Tumpat, yang menjadi lokasi pengajian ilmu agama dalam kalangan anak muda ini, tidak takut berhadapan kecaman asalkan beliau menyuarakan pandangan bagi memperbetulkan hala tuju Pas yang dilihatnya semakin tersasar daripada landasan asal perjuangannya untuk menegakkan negara Islam.

Baru-baru ini, Abdullah dengan lantang menyatakan berdosa memberikan sokongan kepada Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Ini kerana, beliau melihat kecelaruan Pas semakin ketara sejak membentuk pakatan bersama DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Hormatkah pimpinan Pas dengan pandangan ulama lain?

Begitu juga, umat Islam masih kabur dengan status pemerintahan sebenar andainya Putrajaya ditawan oleh PR. Apa yang jelas, PR telah menolak hudud untuk dilaksanakan kerana Buku Jingga tidak menyentuhnya. Juga telah pun termaktub dalam Perjanjian Persefahaman Pakatan Pembangkang pada 18 Disember 2009 bahawa tidak menjadikan perjuangan negara Islam dan pelaksanaan hudud sebagai agenda bersama. Masyarakat juga masih belum diberitahu secara khusus, andainya Putrajaya itu ditawan oleh PR, model manakah pentadbiran negara akan diurus. Mengikut model pentadbiran Pas Kelantan atau Pas Kedah. Kalau mengikut cara Pas Kelantan, mampukah Datuk Seri arahkan DSAI meruntuhkan Tugu Pahlawan, menutup pusat judi seperti di Genting, menutup kilang arak di Selangor serta melaksanakan perundangan Islam, termasuk hudud.

Kalau Datuk Seri yakin mampu lakukannya, tetapi dihalang oleh DAP, maka saya isytiharkan diri untuk sedia mati menentang DAP dan saya yakin beribu lagi ahli Pas dan penyokong Pas, mungkin orang Umno juga berminat ikut serta. Sebaliknya kalaulah acuan Kedah yang diguna pakai, bermakna Islam tidak menjurus ke mana juga. Islam tidak memerintah, sebaliknya dia tetap diperintah. Kalau Islam tidak berkuasa, untuk apa pula masyarakat Islam perlu memberi kuasa pada PR. Lebih-lebih lagi yang akan menjadi PM kepada kerajaan PR kelak adalah DSAI.

Jika alasan kerajaan BN/Umno perlu ditukar kerana mereka korupsi, tidak amanah dan sebagainya, apakah empat negeri yang dikuasai PR sekarang tidak wujud perkara-perkara demikian? Pada saya, sejauh ini negeri-negeri di bawah PR gagal menunjukkan prestasi cemerlang dalam menawan hati rakyat. Cukuplah dengan beberapa contoh yang telah saya sentuh di atas tadi. PR masih jadi penghuni di rumah yang tiris. Terbaru, lihat sahaja bagaimana kerajaan DAP Pulau Pinang secara berani menjual tapak masjid, sekolah dan balai polis kepada syarikat swasta. Pas membisu dalam isu ini takut mengguris hati DAP atas dasar semangat setiakawan dalam PR. Siapa akan jadi penghuni utama setelah berbagai projek dan rumah mewah dibangunkan kelak? Di mana Islam, di mana Melayu ketika itu.

Datuk Seri,

Dalam membawa arus bersama gelombang Islam ini, saya harap Datuk Seri tidak mengulangi kesilapan yang lalu akibat dari amanat Datuk Seri itu. Sepatutnya pendekatan sekarang ini, iaitu Kerajaan Kebajikan merupakan pendekatan awal setelah ulama ambil alih. Tidak timbullah isu kafir mengkafir sehingga memecahkan perpaduan seluruh umat Melayu dan Islam sebegini serius. Tidak ada sesiapa pun boleh menyelesaikan isu ini selain Datuk Seri sendiri. Seperti saya dulu, begitulah majoriti ahli Pas sekarang, apa juga arahan Datuk Seri pasti diikut. Jika Datuk Seri sanggup mencegah ahli Pas di 11 buah masjid di Terengganu agar kembali dalam satu jemaah di masjid, tentu mereka akan patuh. Jika tidak, mereka boleh dipecat dari parti kerana menimbulkan kekecohan dalam masyarakat yang bercanggah dengan dasar Pas serta juga tuntutan Islam.

Jika jemaah di masjid-masjid ini masih memulau Umno atas dasar kafir dan direstui oleh Datuk Seri, bagaimana pula ratusan ribu lagi ahli dan penyokong Pas yang masih berimamkan orang Umno. Tidakkah anak-anak mereka yang bernikah dengan Imam Umno itu berada dalam keadaan berdosa atau berzina sepanjang masa. Bagaimana pula status anak-anak mereka yang lahir kelak, anak yang bersih suci atau anak luar nikah. Terlalu banyak masalah akan wujud nanti. Mahukah Datuk Seri dan Pas menanggung semua masalah ini? Perlulah bertindak dengan penuh hikmah sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Quran semoga semua kembali bersatu membina perpaduan Islam yang lebih syumul, lebih kuat dan dihormati. Masanya telah tiba untuk seluruh umat Islam bersatu. Jika enggan, nescaya Malaysia akan menjejaki negara-negara Islam yang telah hancur satu persatu. Inilah hasil perpecahan ummah yang diterajui oleh orang-orang politik yang menanamkan rasa benci, dendam dan tidak menghormati pihak lain.

PM telah pun menghulurkan senyuman dan salam perpaduan, tetapi ada pimpinan Pas yang kata senyuman itu beracun. Apabila PM memohon maaf dengan kesilapan kerajaan BN/Umno yang lalu, ada pula pimpinan Pas kata PM tidak ikhlas. Bila PM memberi berbagai kemudahan kenaikan pangkat, gaji, bonus kepada penjawat awam dan sumbangan BRIM 500 ringgit pada rakyat terpilih, juga dikatakan rasuah, bila PM hapuskan akta ISA dikatakan ada agenda lain yang lebih keras, jadi apa lagi yang harus PM lakukan jika segala kebaikan yang cuba ditonjolkan tidak dihargai dan dianggap tidak ikhlas. Selaku ulama dan Parti Islam, sepatutnya berusaha mengajak umat agar kembali kepada al-Quran, terutama bila berlaku sesuatu permasalahan, terutamanya isu yang menjurus ke bibit-bibit perpecahan.

"Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung pada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" - Al-Anfal : 61

Kalau segala yang dibuat oleh PM itu dianggap tidak ikhlas, saya yakin andainya PM bersetuju membenarkan Kelantan dan Kedah melaksanakan hukum hudud sekarang ini, pasti pimpinan Pas akan menuduh PM juga tidak ikhlas. Oleh itu, undang-undang hudud ini tidak akan dilaksanakan sebab PM tak ikhlas. Dengan itu terlepaslah Pas dari kecaman ahli sebab tak laksana hudud. PM dan Umno juga yang dipersalahkan.

Sewajarnya pimpinan Pas berterima kasih kepada PM yang tidak meluluskan undang-undang hudud di Kelantan dan Kedah. Jika diluluskan, nescaya Pas tidak ada lagi helah kerajaan pusat halang mereka laksana hudud. Bayangkanlah jika PM luluskan hudud, kemudian Kelantan dan Kedah tidak mampu laksanakan, betapa Pas akan menanggung dosa. Bukan sahaja dosa kepada Allah tidak melaksanakan undang-undang hudud, tetapi berdosa juga kepada seluruh umat Islam, kerana sebelum ini Pas berjanji untuk laksanakan undang-undang tersebut.

Datuk Seri,

Sungguhpun keputusan memilih DSAI sebagai PM jika PR menawan Putrajaya selepas PRU 13 ini telah dibuat, beberapa perkara harus di fikir secara serius. Antaranya,

Sebelum DSAI dipecat, Mohamad Sabu sering menyentuh isu liwat DSAI. Antara istilah yang pernah disebutnya adalah 'DSAI buka kilang kunyit' dan juga menggelar DSAI sebagai 'Anwar Al-Juburi'. Sehingga kini Mohamad Sabu tidak pernah menarik balik ucapannya. Pas Pusat juga tidak pernah mengambil apa-apa tindakan terhadap kenyataan Mohamad Sabu itu. Ini bermakna Pas Pusat mengakui kebenaran dari ucapan Mohamad Sabu. DSAI sememangnya terlibat dalam kes liwat pertama dahulu. Kalau tidak benar, Mohamad Sabu wajib tarik balik ucapannya dan memohon maaf pada DSAI.

Sejarah telah membuktikan DSAI yang satu ketika menjadi Presiden ABIM telah lari meninggalkan jemaah Islam untuk menyertai Umno. Dengan tidak memilih Pas, saya fahamkan DSAI tidak menjiwai perjuangan Islam. Tidak mustahil, keadaan yang sama boleh berulang setelah DSAI diberi kepercayaan sebagai PM. Mahukah Pas sekadar menjadi batu loncatan kepada DSAI dalam mengejar cita-citanya.

Pendedahan Datuk S Nallakaruppan terhadap DSAI berhubung isu biseksual adalah serius. Logiknya Datuk S Nallakaruppan membantu DSAI memenangkan PR sebab DSAI bakal jadi PM. Sebagai kawan rapat tentu Datuk S Nallakaruppan boleh mengharapkan sesuatu. Oleh itu, selagi Pas tidak tubuh jawatankuasa khas menyiasat isu ini, bermakna Pas masih mengamalkan sikap pilih kasih.

Saya ulang sekali lagi, kalau PR menang, Islam tidak tertegak, untuk apa lagi perjuangan Pas ini hendak diteruskan. Apakah Datuk Seri dapat memberi jaminan, setelah Pas berkuasa tanpa melaksanakan hudud, maka Allah akan turunkan keberkatan. Negara ini akan aman, tumbuhan dan ternakan akan hidup subur seperti mana keadaan penduduk yang Allah ceritakan dalam ayat 15 surah Saba'.

"Makanlah daripada rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. Negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur) dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun."

Saya bimbang takut-takut berlaku pula seperti kisah pada kaum Saba ini dalam ayat 16 surah yang sama,

"Tetapi mereka berpaling (tidak mahu bersyukur), lalu Kami datangkan kepada mereka banjir besar (yang memusnahkan) dan Kami gantikan dua buah kebun mereka (yang subur itu) dengan dua buah kebun yang ditumbuhi pohon-pohon yang pahit buahnya...."

Perlu juga saya sebutkan semula di antara peringatan Datuk Seri kepada pemerintah BN/Umno satu ketika berkaitan dengan bala yang diturunkan Allah. Datuk Seri ada menyebut antara punca bala Allah turun seperti gempa bumi, banjir, kemarau dan tumbuhan serta ternakan kurang subur adalah, kerana pemerintah tidak melaksanakan syariat Allah. Sama-samalah kita renungkan kenapakah Kedah yang diperintah oleh Pas, menghadapi berbagai ujian luar biasa. Sejak awal tahun ini sahaja hampir setiap minggu dilanda ribut yang melibatkan kerosakan teruk ratusan buah rumah.

Kita juga bimbang, dalam usaha Datuk Seri Najib cuba memulihkan apa yang difikirkan kesilapan kerajaan BN/Umno dulu, Pas pula yang menyambut kesilapan mereka sebagai amalan dalam agenda politik kini. Justeru itu, jika calon Pas gagal pertahan kerusi dalam PRU 13 ini, jangan dilihat pada satu jari telunjuk yang menghala ke arah pengundi, tetapi lihatlah pada empat lagi jari yang mencengkam ke arah batang tubuh Pas.

Jika berlaku keadaan demikian, saya harap seluruh pimpinan Pas bertanggungjawab melepaskan jawatan dalam parti. Walaupun berat hati, terutama yang bergelar Dato'-Dato' dan YB, juga yang duduk dalam lubuk duit seperti Harakah, wajib berkorban untuk parti. Beri peluang pada pelapis yang boleh diyakinkan rakyat atau paling harmoni, terimalah salam PM. Jangan kerana bencikan PM, Pas rela mengorbankan seorang ulama dari parti sendiri, semata-mata Ustaz Nasarudin berbaik dengan PM.

Saya rasa dalam isu Ustaz Nasarudin ini, jika ada Allahyarhan Ustaz Fadzil, inilah sebenar-benarnya yang ia idamkan, kerana berkemampuan mendapat kepercayaan pemimpin tertinggi Umno dan kerajaan dalam delegasi OIC yang begitu penting buat umat Islam internasional. Apa kurang ulama dalam Umno atau juga pemimpin Pas lain berbanding Ustaz Nasa? Apa salahnya kalau pemimpin Pas anggap kesudian PM mengajak Ustaz Nasarudin ke sidang OIC itu, sebagai satu penghormatan buat Pas.

Malangnya orang yang mengkritik kuat dalam isu ini adalah Mursyidul Am, Nik Aziz. Hingga timbul isu yang mengatakan dalam pertemuan Majlis Syura pada malam 9 September 2012 lalu, Mursyidul Am keluar dari majlis tidak mahu mempengerusikan majlis tersebut, alasannya kurang sihat. Kenapa datang berjam-jam dari Kota Bharu boleh, untuk mengambil masa setengah jam dikatakan kurang sihat. Seolah-olah enggan tenguk muka Ustaz Nasa. Jika beginilah sikap marah dan dendam yang diamalkan oleh Rasulullah, maka tidak akan Islamlah Saidina Hamzah, juga Saidina Omar dan juga Khalid Al-Walid. Mereka ini bukan sahaja menyebelahi musuh, malah berusaha untuk menghapuskan nabi. Dalam isu ini, saya ditanya, sunnah mana yang tok guru amalkan. Bagaimana nak jelaskan?

Datuk Seri,

Dalam isu Ustaz Nasa ini, saya rasa Datuk Seri merupakan orang yang bertanggungjawab penuh terhadap apa yang berlaku. Saya tidak mahu dedahkan di sini, kerana ini antara rahsia penting Datuk Seri dengan Ustaz Nasa dan beberapa orang lagi. Dengan menyembunyilkan fakta sebenar dari ahli. Khususnya perwakilan kawasan dalam muktamar 2011, Ustaz Nasa bukan sahaja menerima kekalahan dalam mengekalkan jawatan Timbalan Presiden, malah beliau menerima fitnah dari majoriti ahli yang tidak tahu hujung pangkalnya. Kekadang sedih saya mendengar kutukan dari beberapa orang pimpinan pusat, negeri, kawasan dan cawangan ke atas beliau. Begitulah juga nasib yang menerima Dato' Hasan Ali. Datuk Seri lebih tahu kedudukan sebenar, tetapi mengelak diri. Pasti air mata Datuk Seri yang mengalir selepas mengumumkan pemecatan Dato' Hasan Ali, menjadi bukti penyesalan Datuk Seri.

Saya mengucapkan syabas kepada Ustaz Nasa, sehingga kini beliau masih boleh bersabar untuk tidak mendedahkan isu sebenar disebalik kemelut yang menimpa dirinya. Semua ini dilakukan semata-mata untuk menjaga maruah pimpinan tertingginya dan juga parti. Selagi mana Ustaz Nasa dapat bersabar, saya menghormati beliau sebagai seorang pejuang parti yang hebat. Tidak keterlaluan kalau saya katakan inilah dia pimpinan ummah yang sebenar yang mampu menghadapi cabaran dalaman parti dan mampu pula menarik perhatian PM.

Kenapa orang begini Datuk Seri tidak beri ruang dan peluang untuk terus melangkah ke hadapan. Seharusnya beliau yang pernah menerima didikan dari Allahyarham Ustaz Fadzil, digilap sebaik mungkin untuk terus memimpin parti. Saya yakin dengan keterampilan, kewibawaan, ilmu dan kepetahan berbahasa Arab dan Inggeris, Ustaz Nasa orang yang layak duduk di kerusi PM dalam PR. Kenapa pimpinan Pas pilih DSAI? Tidak lain kerana kurang yakin pada kemampuan diri. Sedangkan pada rakyat jelata dijanjikan bahawa Islam akan menjadi agenda utama dalam kerajaan PR. Hingga bila rakyat hendak disogokkan dengan janji begini.

Datuk Seri.

Biasanya orang-orang seperti saya akan ditohmah oleh ahli Pas, mereka akan berkata banyak mana sangatlah ilmu saya untuk pertikai ulama seperti Datuk Seri, ilmu di hujung kuku pun tak ada. Saya sedar diri dalam hal ini, tetapi apa yang saya bangkitkan ini, bukanlah pertikaikan kedalaman ilmu di dada Datuk Seri, sebaliknya perubahan sikap yang sangat membimbangkan. Semua yang saya kemukakan adalah fakta yang tidak boleh dinafikan yang sedang berlaku secara jelas.

Kesimpulan dari pendedahan ini, membuktikan Datuk Seri, ahli Majlis Syura Pas dan AJK Dewan Ulama Pas tidak mampu berdepan dengan golongan profesional yang sedang menguasai Pas sekarang ini. Begitu juga bila berdepan dengan isu-isu sensitif pada umat Islam yang ditimbulkan oleh pimpinan PKR dan DAP. Semua ini membahayakan masa depan Pas dan agama Islam. Jangan pula nanti berlaku 'lari dari mulut harimau, masuk ke mulut buaya'. Pas takut dengan penipuan Umno untuk sambut salam perpaduan dari PM, tetapi lupa pula berfikir yang Pas juga boleh tertipu oleh PKR dan DAP. Hingga sanggup pemimpin Pas memeluk erat pimpinan DAP. Senyum PM dianggap beracun, senyum Kit Siang dianggap penawar.

Ayat-ayat di bawah ini pernah disentuh oleh Datuk Seri satu ketika dulu dalam menyentuh hubungan orang Umno dengan MCA dan MIC. Apakah ayat-ayat ini termansuh sebaik sahaja berlakunya pelukan erat antara Datuk Seri dengan Lim Kit Siang?

Ayat-ayat itu antaranya dalam surah at-Taubah ayat 113 yang bermaksud,

"Tiada patut bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampunkan untuk orang-orang musyrik, meskipun mereka berkarib setelah terang bagi mereka, bahawa orang-orang musyrik itu penghuni neraka."

Begitu juga dengan ayat 80 surah yang sama bermaksud,

"Jika Engkau minta ampun untuk mereka 70 kali, nescaya Allah tiada juga memberi ampun bagi mereka. Demikian itu disebabkan mereka kafir terhadap Allah dan rasulNya. Allah tidak menunjuki kaum yang fasik."

Satu contoh yang jelas, bagaimana membuktikan Mursyidul Am mudah terikut dengan orang keliling, adalah isu aurat di Kelantan. Kerajaan pimpinan Tok Guru Nik Aziz mewajibkan semua wanitanya menutup aurat. Tidak boleh membuka rambut dan berbaju lengan pendek. Hinggakan baru-baru ini, seorang remaja yang ditahan kerana berbaju lengan pendek merungut, Kerajaan Negeri tidak adil kerana mendendanya sehingga RM500 sebab kesalahan berbaju lengan pendek, sedangkan dia tidak tahu peraturan itu. Saya sendiri ragui, kenapa dendanya begitu tinggi bagi kesalahan pertama.

Sedangkan sebelum ini pihak muzium Kelantan telah menganjurkan satu pertunjukan Ratu Jengking, Nur Malena Hasan pada Julai 2001, dalam usahanya mahu mencipta rekod The Malaysia Book Of Records. Pertunjukkan itu bermula pada 1 Julai 2001 di mana Nur Malena telah tinggal bersama 2,000 ekor jengking. Dalam tempoh dua minggu pertunjukannya itu, telah tiga kali pengsan disengat serangga berbisa tersebut.

Kemudian pada Ogos 2010, muzium Kelantan menganjurkan pula pertunjukan Ratu Ular, Puteri Aryani dari Kedah. Mengikut YB Takiyuddin Hasan selaku exco berkaitan, tujuan mereka adalah untuk menarik orang ramai melawat muzium yang agak sunyi oleh kehadiran pengunjung. Puas saya fikir isu ini, apa telah terjadi dengan tok guru. Kenapa tok guru boleh membenarkan Nur Malena dan Puteri Aryani membuat pertunjukan tersebut dalam keadaan tidak tutup aurat. Apakah dengan alasan menarik pengunjung itu, membolehkan hukum yang haram berubah menjadi halal?

Pengunjung yang datang, bukan sahaja melihat jengking dan ular-ular dalam peti kaca, tetapi mereka juga akan terlihat rambutnya yang terdedah serta susuk tubuh mereka. Apakah ini diizinkan oleh Islam? Begitu juga, semua orang tahu yang jengking dan ular itu antara binatang berbisa yang boleh membunuh mangsa. Berapa ramai telah raja ular yang mati akibat dipatuk ular pertunjukan mereka. Ratu ular tersebut, Puteri Aryani yang juga isteri muda masih bernasib baik, kerana dia sekadar pengsan sahaja selepas dipatuk ular. Jika mati, matinya dalam keadaan tidak menutup aurat, mungkin juga tidak sempat solat dan tidak sempat ketemu suami. Kalau ditakdirkan begitu, siapakah yang patut bertanggungjawab?

Di manakah ayat yang selalu dibaca berhubung jangan dicampak diri dalam kebinasaan? Sepatutnya Nur Malena dan Puteri Aryani diberi nasihat tinggalkan kerjaya begitu. Bukan sahaja berdosa kerana tidak tutup aurat, tetapi mengundang maut. Islam tidak mengizinkan perbuatan begitu. Bagaimana kerajaan Serambi Mekah boleh terlepas pandang isu aurat ini.

Tok Guru yang sepatutnya melarang keras pameran yang bercanggah dengan hukum itu, sebaliknya sanggup mengizinkan exconya membayar upah di atas perbuatan haram itu. Tidak kisahlah berapa jumlah upahnya, apa yang perlu diketahui, upah itu dibayar atas tujuan apa? Mengundang Puteri Aryani itu bukan sahaja melanggar peraturan Kerajaan Negeri, tetapi mempersendakan arahan Allah.

Kita amat simpati dengan nasib yang menimpa wanita berbaju lengan pendek itu. Kalau pun mengikut ijtihad dibolehkan denda dengan wang, tetapi nilai RM500 ringgit itu tidakkah melampaui dari kemampuan individu. Kenapa tidak digunakan kaedah lebih berhemah seperti beri amaran atau kaunseling. Islam itu lebih kepada mendidik, bukannya menghukum apa lagi hukuman itu diluar kemampuan pesalah.

Gadis pakai baju lengan pendek salah

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU - "Saya tak tahu kalau pakai baju pendek dan tidak menutupi lengan salah di sisi undang-undang di Kelantan."

Demikian kata seorang remaja perempuan selepas dikompaun RM500 dalam operasi Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), semalam.

Gadis itu adalah antara lima individu yang dikompaun kerana tidak menutup aurat, nembuang puntung rokok di wasan terbuka di samping ak mempunyai lesen ber- a di kaki lima dan tidak



Mohd Ali serah surat kompaun kepada remaja di atas kesalahan tidak memakai sarung lengan dan mendedahkan lengan.


Wanita berbaju lengan pendek dikenakan cukai RM 500 oleh Kerajaan Negeri. Wanita yang dedah rambut dibayar upah pula oleh Kerajaan Negeri. Wajarkah hukum Allah dipersendakan begini?




ALI KHAN membuang kala jengking di baju Nur Malena yang pitam kerana disengat bagi kali kedua, semalam. – Gambar Bernama

Begitu juga, satu ketika pimpinan Pas membidas orang Umno mengadakan majlis persandingan. Ada ayat-ayat Quran yang dikemukakan untuk menguatkan hujah. Setelah berkuasa di Kedah, MBnya sebagai seorang ulama mengadakan majlis bersanding sempena kenduri perkahwinan anaknya. Pimpinan tertinggi Pas termasuk para ulamanya hadir, ribuan ahli Pas seluruh Kedah juga turut hadir. Tidak ada pun yang berani menegur. Dulu dalam kuliah mereka sebutkan bahawa memenuhi jemputan kenduri adalah wajib, tetapi menjadi haram bila ada majlis maksiat, khurafat dan sebagainya yang dilarang oleh syariat.

Mereka sendiri sedar antara perbuatan khurafat dalam budaya Hindu adalah bersanding. Kalau mahu difaham dengan lebih mendalam, apalah bezanya kehadiran pimpinan Pas dalam majlis bersanding dengan kehadiran Datuk Seri Najib ke Batu Caves. Tidakkah kedua-duanya ada kaitan dengan agama Hindu? Kenapa PM dicerca, tidak lain kerana dia pimpinan Umno. Sementara MB Kedah tidak dicela, disebabkan beliau pimpinan Pas. Begitulah malangnya pimpinan Umno dan bertuahnya pimpinan Pas. Kalau dulu Datuk Seri berani menegur kerajaan dan orang Umno, kenapa dalam kes majlis persandingan anak MB Kedah ini ditutup mulut.



Bila Pas menguasai Kelantan tahun 1990, pasukan bola sepak Kelantan diarahkan memakai seluar labuh ke paras bawah lutut. Alasannya paras lutut ke atas bagi lelaki adalah aurat. Kawan saya yang bukan ahli Pas memuji perubahan tok guru berdakwah ketika itu. Tetapi dia juga melahirkan kekecewaan yang amat sangat, kerana sekarang pemain Kelantan tidak lagi terikat dengan peraturan tersebut. Malah pemain Kelantan ketika masuk ke padang, turut diiringi oleh kanak-kanak perempuan berbaris di tengah padang.

Sikap begini membuatkan kawan ini berkata yang dia sudah tawar hati untuk menyertai Pas. Mengikutnya, kalau tok guru pun boleh berubah begitu, apa lagi orang-orang yang bukan tok guru di kalangan pimpinan Pas. Sama ada tindakan kawan saya itu betul atau tidak bukan persoalan. Paling utama, adalah cakap tak serupa bikin atau tidak ada prinsip dalam melaksanakan hukum. Itu merupakan hukum yang dikatakan 'haram', bagaimana pula yang sekadar sunat dan harus? Tentulah lebih mudah lagi untuk berubah-ubah seperti mana yang disebutkan oleh kadi dalam filem Musang berjanggut ' Itu undang-undang kanda yang bikin……"

Ada juga yang memberi alasan yang tok guru tak ada kuasa, kerana pasukan bola Kelantan berada di bawah kuasa Anuar Musa selaku presidennya. Mungkin ada kebenarannya, tetapi dipertikaikan pula kenapa tok guru sendiri turun menyaksikan perlawanan dalam keadaan pemain Kelantan tidak menutup aurat. Tidakkah itu bererti beliau setuju atau reda dengan cara berpakaian pemain pasukan Kelantan itu. Sepatutnya tok guru jangan hadir sebagai tanda protes cara berpakaian pemain. Seperti saya, kawan ini turut tertanya-tanya, kenapa jadi begini? Ya, kenapa jadi begini?

Tok guru juga mengharamkan sebarang konsert di negeri Kelantan. Alasannya program itu melalaikan remaja dari mengingati Allah. Mungkin ada yang tidak solat sewaktu berhibur. Di waktu yang sama, beliau tidak pula menganggap bola sepak itu juga melalaikan remaja dari ibadat. Ada ketikanya mencetuskan kekecohan, bergaduh sesama penonton dan bakar kerusi dalam stadium. Biasanya jika perlawanan kemuncak, apalagi pertandingan akhir, penonton akan penuh dalam stadium mencecah lebih dari 50 ribu orang. Majoriti penonton akan memenuhi stadium sebelum waktu maghrib lagi untuk menyaksikan perlawanan jam 8.30 malam. Bermakna ribuan penonton Islam yang tidak solat maghrib.

Kita faham, semua ini dilakukan semata-mata untuk menawan hati remaja, kerana bola sepak raja segala sukan, jutaan peminatnya. Justeru itu, pemain bola sepak ini harus disanjung sebagai aset menyokong Pas. Kalau pemain popular menyertai Pas, tentulah peminat juga akan teruja terhadap Pas. Begitulah harapan yang sekadar permainan politik, kerana itu mereka bukan sahaja disanjung dengan tepuk sorak, sebaliknya Kerajaan Negeri sanggup menghadiahkan wang, tanah dan rumah. Mereka dapat imbuhan kerana berjuang selama 90 minit atas padang mengharumkan nama Kelantan atau juga Kedah.

Khairul Fahmi Che Mat atau Apek, anak Kelantan selaku penjaga gol kebangsaan menerima anugerah khas sebuah banglo bernilai RM200 ribu semata-mata pasukannya menjadi juara Piala Suzuki dengan mengalahkan pasukan Indonesia 2011. Demikian juga dengan kerajaan Kedah. Selain memberi ganjaran 5 ribu ringgit pada 5 pemain kebangsaan yang berasal dari Kedah, juga diserahkan satu lot tanah seluas 2 hektar untuk mereka. Mengikut nilai harga semasa di Pokok Sena, tanah seluas itu hampir lima ratus ribu ringgit.

"Khairul Fahmi merupakan penjaga gol terbaik Asia menjadi idola rakyat Kelantan, saya juga berbangga dengannya apatah lagi dia berada dalam kawasan pilihan raya saya."

Nik Abdul Aziz

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kepada Khairul Fahmi di Taman Kurnia Jaya, Kemumin, Pengkalan Chepa dekat sini, semalam.



Nik Abdul Aziz menyerahkan replika kunci rumah kepada penjaga gol Kelantan, Khairul Fahmi (kiri) semalam.

Lima pemain diberi ganjaran tanah

KERAJAAN Negeri Kedah mengumumkan pemberian ganjaran satu lot tanah kepada lima pemain negeri itu yang mewakili Skuad Kebangsaan dalam kejohanan Piala Suzuki AFF 2010.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak yang mengumumkan perkara itu berkata, tanah seluas dua hektar di Pokok Sena akan dibahagikan kepada lima pemain berkenaan.

"Kita akan bahagikan lot-lot itu untuk setiap seorang pemain secara percuma," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini.



AZIZAN

Selain tanah, lima pemain iaitu pemain sayap Mohd Khyril Muhymeen Zambri, pemain pertahanan Mohd Sabre Mat Abu dan Khairul Helmi Johari serta pemain tengah Mohammad Faizal Abu Bakar dan Amar Rohidan yang berhijrah dari Perlis turut menerima ganjaran sebanyak RM5,000 seorang pada awal Januari lalu.

Sementara itu jawatan pengurus pasukan Kedah yang kini disandang Datuk Khazali Din sedang dipertimbangkan selain melihat semua aspek lain yang berkenaan sebelum membuat keputusan demi kepentingan bola sepak negeri.

Azizan turut menghargai pandangan yang diberikan orang ramai dan akan mempertimbangkan segala aspek sebelum membuat keputusan itu.

"Kita hargai pandangan mereka dan akan beri pertimbangan sewajarnya demi kejayaan bola sepak Kedah dan keselesaan semua pihak.

"Kalau kita ada pengurus yang baik dan jurulatih yang baik, pemain tak baik macam mana? Takkan disebabkan kalah, hanya jurulatih atau pengurus sahaja disalahkan, jadi kita akan tengok secara keseluruhan," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian sewaktu diminta mengulas mengenai desakan agar jawatan pengurus pasukan disandang individu lain.

Bertuahlah pemain bola Kelantan dan Kedah. Bagaimana pula nasib rakyat yang benar-benar perlukan rumah dan tanah?

Nak beri insentif apa pun bukanlah isu, tetapi berbaloikah dengan sumbangan yang begitu besar. Tidak memadaikah sekitar 5 ke 10 ribu saja atau hantar mengerjakan umrah. Sebelum ini pun pemain Kelantan telah mendapat macam-macam ganjaran seperti tanah setelah menjadi juara berbagai pertandingan bola peringkat kebangsaan. Ada yang dah hidup mewah. Kalaulah keadaan ekonomi Kelantan itu kukuh seperti kerajaan Brunei, tidak mengapa juga. Hinggakan ada yang berkata agak sukar mencari orang miskin di Brunei untuk bayar zakat fitrah.

Berbeza sangat dengan keadaan rakyat di Kelantan dan Kedah yang majoritinya masih dalam kategori miskin. Mereka amat perlukan perhatian. Air mata kemiskinan sering membasahi kehidupan mereka. Hinggakan mengikut rekod, rakyat Kelantan paling ramai menerima sumbangan BRIM. Oleh itu, manakah yang lebih utama antara rakyat miskin dan pemain bola sepak? Sedangkan semua orang tahu, di Kelantan masih ramai anak yatim, sekolah agama rakyat yang daif, ibu tunggal, peniaga kecil yang memerlukan bantuan dan berbagai kalangan mustaafin yang patut dibantu.

Kalau kerajaan prihatin, wang RM200 ribu peruntukkan untuk Saiful seorang itu boleh membeli 1000 penapis air sebagai subsidi kepada rakyat miskin. Atau juga membina

perigi pam/elektrik yang dapat dimanfaatkan hampir kepada 500 keluarga miskin. Sayangnya, masalah rakyat ini diketepikan, peluh rakyat miskin di Kelantan yang beribu orang ini dianggap tidak ada manfaat kepada pembangunan Kelantan, berbanding peluh seorang dua pemain bola sepak yang mengharumkan negeri serambi Mekah itu.

'Biarpun susah kami tetap bahagia'

KOTA BHARU: "Saya bahagia walaupun hidup dalam kedaifan," kata Osman Tan Abdullah, 63, yang memeluk Islam sejak 20 tahun lalu.

Menurutnya, walaupun hanya melakukan pekerjaan sebagai tukang sapu di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kota Bharu dengan upah RM10 dia sentiasa beroleh ketenangan meneruskan hidup bersama isteri, Halimah Salleh, 59, dan seorang anak orang kelainan upaya (OKU) berusia 21 tahun.

"Sejak memeluk Islam, bantuan tidak putus-putus diterima. Penduduk kampung banyak membantu dan tidak menganggap saya orang asing walaupun saya mualaf"

>Osman Tan Abdullah

FOTO | Nik Abdullah Nik Omar



CERIA...keluarga Osman sentiasa bahagia walaupun dalam kedaifan.

"Sejak memeluk Islam, bantuan tidak putus-putus diterima. Penduduk kampung banyak membantu dan tidak menganggap saya orang asing walaupun saya mualaf.

"Bagaimanapun, sebagai ketua keluarga, saya tetap mencari rezeki mengambil upah menyapu sampah," katanya ditemui di rumahnya di Kampung Tebing Tinggi dekat Sabak, di sini, kelmarin.

Osman kini menduduki rumah baru bantuan kerajaan negeri menerusi Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu selepas rumah lamanya tidak sesuai didiami lagi.

Bagi Halimah, pada mulanya dia berdepan pelbagai kesukaran hidup ketika memilih untuk berkahwin dengan Osman, tetapi berkat kesabaran dia hidup bahagia bersama suami dan anak.

"Saya reda, walaupun hidup kami susah, saya dikurniakan suami yang penyayang dan bertanggungjawab.

"Alhamdulillah, rezeki untuk kami sekeluarga sentiasa ada walaupun hidup dalam kedaifan," katanya.

Apa lagi ungkapan yang boleh diucapkan. Perlukah nasib mereka berubah sehingga anak mereka mewakili bola sepak di Kelantan kelak?

Wat Siam tempat berteduh

Enam beranak hadapi waktu sukar tanpa ketua keluarga

BALING - Akibat kesempitan hidup sebuah keluarga dekat sini terpaksa menyewa di wat Siam Baling sejak dua tahun lalu.

Noriza Hassan, 35, mempunyai lapan anak yang masih kecil, dua daripadanya dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala enam lagi berada di bawah tanggungannya.

Menurutnya, dia tiada pilihan melainkan menyewa di wat Siam dengan bayaran sewa sebanyak RM200 sebulan.

"Kini, saya hanya mengharapkan bantuan JKM sebanyak RM400 sebulan.

"Dengan wang itulah saya menyara anak-anak saya," katanya.

Noriza berkata, suaminya yang menghilangkan diri sejak beberapa tahun lalu merumitkan lagi keadaan mereka.

Noriza yang merupakan suri rumah sepenuh masa pernah mencari rumah baru tetapi gagal berikutan kadar sewa yang ditawarkan terlalu tinggi mengakibatkan mereka terpaksa menetap di dalam wat Siam terbabit.

"Walaupun ada dalam kalangan pihak tertentu yang memandang serong kepada kami, saya terpaksa bersabar demi meneruskan kehidupan.

"Tidak dinafikan, saya terpaksa berjimat cermat untuk memastikan kebajikan anak-anak tidak terabai. Biarlah saya yang merana, tetapi bukan anak-anak saya," katanya ketika ditemui di kediamannya, kelmarin.

Sementara itu, penderitaan keluarga Noriza mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bayu, Azmi Che Hussin bersama Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) Baling yang tampil mengurangkan beban yang ditanggung.

Azmi berkata, pihaknya amat bersimpati dengan keadaan keluarga Noriza.

"Tinggal di wat Siam bukan satu kesalahan, tetapi umumnya mengetahui hanya golongan Siam yang beragama Buddha yang tinggal di sini.

"Sehubungan itu, sedikit sebanyak masyarakat akan mengeluarkan kata-kata yang tidak manis seterusnya memburukkan keluarga itu sedangkan mereka berada dalam keadaan tersepit," katanya.



Azmi (kanan) bermesra dengan anak-anak Noriza yang masih kecil semasa melawat keadaan keluarga itu, kelmarin.

Katanya, dia akan membantu keluarga itu mendapatkan bantuan rumah.

"Sememangnya mereka layak dan sebagai wakil rakyat saya akan membantu sedaya mungkin untuk kesejahteraan keluarga ini," katanya selepas menyampaikan sumbangan barangan dapur kepada keluarga terbabit.

Hadir sama, Pegawai JKM Baling, Nazatul Iffah Abdullah.

Nasib umat Islam yang berselindung di Wat Siam. Dimana letaknya maruah Islam?.

Datuk Seri,

Ada juga yang berhujah, pendekatan yang dibuat oleh Pas sekarang merujuk kepada Perlembagaan Madinah. Saya tidak menafikan adanya perjanjian perdamaian antara Nabi dan orang-orang Kristian dan Yahudi. Rasulullah juga melantik ketua-ketua kaum dari setiap kaum mereka. Tetapi adakah Rasulullah melantik orang Kristian atau Yahudi menjadi ketua atau pun mewakili kaum Ansar dan Muhajirin di Madinah. Khalifah empat, lain-lain sahabat tidak pernah duduk di bawah kepimpinan Kristian atau Yahudi. Sebaliknya kafir-kafir ini sentiasa dipantau agar tidak mendatangkan bahaya pada umat Islam dan harta Madinah. Ertinya, sikap berhati-hati, waspada atau mencurigai kafir Madinah itu, tetap berlaku.

Apabila mereka ini melanggar perjanjian, cuba belot dan membahayakan Islam, Rasulullah sendiri mengarahkan antara mereka dibunuh, hingga satu ketika seluruh Yahudi yang cuba belot dengan kepimpinan Rasulullah, diusir keluar dari Madinah. Itulah Islam dan Perlembagaan Madinah. Berlembut, bertolak ansur dan maaf selagi mana mereka menghormati Islam. Apakah DAP yang ada sekarang ini menghormati ajaran Islam?

Penasihat DAP, Karpal Singh sejak tahun 1999 lagi menyebut 'langkah mayatnya dulu sebelum buat Islam'. Sehingga sekarang dia masih berprinsip demikian. Terbaru, Ketua DAP Perak, Ngeh Koo Ham membuat kenyataan menyinggung perasaan umat Islam dalam isu demonstrasi membantah filem Amerika yang menghina nabi. Sebelum ini pun banyak DAP anjurkan demo, terutama isu kenaikan tol. DAP juga setuju dengan himpunan Bersih, begitu juga himpunan Hijau. Adakah ini tidak membuang masa seperti yang dipertikaikan oleh ketua DAP Perak bahawa umat Islam hanya buang masa berdemo pertahankan maruah nabi? Jadi, apakah DAP boleh dipercayai sebagai rakan pakatan dan menghormati Pas sebagai parti berteraskan Islam?

"Jika mereka melanggar sumpahnya sesudah perjanjiannya, dan mereka mencela agamamu, hendaklah kamu perangi kepala-kepala kafir itu, sesungguhnya tidak ada kesetiaan bagi mereka, mudah-mudahan mereka itu berhenti"….At-Taubah ayat 12

DAP tidak setuju kempen Pas

GOKINA MORGANAN

GEORGETOWN - "DAP tidak bersetuju pendirian Pas menentang sambutan Hari Kekasih, Selasa ini," kata, Pengerusi Kebangsaan DAP, Karpal Singh.

Menurutnya, pendirian Pas tidak boleh dipertahankan kerana sambutan Hari Kekasih diterima umum, dan disambut hampir di semua negara.

"DAP berpendapat pendirian Pas menentang sambutan Hari Kekasih, bukan satu langkah yang baik.

"Tindakan Pas adalah sangat bertentangan dengan hak asasi manusia dan prinsip kebebasan. Malaysia adalah negara mengamalkan prinsip demokrasi," katanya, di Air Itam, di sini, semalam.

Karpal berkata, DAP kecewa dengan tindakan Pas, satu parti komponen Pakatan Rakyat (PR) yang menentang sambutan Hari Kekasih setiap tahun.

"DAP menggesa Pas menarik balik pendirian berkenaan sebelum 14 Februari ini," katanya.

Kelmarin, Dewan Pemuda Pas menghantar memorandum bantahan promosi Hari kepada Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Memorandum itu diserahkan Setiausaha Pemuda Pas, Khairul Faizi Ahmad Kamil kepada Setiausaha Akhbar Menteri, Norazli Noh yang mewakili Rais, di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Khairul Faizi berkata, Dewan Pemuda Pas meminta Rais mengambil tindakan memantau dan bertindak sekiranya wujud kempen promosi Hari Kekasih menerusi pengiklanan di televisyen, radio dan akhbar sepanjang bulan ini.

Pada 7 Februari lalu, Pemuda Pas menggesa Kerajaan melancarkan kempen menentang sambutan Hari Kekasih atas alasan ia mempromosikan aktiviti tidak moral.

Timbalan Ketuanya, Nik Abduh Nik Aziz berkata, kerajaan perlu menyiarkan iklan anti sambutan itu untuk mencegah umat Islam menyambutnya pada 14 Februari ini.

KARPAL

Dari beberapa isu yang sengaja ditimbulkan oleh pimpinan DAP dalam menggores hati umat Islam, saya sangat setuju dengan luahan hati Ustaz Nasa, agar Pas keluar dari PR atau kaji semula pakatan dengan DAP. Sedihnya, pemimpin Pas masih mahu memeluk erat DAP yang tidak menghormati Islam dan sanggup pula menyingkirkan saudara seIslam lagi seperjuangan seperti Ustaz Nasa. Tok guru Nik Aziz kata, Ustaz Nasa patut masuk Umno ikut jejak Allahyarham Datuk Asri yang pernah jadi presiden Pas satu ketika dulu. Katanya lagi, Ustaz Nasa menyusahkan parti, tetapi boleh pula terima DAP yang bukan sahaja menyusahkan Pas, malah biadab dengan Allah.





Saudara Seperjuangan




Datuk Seri,

Pas akan dilihat lebih berjaya, lebih tegas dan akan lebih diyakini andainya DAP atau mana-mana kelab bukan Islam penyokong Pas, bersetuju bersama-sama Pas tanpa menuntut kerusi calon. Mereka akan setia di bawah pimpinan orang Pas. Mereka hanya berhak menjadi ketua mewakili kepada kaum sendiri dalam barisan pentadbiran kerajaan Pas. Jika keadaan ini berlaku, ertinya satu kejayaan besar buat Pas dalam menawan hati orang bukan Islam tanpa syak terhadap Islam. Sebaliknya, kerjasama PR sekarang ini meletakkan Pas berada dalam kancah fitnah dan perpecahan sesama ahli. Pas tidak boleh bersikap betis diminta, paha yang dihulurkan. Pas harus waspada, kerana Islam itu sendiri mengajak umatnya berhati-hati terhadap musuh. Antara sifat orang kafir dan kalangan munafik ini disebut dalam surah al-Baqarah, ayat 14 yang bermaksud,

"Dan apabila mereka bertemu dengan orang-orang beriman, mereka berkata 'kami telah beriman', dan tatkala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka (pemimpin-pemimpin mereka yang munafik dan kafir) mereka berkata pula, 'sesungguhnya kami tetap bersama kamu', kami sebenarnya hanya memperolok-olok (akan orang-orang yang beriman dengan berpura-pura beriman)."

Abby ahli Pas seumur hidup

KOTA BHARU- Selepas hampir beberapa bulan berada di pentas ceramah Pas, pelakon Abby Abadi akhirnya secara rasmi menyertai parti itu sebagai ahli seumur hidup.



Abby menyerahkan borang keahlian Pas kepada Nik Aziz.

Dalam majlis yang diadakan di Padang Yayasan Islam Kelantan di sini, malam kelmarin, Abby menyerahkan borang keahlian kepada Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat disusuli pemakaian selendang hijau oleh Exco Kerajaan Negeri, Wan Ubaidah Omar.

Abby yang terkenal dengan gelaran Inspektor Haliza berkata, tindakan beliau menangguhkan penyertaan dalam Pas sebelum ini kerana mahu memahami mendalam perjuangan parti itu dan akhirnya mendapat petunjuk daripada ALLAH.

Katanya, kesungguhan beliau mendekati Pas adalah kerana mendapati parti itu ikhlas memperjuangkan Islam berdasarkan al-Quran.

"Saya mendapat hidayah ini selepas mengerjakan umrah, tidak ada siapa yang paksa, malah apa yang saya sampaikan (dalam ceramah) adalah lahir daripada kesedaran dan pemahaman saya sendiri," katanya dalam majlis yang turut dihadiri seorang lagi pelakon, Hairie Othman.

Abby berkata, sepanjang mendekati Pas, beliau tidak pernah merasakan parti itu membawanya kepada jalan yang buruk seperti mana didakwa pihak-pihak tertentu.

Sementara itu dalam ucapannya, Abby berkata, beliau akan meneruskan perjuangan bidang seni dan mengharapkan parti itu bersama Pakatan Rakyat mampu menawan Kerajaan Pusat sekali gus dapat memperkembangkan seni dalam Islam.

"Sebagai orang seni, saya tidak pandai untuk mencari rezeki dengan bidang lain. Oleh itu saya berharap selepas ada perubahan di Putrajaya nanti, kita boleh lakukan sesuatu bagi memartabatkan seni mengikut acuan Islam," katanya.

Sementara itu, Hairie dalam ucapannya mencadangkan kepada Pas supaya menerbitkan drama berkaitan perjuangan Islam bagi membolehkan generasi muda tahu asal usul sejarahnya.

"Kita boleh menerbitkan kisah tokoh terkenal dalam gerakan Islam di Malaya seperti Dr Burhanuddin Helmy yang begitu banyak berjasa. Kalau Pas berminat saya pun boleh jadi pelakonnya," katanya dalam nada berseloroh.

Kalau ada yang pertikaikan, tentu ahli Pas kata 'Tok guru Lebih Tahu'. Dengan rela hati Tok guru minta Ustaz Nasa masuk Umno dan dengan senang hati pula menerima dan memuji artis bersama Pas. Kalau Tok guru kata undi Umno masuk neraka, kenapa tergamak suruh Ustaz Nasa terjun ke neraka. Sejarah telah membuktikan adanya ulama yang tumpas dengan godaan wanita

Datuk Seri boleh cakaplah pada media, pada orang ramai bahawa Melayu hanya akan selamat di bawah kerajaan Pas. Hakikatnya Datuk Seri sendiri tahu, apa yang berlaku kepada anak Melayu dalam kerajaan Pas Kedah sekarang. Kalau dulu boleh disebut, masalah sosial remaja hanya berlaku pada kalangan anak umno, tetapi hari ini sudah menjadi lumrah juga pada anak kalangan orang Pas. Betapa ramai remaja petugas Pas hari ini yang tidak solat, ketagihan dadah, menjadi rempit, meragut, mencuri motor dan sebagainya. Malah kanak-kanak sekolah berusia sembilan tahun pun sudah ketagihan rokok. Apa kerajaan Pas Kedah buat? Lebih memalukan lagi, keadaan pusat reakrasi di hutan atau di pantai, pengunjungnya tidak segan melakukan maksiat. Termasuk di dataran taman hadapan masjid negeri.

Saya yakin Datuk Seri dan lain-lain pimpinan Pas sedar hal ini, tetapi tidak berani menegur MB yang sentiasa mendakwa dia lebih tahu, dia bekas pensyarah dan ilmu Islamnya lebih dari ulama Pas lain, kerana dia bukan sahaja kelulusan Al-Azhar, tetapi berpendidikan Islam dari universiti barat. Contohnya pada awal Mac 2012, Tok Guru Nik Aziz membuat teguran terhadap pelancong yang hanya separuh bogel berjemur di pantai. Beliau tidak pun berani menyebut pantai yang dimaksudkannya di Pulau Langkawi. Sebab ianya di bawah kerajaan Pas Kedah, negeri kerajaan Islam.

12 NASIONAL Selasa 6 Mac 2012 BERITA HARIAN

'Bimbang tabiat pelancong luar'

Nik Aziz mahu pelawat berpakaian sopan sepanjang berada di Kelantan

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad
krull@bharian.com.my

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat melahirkan rasa bimbang terhadap tabiat pelancong Eropah yang suka memakai coli dan seluar dalam ketika berada di khalayak.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pentadbiran kerajaan negeri terutama agensi terbabit dengan pelancongan seperti Pusat Penerangan Pelancongan negeri memberi perhatian terhadap perkara berkenaan.

"Saya mengunjungi satu negeri di utara baru-baru ini dan mendapati ada pelancong Eropah di situ hanya memakai coli dan seluar dalam.

"Saya ingin berpesan kepada kerajaan negeri supaya mengelak perkara ini dari berlaku di Kelantan dan harus menjadikan negeri ini sebagai alternatif kepada mereka yang berpakaian sopan," katanya mengulas isu pelancongan pada sesi penggulungan ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri (DUN) oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, semalam.

Nik Aziz berkata, pihak pelancongan negeri perlu berusaha menjadikan Kelantan sebagai tarikan pelancong Eropah yang berpakaian sopan dan pada masa sama memastikan mereka mengikut peraturan berpakaian ditetapkan pihak berkuasa negeri.

"Kalau hendak telanjang, saya tidak kisah, itu mereka boleh lakukan hanya apabila berada di rumah tanpa membabitkan orang ramai.

"Apabila berada di tengah masyarakat seperti di negeri Kelantan, mereka harus berakhlak dan berpakaian sopan dengan mengikut peraturan Islam.

"Kerajaan negeri sentiasa menekankan soal akhlak dan sentiasa mengawasi keadaan pelancong yang mengunjungi negeri ini, yang mungkin bertindak mengikut perasaan mereka.

"Kalau kita di rumah ikut peraturan di rumah dan bila berada di dalam masyarakat harus mengikut peraturan kerajaan," katanya.

Terfikir juga saya, kenapa tok guru dan exconya memilih mengadakan mesyuarat di Pulau Langkawi apabila telah lama sedar keadaan Pulau Langkawi begitu? Juga mengapa mengadakan mesyuarat Kerajaan Negeri luar dari Kelantan, sedangkan satu masa kita pertikai kerajaan BN sering buat lawatan atau mesyuarat luar negara. Mereka dituduh guna wang kerajaan yang merupakan wang rakyat. Apakah rakyat Kelantan merestuinya.

Begitu juga dalam menghadiri Rumah Terbuka Pas pada 9.9.2012 lalu, MB Kedah telah membawa kereta yang dia pernah akui kereta Kerajaan Negeri, Mercedes dengan nombor plat KCX 8. Tidakkah wang rakyat Kedah diguna olehnya semata-mata untuk pergi makan, sedang waktu itu masih ada penduduk Memali dari ahli Pas sangat memerlukan wang. Adakah Datuk Seri berani tegur sikap MB Kedah itu atau juga Datuk Seri turut merasai kemewahan kereta itu. Di waktu yang sama kita gegarkan kehebatan Khalifah Omar Abd Aziz, sebagai seorang pimpinan yang sangat amanah dengan harta negara dan harta rakyat. Kita ceritakan ini untuk diteladani oleh siapa?

Kalau Datuk Seri dan Mursyidul Am serta lain-lain ulama Pas tidak berani menegur MB Kedah dikalangan anggota sendiri, bagaimana nanti bila PR berkuasa dan DSAI menjadi PM. Sanggupkah Datuk Seri dan lain-lain pimpinan Pas menegur segala tindakannya yang tidak selari dengan syariat Islam. Khususnya melaksanakan hudud seperti yang sangat dikehendaki oleh Tok guru Nik Aziz?

Selepas ini dalam sejarah negeri Kedah akan tercatat dua peristiwa yang amat mengguris perasaan hati umat Islam seluruhnya, khasnya di Kedah. Pertama, bagaimana MB Pas dan exconya tergamak menjual tanah wakaf surau milik umat Islam kepada orang kafir. Tanah seluas 0.1042 hektar lot 623 di Jalan Tambang Badak, Alor Setar, milik asal mufti pertama Kedah, kini telah bertukar milik kepada sepasang kafir bernama Dato' Ho Kiong Chan nombor kad pengenalan 581022-71-5065 dan pasangannya Datin Suryani kad pengenalan 590822-71-5180. Seorang dikatakan berasal dari anak paderi Kristian Indonesia, dan seorang lagi anak aktivis Kristian dari Singapura. Apa maksud semua ini dan kenapa Pas Pusat berlepas tangan?

Kedua, anak cucu umat Melayu Kedah, terutamanya yang tinggal di Kg Sungai Kob, Padang Serai akan dapat lihat sebanyak 90,000 bangkai orang kafir dari Cina, Singapura, Hong Kong dan dalam negara akan di bawa masuk untuk ditanam di bumi umat Islam. Hampir 200 ekar tanah orang Melayu berpindah milik kepada orang bukan Islam. Di mana maruah kita, khasnya pejuang Islam di Kedah. Kalau dulu kita menuduh kerajaan Umno zalim kerana menangkap ahli Pas yang pertahankan hak mereka, kini pimpinan Pas pula seperti mengarahkan pihak berkuasa menangkap penduduk Islam yang membantah projek berkenaan. 12 dari mereka sedang dibicarakan.

Inilah hasilnya yang umat Melayu Islam dapat sejak wujudnya kerjasama dalam PR. Biarlah apapun alasan dari pimpinan Pas, hakikatnya bumi umat Islam semakin terhakis sama ada di Kedah atau Pulau Pinang. Tanpa menjatuhkan setitik darah pun, kafir di negara

ini dapat merampas satu persatu bumi Islam. Amat malang apabila yang menurunkan tandatangan menghalalkan tindakan ini, terdiri dari ulama Pas.

Justeru, apakah tindakan saya ini salah, biadab atau khianat terhadap pimpinan ulama Pas? Ustaz Harun Taib dalam satu sidang DUN Terengganu pernah ditegur oleh Speaker Dewan kerana bersikap agak agresif. Dia jawab, oleh kerana Speaker terlebih dulu bersikap begitu, maka dia kena lebih dari itu. Jadi, saya melihat perbuatan MB Kedah ini bukan lagi tidak menghormati umat Islam, malah tidak menghormati harta hak milik Allah. Oleh itu, untuk apa dia dan ulama Pas sepertinya harus dihormati? Di sini tidak bermaksud untuk memperlekehkan ulama Pas, tetapi semuanya berlaku kerana akhlak buruk ulama Pas itu sendiri membuat umat semakin hilang kepercayaan dan penghormatan.

Kekuatan dakwah Nabi Muhammad SAW terletak pada akhlaknya, begitu juga dengan lain-lain nabi. Ketika menerima pelawaan anak gadis Nabi Syuaib ke rumah mereka, Nabi Musa minta dia berjalan di hadapan walaupun dia tidak tahu mana arah rumah Nabi Syuaib. Diminta anak gadis Nabi Syuaib memberi isyarat belok kiri atau kanan jika bertemu persimpangan. Kenapa? Dia nak mengajar kita cara berakhlak bila bersama gadis. Kalau dia mengekori anak gadis Nabi Syuaib, ertinya dia akan melihat bentuk tubuh gadis tersebut arah belakang. Tujuan Nabi Musa adalah untuk mengelak fitnah wanita.

Kalau ulama dalam Pas hari ini boleh bergurau, memandang berkali-kali, gelak ketawa dengan anak gadis, mak-mak janda atau isteri orang, apa pula dengan dengan remaja Pas yang masih liar dengan ibadah solat? Sebab itu, ada juga yang bertanya tentang akhlak pimpinan Pas dari kalangan profesional yang tidak menzahirkan akhlak Islamiknya. Boleh berdekah-dekah ketawa di kedai kopi, ada yang hingga menepuk meja kerana seronok berbicara. Tak kurang pula yang sering mendedahkan keburukan pimpinan lain secara terbuka di gerai-gerai makan dan seumpamanya.

Di samping itu, lebih berani lagi hari ini adanya ahli atau penyokong Pas yang sanggup secara jelas memburukkan para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Omar dan Osman. Menghina isteri nabi, Siti Aishah. Apakah Datuk Seri tidak sedar hal ini? Kalau sedar, kenapa boleh dibiarkan barah ini menular dalam tubuh Pas? Semua ini membuktikan kelemahan kepimpinan Datuk Seri dan lain-lainnya. Seharusnya kekalahan Pas Terengganu dalam PRU 12, 2004 dulu harus dipertanggungjawabkan oleh kepimpinan Pas Terengganu di bawah pimpinan Datuk Seri.

Tetapi mahukah Datuk Seri dan lain-lainnya meletak jawatan di atas kekalahan tersebut. Tentu tidak, sebab kekalahan itu diletakkan pada putarbelit atau penipuan dari Umno. Sedangkan, Datuk Seri pernah mengingatkan kami, jika kita menolong agama Allah, Allah akan tolong kita. Apakah dalam hal ini Allah tidak menolong Pas Terengganu? Lihatlah diri sendiri, kenapa rakyat Terengganu menolak pemerintahan Pas. Cukup amanahkah semua exco, YB dan tok-tok ketua kampung di bawah kerajaan Terengganu.

Tak terfikirkah kenapa Allah tidak mengizinkan kerajaan pusat beri subsidi minyak ketika Pas berkuasa? Datuk Seri tentu setuju dengan saya yang sebahagian besar dari hasil subsidi itu tidak akan sampai kepada rakyat? Lihatlah apa yang berlaku di Kedah. Ada sumbangan dari kerajaan pusat lebih seratus juta untuk pemulihan jalanraya di Kedah. Hanya separuh sahaja diguna untuk membaiki jalan sementara separuh lagi disimpan oleh kerajaan Kedah tanpa diketahui untuk tujuan apa. Tidakkah ini amanah untuk rakyat? Di waktu yang sama kami pengguna jalanraya di Kedah di daerah terpencil mengalami masalah yang serius. Kemalangan yang mendatangkan cedera parah sering berlaku dan ada yang mati disebabkan jalan yang rosak. Sebab itu saya tidak terkejut bila menerima sms dari kawan yang bersyukur bila kerajaan Pakatan Rakyat Perak jatuh semula kepada BN. Kenapa?

Jadi, kalau sikap ini masih tidak berubah maka jangan haraplah untuk Pas mengambil semula pemerintahan di Terengganu. Kalau Pas Terengganu gagal dalam PRU 13 ini, malah Pas Kedah serta Kelantan turut terjejas, maka bukan lagi harus malah wajib buat Datuk Seri dan lain-lain pimpinan tertinggi Terengganu serta pusat meletak jawatan. Kalau selama ini kita pinta pimpinan Umno letak jawatan kerana gagal dalam pentadbiran, maka pimpinan Pas juga tidak perlu untuk menunggu sehingga ada desakan dari ahli berbuat begitu.

Datuk Seri,

Sebelum mengundur diri, sekali lagi saya ulangi, bukan tujuan saya di sini untuk menjatuhkan maruah sesiapa, terutamanya terhadap Datuk Seri. Siapalah saya untuk pertikaikan ilmu Datuk Seri. Apa yang saya hendak tekankan di sini adalah dari segi sikap Datuk Seri dan juga Mursyidul Am yang tidak istiqamah dengan perjuangan asal Pas. Mudah terikut dengan kehendak sekeliling hingga mendatangkan perpecahan dalam ummah. Menghilangkan keyakinan umat pada ulama, kerana Datuk Seri berada di atas perjuangan Islam.

Apa yang saya lakukan ini semata-mata cintakan Islam juga sayangkan bangsa Melayu yang majoritinya berada dalam Pas. Perkembangan semasa dalam senario politik tanah air, saya lihat cara Pas melayan rakan bukan Islam, lebih memudaratkan ummah berbanding apa yang dibuat oleh Umno. Pas merupakan ancaman buat Umno untuk bertindak lebih agresif melayan orang bukan Islam. Hari ini apabila Pas mendahului Umno melayan orang bukan Islam, seperti yang berlaku di Kedah, ertinya orang bukan Islam tidak lagi menggeruni sesiapa pun kalangan orang Islam.

Oleh itu, menjadi tugas saya membendung perkara ini dari semakin parah sehinggalah Pas kembali ke landasan sebenar perjuangan yang benar-benar berpandukan al-Quran dan sunnah. Ustaz Ahmad Lutfi Ariffin dalam bukunya Siasah Syar'iyyah muka surat 136, mencatatkan,

Ibnu Hazam berkata, ***"Sesungguhnya mengangkat pedang dalam melaksanakan amal makruf nahi munkar adalah wajib apabila tidak mungkin menghapuskan kemungkaran melainkan dengan cara demikian."***

Ini adalah pandangan dari Saidina Ali r.a dan mereka yang bersamanya. Saya tidaklah sampai ke peringkat mengangkat pedang. Tetapi saya tidak menafikan dalam beberapa hal yang Pas berkuasa seperti di Kedah dan Kelantan, dalam Koperasi Al-Hilal, dalam Harakah dan juga Tabung Mangsa Memali wujudnya ketirisan yang jelas mungkarnya. Semoga saya tidak dipaksa untuk mendedahkan semua ini.

Bagaimanapun dalam usaha mencegah kemungkaran BN bawah Tun dulu, saya memang pernah merancang untuk membunuh PM ketika itu, Tun Dr. Mahathir. Semua ini semata-mata didorong oleh Amanat Datuk Seri dan juga penekanan hudud yang menjadi teras pentadbiran negara Islam yang diperjuangkan sewaktu itu.

Kalau nabi pernah ditegur ketika berkhutbah, para sahabat ditegur dengan hunusan mata pedang, apalah sangat teguran dari saya ini. Bagaimanapun, bergantung sejauh mana penerimaan Datuk Seri, pimpinan Pas dan ahli Pas berdepan dengan tindakan ini. Adakah akan mengalir air mata kerana takutkan Allah selepas membaca teguran ini atau akan merah muka kerana marah yang amat sangat ke atas saya. Alangkah baiknya kalau ucapan Saidina Abu Bakar ini di teladani,

"Wahai manusia, sesungguhnya aku dilantik untuk memimpin kamu dan aku bukanlah orang terbaik dari kalangan kamu. Dari itu, sekiranya aku melakukan perkara yang baik maka bantulah aku. Sekiranya aku melakukan perkara yang menyeleweng maka perbetulkanlah aku…"


Marilah sama-sama kita mohon pada Allah semoga pemimpin-pemimpin Islam semua parti kembali bersatu demi kecemerlangan Islam, orang-orang Melayu yang berpecah kembali berpaut pada tali Allah dan negara lebih aman dari yang sedia ada. Moga bala bencana dan musibah seperti mana yang berlaku kepada negara Timur Tengah dan Asia Barat menjadi teladan buat kita. Hanya untuk menuntut kehendak pihak yang tidak berpuas hati dengan pemerintah, akhirnya seluruh pembinaan ekonomi, aset sejarah silam kecemerlangan Islam habis musnah, yang akhir musuh Islam sebenar muncul berkuasa.

Apakah umat Islam Malaysia sanggup menghadapi keadaan sedemikian?

"Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu, dan bertaqwalah pada Allah supaya kamu beroleh rahmat" - Al-Hujurat : 10

Wassalam

DALAM MENCARI KEBENARAN
MENUNTUT KEADILAN
ADA MATA LIHAT
ADA AKAL FIKIR



Hadi: 'Pas tidak ganjak dalam soal halal haram'

6 MAC 2012, SHAH ALAM - Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mahu pengundi-pengundi Melayu Islam memberi kepercayaan kepada parti itu untuk menggantikan Umno dengan konsep Islam menyelesaikan masalah masyarakat majmuk, menerusi gagasan Pakatan Rakyat. Sambil menegaskan bahawa Pas tidak berganjak dalam perkara halal dan haram serta perkara wajib, dalam semua urusan peribadi dan cara hidup tanpa memaksa penganut agama lain, Abdul Hadi berkata, partinya mewajibkan sifat Islam itu bermula dengan peribadi pemimpin.

"Dalam hal ini sesiapa sahaja ahli Pas yang mengerjakan perkara haram dipecat daripada parti.

"Pas pernah memecat Ahli Parlimen yang menari dan sebagainya. Ada pun pihak lain terpulang kepada anutan yang tidak boleh diganggu-gugat dengan kawalan yang tidak merosakkan hubungan masyarakat majmuk," kata beliau dalam satu kenyataan beliau hari ini.

Ahli Parlimen Marang ini berkata, apabila memerintah Kerajaan Negeri dan Pas memimpinnya, maka pendekatan Islam mengikut bidang kuasa negeri dilaksanakan dengan batas hukum syarak

"Umno pula tidak konsisten dan iltizam apabila menunjukkan Islam secara terpilih dan tidak ada peraturan boleh memecat ahli Umno yang mengerjakan maksiat kerana sifat kebangsaannya sahaja mengatasi sifat Islamnya," kata beliau lagi

"Pelaksanaan Islamnya juga tidak istiqamah, contohnya dalam kawalan terhadap arak dan judi pula secara berlesen yang tidak ada sempadan kukuh bagi penganut Islam, bukannya kawalan secara hukum Islam yang sebenar sehingga penganut Islam dalam Umno tidak mampu menjadi model Islam dan Umno gagal mendidik Melayu Islam menjadi contoh yang baik," katanya lagi.

Hadi perjelas sebab Pas tidak bersama Umno

WARTAWAN SINAR HARIAN
17 Mac 2012


Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang

SHAH ALAM - Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang malam tadi menjelaskan sebab parti itu tidak boleh bersama Umno walaupun sudah didesak dan dipujuk oleh parti teras Barisan Nasional (BN) itu beberapa kali sejak selepas Pilihan Raya Umum (PRU) 2008.

Menurut Abdul Hadi, perkembangan sejak Pas mengambil alih Kelantan pada tahun 1990 adalah antara punca ia tidak boleh bersama dengan Umno.

Pada muktamar-muktamar sejak PRU 2008, Pas membuat pendirian akan bersama PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat (PR).

"Apabila Pas memerintah Kelantan, kerajaan pusat telah melambat-lambatkan 'capitation grant' kepada kerajaan negeri Kelantan dengan satu alasan sahaja iaitu mendera Pas.

"Apabila Pas menang di Terengganu, atas desakan perwakilan di mesyuarat agung Umno, Kerajaan Pusat telah merampas royalti minyak yang menjadi hak rakyat Terengganu.

"Apakah kerajaan Kelantan dan Terengganu ini China ke India... bukankah ini kerajaan Melayu jika mereka kata nak bersatu atas nama Melayu," kata beliau dipetik Harakahdaily hari ini.

Abdul Hadi berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Pemimpin anjuran Muslimat Pas Pusat di sini, malam tadi.

Pas memimpin Kerajaan Terengganu antara 1999 dan 2004.

Kerajaan Kelantan berada di bawah kepimpinan Pas sejak 1990 dengan Menteri Besarnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Nik Abdul Aziz juga hadir pada majlis makan malam semalam.

Abdul Hadi seterusnya berkata: "Semasa Kerajaan Sabah dimenangi oleh PBS pun, Kerajaan Pusat tidak menyekat royalti minyak kepada Sabah."

Abdul Hadi yang juga bekas Menteri Besar Terengganu memberitahu bahawa bagi beliau, Melayu akan maju dan bermaruah dengan Islam tetapi yakinlah Melayu akan layu tanpa Islam dan hanya dengan Melayu sahaja.

Ahli Parlimen Marang ini juga membangkitkan hubungan Pas dengan Umno dalam kerajaan persekutuan ketika ia menyertai BN susulan peristiwa 13 Mei 1969.

Ia pula dibuat hasil dari satu keputusan yang dicapai dalam satu muktamar khas yang dianjurkan oleh Pas.

"Kita berusaha melaksanakan Islam dalam pentadbiran dan berjaya membuat banyak perkara juga tetapi apabila kita mahu laksana Islam lebih jauh, pergeseran berlaku.

"Hasilnya Pas ditendang keluar dari BN," kata Abdul Hadi mengibau peristiwa 1978 apabila Pas ditendang keluar dari BN.

Beliau menjelaskan isu itu panjang lebar selepas ditanya oleh salah seorang peserta majlis makan malam itu kenapa Pas tidak bersama dengan Umno padahal Umno bertalu-talu berusaha mahu bersama Pas.



Ustaz Haji Abdul Hadi Awang

SEDUTAN UCAPAN DATUK SERI HJ HADI AWANG DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU PADA 27 NOVEMBER 1984

Bagi mengambil masa yang diperuntukkan pada saya membahaskan belanjawan ini dan mengambil kesempatan yang diberi ini, suka saya beri peringatan kepada pihak kerajaan, sesungguhnya pihak kerajaan itu hendaklah menganggap bahawa amanah yang diberi oleh Tuhan dalam memimpin umat ini adalah lebih besar dan lebih utama dari amanah yang diberi oleh rakyat setiap musim pilihanraya.

Kita semua adalah manusia, sama ada kami dari pihak pembangkang ataupun dari pihak kerajaan. Kita adalah manusia dan oleh itu kita hendaklah berfikir secara manusia yang mungkin melakukan kesalahan. Apa yang menjadi masalah, seringkali kenyataan yang diberikan oleh pihak pembangkang dalam dewan-dewan pada masa yang lalu, termasuk dalam dewan ini, pandangan ini dipandang ringan oleh kerajaan. Dalilnya peringatan-peringatan dari penyelewengan yang lalu masih lagi berulang. Kerajaan memperkecilkan pandangan-pandangan itu walaupun dalam perkara-perkara yang melibatkan **soal halal dan haram.**

Masalahnya sekarang jelas kepada kita, bukan pegawai kerajaan (penjawat awam) yang salah, bukan kita tidak mempunyai kewangan yang cukup menjalan perancangan-perancangan bagi memenuhi bajet yang hendak diperuntukkan oleh kita ini, tetapi yang jelas sekarang ialah dari dasar yang salah, dari sistem yang salah yang diamuti oleh pihak kerajaan itu sendiri. Ini berdasarkan kepada beberapa keadaan, kepada beberapa dalil dan bukti, di antaranya sumber pendapatan hasil negeri Terengganu ini. Walaupun telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan kemewahan kekayaan perut buminya yang begitu banyak dan cukup bagi negeri Terengganu ini untuk menampung segala keperluan-keperluan dan memenuhi tuntutan-tuntutan rakyat, masih ada lagi sumber-sumber yang diharamkan oleh Islam, yang ditentang oleh Islam, walaupun ia dalam jumlah yang amat sedikit, jumlah yang amat kecil tapi ianya sudah cukup menjadikan seluruh peruntukkan itu tidak diberkati oleh Allah SWT, kerana tidakkah Allah telah berfirman,

"Hai orang-orang yang beriman! Berbelanjalah kamu daripada apa-apa yang baik dari apa yang kamu usahakan dan apa yang Kami keluarkan untuk kamu dari muka bumi dan janganlah kamu sengaja bergelumang membelanjakan dengan apa yang keji, yang diharamkan oleh Allah SWT" - Al-Baqarah : 267

Apabila dilihat kepada perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan, kita dapati masih lagi perkara-perkara yang ditentang oleh Islam diizin oleh kerajaan, dan ada lagi perkara-perkara yang bukan sahaja diizinkan oleh kerajaan, tetapi kerajaan sendiri yang menganjurkannnya seperti Primula Hotel yang disebut oleh saudara saya, wakil dari Wakaf Mempelam tadi. Dan ini adalah kesalahan yang tidak boleh dipandang ringan, walaupun ia dilakukan oleh kerajaan bala dan akibat dari perkara yang tidak baik

itu akan ditimpa juga ke atas pihak pembangkang dan pihak yang tidak memihak kepada mana-mana pun di dalam negara ini.

Hendaklah difaham, sesungguhnya pelaksanaan Islam itu menurut apa yang dinyatakan oleh ulama-ulama Islam yang mengkaji tentang pelaksanaan Islam yang dilakukan oleh pemerintah tidak lain dari dua keadaan sama ada pelaksanaan itu **berdasarkan kepada Hidayah petunjuk tuhan ataupun** pelaksanaan itu berdasarkan **kepada Jibayah**, kepada **kepentingan-kepentingan kebendaan dan kedudukan**. Di mana pelaksanaan Islam berdasarkan hidayah, kepada petunjuk Allah SWT ialah kerajaan akan melaksanakan perintah-perintah Islam dan ia yakin kepada pertolongan Allah SWT yang memberi sumber rezki dan menolong kekuatannya dan menolongnya dalam memajukan negara, tidak percaya kepada dakyah-dakyah yang menyatakan jika sekiranya kita mengikut Islam, maka akan melesetlah ekonomi kita, akan mundurlah keadaan kita dan akan tertekanlah kita dengan realiti dan keadaan yang ada dalam dunia hari ini.

Jika sekiranya kerajaan itu berdasarkan jibayah, maka kita akan memilih pelaksanaan Islam yang berdasarkan kepada perkara-perkara yang hanya memberi keuntungan dari segi kebendaan, yang hanya boleh menarik minat rakyat untuk memberi sokongan kepada kita sekalian.

Saya tujukan ucapan saya kepada orang yang mengaku Islam, yang memahami Islam dan mengerti Islam. Dirujukkan kepada kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kerajaan di peringkat pusat, di mana PM sendiri dalam perhimpunan Umno yang lalu, bahawasanya apa yang dimaksudkan dengan penerapan nilai-nilai Islam itu ialah skop penerapan nilai-nilai yang baik yang ada di dalam ajaran Islam, bukannya sampai ke peringkat pelaksanaan Islam yang menyeluruh. Dan TPM pula dalam satu kenyataannya yang dibuat di Singapura, pernah menyatakan bahawa Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara Islam tulen. Di mana dari ucapan-ucapan ini terang dan jelas, saya mengetahui bahasanya mungkin ada orang yang tidak reda dan ada orang yang tidak tahu menentukan, samada reda ataupun tidak reda.

Kita hendaklah memahami sesungguhnya walaupun negeri ini dinamakan negeri Darul Iman, apabila inilah yang menjadi undang-undang dasar negara kita dan negeri Terengganu ini berada di bawah undang-undang dasar itu (perlembagaan Lord Reid), sesungguhnya dasar yang berlaku merupakan kesalahan yang sangat besar di sisi Islam kerana kesalahan memberi kuasa kepada selain daripada Allah SWT dalam menentukan hukum-hukum yang hanya kepunyaan Allah SWT. Antara contohnya adalah seperti apa yang berlaku dalam dewan ini, apabila sahabat saya wakil dari Manir mengemukakan hukum Islam tentang ASN, apabila kita bincangkan satu hal yang berkait dengannya, tetapi dewan ini tidak mengambil keputusan dari segi halal dan haram yang berdasarkan hukum Islam tetapi berdasarkan kepada suara terbanyak yang ada di dalam dewan ini.

Fasal 7, Perlembagaan Pas menyatakan bahawa kuasa tertinggi di dalam Pas ialah Quran, Hadis Nabi, Ijmak Ulama dan Qias. Fasal 3, Perlembagaan Umno menyatakan bahawa Umno adalah sebuah parti politik yang progresif, berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan. Yang kedua pula disebut mendokong Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan-perlembagaan negeri juga mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, terutama mengenai agama rasmi yakni Islam.

Kita (Pas) telah menyatakan kesediaan untuk bermuzakarah dan berbincang berdasarkan al-Quran dan Hadis Nabi SAW beberapa kali. Apa yang menjadi masalah, bukan kita yang menjadi tempat bermuzakarah. Saya ingin menarik perhatian satu hal yang berlaku iaitulah satu kenyataan yang dinyatakan oleh Paderi Besar Malaysia Barat di dalam akhbar Sunday Times 11 November 1984, iaitu Tan Sri John G Savari Muthu membuat kenyataan bahawa Timbalan Perdana Menteri telah berjumpa dengan kami (Paderi) bagi berbincang tentang isu dua imam dan akad nikah dua kali. Dengan Paderi dia (Umno) berbincang.

Inilah yang menjadi masalah kita sekarang dan inilah yang menjadi punca perpecahan dan perselisihan pendapat. Apa yang berlaku akibat dari sistem yang diwarisi dari zaman penjajahan begitu lama, menyebabkan orang-orang kita tidak tahu, sama ada tahu atau tidak tahu dan yang tahu sengaja buat tidak tahu dan yang tidak tahu pun buat macam tahu bercakap tentang Islam, mengeluarkan ucapan-ucapan yang menjejaskan akidah.

Terdapat di kalangan umat Islam orang-orang yang memperkecilkan orang yang memberi ucapan dan bercakap, cakap-cakap yang boleh menjejaskan akidah yang menyatakan bahawa Islam ini tidak sesuai, tidak boleh dilaksanakan kerana negara ini masyarakat majmuk dan adapun orang yang membuat kenyataan bahawa kita mahu kepada Islam tapi dengan cara 'tadarruj' dan membandingkannya dengan pengharaman arak seperti yang telah diulas oleh sahabat saya dari Manir kelmarin.

Saya menyedari bahawa banyak ucapan-ucapan yang bertentangan dengan Islam yang dinyatakan sama ada oleh pemimpin peringkat bawahan ataupun atasan mungkin kerana kejahilan mereka. Tetapi yang menjadi masalah ialah kepada mereka yang tahu apa yang sebenarnya, tetapi tidak menjelaskan dengan sebenarnya yang tidak menjalankan peranan ulama 'Al-Ulama Warisatul Anbiya' seperti hadis yang dibacakan oleh wakil Binjal tadi. Di mana para ulama tidak menjelaskan peranan seperti yang dikehendaki yang dilaksanakan oleh para anbiya yang menyatakan yang hak walaupun apa dan siapa yang melakukannya. Walaupun kebatilan itu dilakukan oleh mereka yang berkuasa, mereka yang mempunyai kekuasaan tetapi menjadi kewajipan padanya untuk menyatakan yang hak.

Saya suka menarik perhatian kepada satu catitan yang disebut dalam tafsir ‘Pimpinan Ar Rahman’ yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang muqadimahnya ditandatangani oleh Perdana Menteri. Di mana dalam tafsir itu ada menyatakan,

“Orang-orang yang dimurkai Allah ialah orang-orang yang mengingkari dan menyembunyikan sesuatu perkara agama yang diketahuinya betul dan benar atau orang yang tidak mahu menerima sesuatu hukum agama yang sampai kepadanya dengan keterangan-keterangan yang sah, kerana beberapa sebab yang mempengaruhi jiwanya seperti perasaan taksub atau fanatik kepada sesuatu pendapat, keinginan untuk menjaga nama atau ingin menjaga keadaan atau kedudukannya yang turun temurun atau fikiran hendak menghormati sesuatu keadaan masyarakat.”

Semoga Allah SWT melindungi kita daripada perkara yang tidak sebenar dan meletakkan kita kepada apa yang sebenar. Demikianlah, Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

'Perangilah orang yang tidak beriman pada Allah dan tidak beriman pada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya.'

At-Taubah, awal ayat 29,

Inilah antara Kalamullah, yang sering digunakan oleh pimpinan PAS dalam mengKAFIRkan UMNO suatu ketika dahulu. Bagaimana pula dengan kerajaan PAS Negeri Kedah, yang masih mengekalkan perkara-perkara haram dan maksiat. KAFIRkah Azizan...?



Di sebalik senyuman ini, tidakkah terpalit seribu muslihat....?

Penyu yang gemalai lemahnya dihapus hancur kerana Allah,
Helang yang sempurna perkasa dibiar megah, berpencak gagah,
Ketahuilah wahai si dabik dada yang telah tahu, Sungguh!...Islam itu bersih pada awal, tengah dan akhirnya....

Kapak hikmah Khalilullah penerang segala cerita dusta lagi curang,
Muhammad yang agung, penerus bersih rumah suci kesatuan hati,
Duhai para pimpinan yang hakikatnya tetap abdi, hinakanlah dirimu kembali pada Ilahi...

Bangunlah wahai Ikhwan, kembali kepada kisah dan tauladan,
Tenangnya Sang Khalid dipecat Umar di tengah medan,
Tawaduknya Umar diingat umat selaku amaran kebenaran,
Sabarnya Al-Fateh membentuk akhlak dengan hukum tuhan...

Wahai pimpinan yang hakikatnya tetap abdi...kenangkanlah,
Salehuddin mewakafkan pangkat Sultannya di khemah perjuangan,
Wahai pimpinan yang hakikatnya abdi dalam kelekaan,
Kenangkanlah!...kenangkanlah!..kenangkanlah nikmat tuhan kamu yang mana satukah yang telah kau dustakan!...

Wahai pimpinan yang bakal menghadap kadirabuljalil!,
Jangan pernah disia hampa kurban nyawa itu, nyawa yang sedia menerima bidikan peluru hasil kalam semangat mu disuatu ketika dahulu!

Yang juga abdi seperti mu...Peluru Puitis